



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

2019



HOSPITAL
DUCHESS OF KENT
SANDAKAN

ISI KANDUNGAN

Bil	Kandungan	M/Surat
1.	Perutusan Pengarah Hospital	1
2.	Carta Organisasi	2
3.	Sejarah Hospital	3
4.	Visi	3
5.	Misi	3
6.	Objektif	3
7.	Nilai	3
8.	Piagam Pelanggan Hospital	3
9.	Latar Belakang	4
10.	Pembangunan	4
10.	Perkhidmatan dan Kemudahan Hospital	4
11.	Isu Dan Cabaran Semasa	5
12.	Laporan Keseluruhan	6
13.	Laporan Jabatan Dan Unit	
	Perkhidmatan Pembedahan	7
	Perkhidmatan Perubatan	45
	Perkhidmatan Wanita dan Kanak-kanak	65
	Perkhidmatan Sokongan Klinikal	71
	Perkhidmatan Pengurusan Klinikal	116
	Perkhidmatan Pengurusan Am	137

Perutusan Pengarah Hospital



**DR FRANCIS PAUL
PENGARAH
HOSPITAL DUCHESS OF KENT SANDAKAN**

Syabas dan tahniah kepada Unit Komunikasi Korporat kerana Berjaya menghasilkan Laporan Tahun 2019 Hospital Duchess of Kent Sandakan.

Tahun 2019 adalah tahun yang tenang bagi hospital. Perkhidmatan berjalan dengan lancar tanpa banyak gangguan. Namun, tiada projek pembangunan yang besar dan tumpuan lebih kepada penyampaian perkhidmatan sedia ada, pengurusan sumber manusia dan kewangan yang optimum serta penyelenggaraan hospital oleh syarikat konsensi

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan hospital yang terus memberi komitmen yang tinggi pada perkhidmatan hospital.



VISI

Menjadi peneraju dalam perkhidmatan perawatan perubatan yang berkualiti dan selamat di Pantai Timur Sabah.

To become a leader in providing good quality and safe medical care in the East Coast of Sabah

MISI

Memberi kepuasan pelanggan yang menyeluruh melalui perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti, beretika secara cekap dan professional untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan.

To provide good quality and safe medical care through integrated clinical practice, training and research to meet the expectations of our clients

OBJEKTIF

Meningkatkan kualiti perkhidmatan secara berterusan melalui kaedah diagnosis, rawatan, pemulihan dan kajian

To continually improve the quality of service to our customers through diagnostics, treatment, rehabilitative care and research

NILAI

Perkhidmatan yang prihatin, beretika dan professional serta berintegriti dengan semangat berpasukan

A service that is compassionate, ethical and professional with integrity and team spirit

PIAGAM PELANGGAN HOSPITAL

- Setiap pelanggan akan dilayan dengan mesra, jujur, ikhlas, dan bersopan santun.
- Setiap Pesakit akan diberi rawatan perubatan secara professional.
- Setiap Pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan pelan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.
- Setiap pesakit akan diberi jaminan bahawa kehormatannya akan dipelihara semasa menerima rawatan. Rahsia kerahsiaan pesakit akan dilindungi dan hanya boleh diberitahu dengan pihak tertentu dengan keizinannya dan tertakluk kepada undang-undang.

LATAR BELAKANG

Hospital Duchess of Kent terletak 3.2 km dari Bandar Sandakan dan dibina pada tahun 1952. Ianya merupakan hospital moden yang pertama di Sabah dengan kapasiti 400 buah katil dan dikategorikan sebagai hospital pakar major. Hospital Duchess of Kent dinamakan sempena nama Princess Marina Duchess of Kent.

Kawasan liputan perkhidmatan hospital adalah sangat luar termasuk daerah Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Tongod iaitu seluas 26,638 km persegi dengan populasi penduduk seramai 780,000 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum dan kenegaraan dan latar belakang.

Hospital ini telah mencapai pelbagai kejayaan seperti pencapaian pensijilan EKSA, MSISO, BFHI, BeSS, GMP dan hospital pertama di Sabah yang mendapat pengiktirafan "Painfree Hospital". Hospital ini juga mempunyai perkhidmatan Traditional & Perubatan Komplimentari dengan menawarkan perkhidmatan akupunktur, urutan traditional dan urutan pos-natal.

PEMBANGUNAN

Bangunan asal hospital dibina pada tahun 1952 dengan kapasiti wad, pejabat dan klinik pesakit luar. Dengan pertambahan penduduk dan peningkatan perkhidmatan perubatan, bangunan maternity telah dibina pada tahun 1980, bangunan Klinik Pakar 1999 dan Bangunan 3-6 Tingkat pada tahun 2007. Bangunan hemodialisis juga dibina di tapak yang baru dengan kapasiti 25 mesin pada tahun 2012.

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN HOSPITAL

Perkhidmatan Klinikal	Perkhidmatan Sokongan Klinikal	Pengurusan
<ul style="list-style-type: none"> • Perubatan Am • Pembedahan Am • Pediatrik • Obstetrik & ginekologi • Ortopedik • Psikiatri • Trauma dan Kecemasan • Oftalmologi • Otorinolaringologi • Bedah Mulut dan Maksilofasial • Pengimejan dan Diagnostik • Patologi • Anestesiologi dan Rawatan Rapi 	<ul style="list-style-type: none"> • Farmasi dan Bekalan • CSSD • Sajian dan Dietetik • Forensik • Rekod Perubatan • Pemulihan Carakerja • Fisioterapi • Promosi Kesihatan • Perubatan Traditional dan Komplimentari • Sosial Perubatan • Kejururawatan • Psikologi Kaunseling • Pengurusan Kualiti • Clinical Research 	<ul style="list-style-type: none"> • Pentadbiran • Sumber Manusia • Kewangan dan Akaun • Perolehan • Pembangunan dan Aset • Teknologi Maklumat • Perhubungan Awam • Kejuruteraan dan Penswastan

ISU DAN CABARAN

Hospital ini terus mengalami masalah kesesakan klinik dan wad terutamanya wad perubatan dan wad pediatrik dengan BOR mencecah lebih 80%. Klinik ENT dan Mata yang berkongsi tempat juga terus mengalami masalah kesesakan dan ini menyebabkan ketidakselesaian kepada pelanggan dan kakitangan.

Jabatan Rekod juga masih menggunakan 9 lokasi penyimpanan fail yang banyak iaitu melebihi 350,000. Sistem pendaftaran dan pemantauan pergerakan fail yang dibangunkan oleh Unit ICT HDOK dan ditambahbaik dengan system QR atas kerjasama dengan UNIMAS telah meningkatkan kecekapan pengurusan fail dan mengurangkan keciciran dan kehilangan fail.

Dua projek yang masih tertangguh adalah Projek Naiktaraf Bangunan Lama (Pusat Penilaian Pesakit Bersalin dan Pembinaan Cytotoxic Drug Reconstitution Centre) dan pemasangan MRI Scan. Kedua-dua projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020.

Masalah awam yang sering dibangkitkan adalah masalah ketiadaan tempat letak kereta. Permohonan untuk membina kawasan tempat letak kereta telah dipanjangkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia dan masih menunggu kelulusan. Antara tindakan yang diambil adalah menggalakkan kakitangan berkongsi kereta dan menggunakan kenderaan awam. Pihak JKR juga telah membantu meluaskan jalanraya dan membuat beberapa tambahan tempat letak kereta. Jumlah sekarang adalah 601. Keperluan adalah 1500.

Anjung Kasih tajaan Yayasan Kebajikan Negara dengan dana sumbangan Petronas telah mula dibina pada bulan Julai 2019 dan dijangka siap pada awal tahun 2020. Dengan adanya kemudahan ini, pesakit dan penjaga dari luar daerah Sandakan dapat menginap dengan lebih selesa. Anjung Kasih adalah balai pelawat yang boleh menampung seramai 60 orang.

Pihak hospital juga menyediakan MBOR untuk mendapatkan bangunan baru bagi wad, dewan bedah, jabatan kecemasan, jabatan pengurusan dan lain-lain lagi telah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Bangunan baru ini bertujuan mengurangkan kesesakan bangunan sedia ada, serta pematuhan kepada standard terkini bagi keselamatan dan kawalan infeksi hospital. Bangunan baru ini akan menempatkan sebanyak 230 buah katil.

LAPORAN KESELURUHAN

Perbandingan dengan tahun 2018, pada tahun 2019 perkhidmatan hospital berjalan dengan lancar dan menampakkan peningkatan beban kerja kedatangan pesakit di klinik pakar dari 99,828 ke 101,08 manakan bilangan kemasukan pesakit menunjukkan peningkatan dari 30,412 ke 35,503 dan BOR dari 60.44% ke 73.16%. Jabatan Kecemasan juga mengalami peningkatan kedatangan pesakit dari 75,621 ke 78,384 orang. Manakala bilangan kelahiran telah menurun dari 6006 ke 5894.

Peruntukan dan perbelanjaan hospital juga menunjukkan peningkatan. Perbelanjaan hospital telah meningkat dari RM169,333,312.32 ke RM 187,639,764.70

PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN

**JABATAN ORTOPEDIK
JABATAN OTORINOLARINGOLOGI (ORL)
JABATAN OFTALMOLOGY
WAD MATA DAN ORL
JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA
JABATAN ANESTESIA & RAWATAN RAPI
JABATAN BEDAH MULUT & MAKSILOFASIAL
JABATAN PERGIGIAN PEDIRATRIK**

JABATAN ORTOPEDIK

1.0 PENGENALAN

Jabatan Ortopedik Hospital Duchess of Kent Sandakan. merupakan tulang belakang bagi perkhidmatan perubatan trauma dan rawatan kepatahan, di pantai timur Sabah, yang meliputi kawasan Sandakan, Kinabatangan dan Beluran.

Jabatan ini mengendalikan kes-kes baru di wad dan rawatan susulan di klinik, disamping menerima kes-kes rujukan daripada jabatan lain di HDOK, pengamal perubatan umum dan rujukan daripada hospital dan klinik luar daerah.

2.0 OBJEKTIF

- Memberikan rawatan yang berkualiti melalui perkhidmatan diagnostik, rawatan dan pemulihan awal yang cekap, berkesan serta memementingkan pelanggan.
- Menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan.
- Menjalankan latihan dan penyelidikan secara berterusan serta memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan.
- Menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa kepada pelanggan dan warga kerja.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	
UD 54/52 Pakar Bedah Ortopedik	3	3	
UD 48 PP	1	1	
UD 44 PP	13	13	
U 36 PPP	1	1	
U 32 PPP	1	0	
U 29 PPP	2	2	

GUNA SAMA KLINIK ORTOPEDIK / PEMBEDAHAN			
U 32 JT	2	2	
U 29 JT	4	4	
U 19 JM	7	7	
U 14 PJT	1	1	
U 14 PPK	1	1	
U 11 PPK	1	1	
WAD ORTOPEDIK LELAKI			
U 32 JT	2	2	
U 29 JT	19	19	
U 24 JMK	1	1	
U 19 JM	5	5	
U 14 PPK	1	1	
U 11 PPK	4	4	
WAD ORTOPEDIK WANITA / GUNASAMA DENGAN JABATAN PEMBEDAH AM			
U 32 JT	1	1	
U 29 JT	27	27	
U 24 JM	1	1	
U 19 JM	5	5	
U 14 PPK	1	1	
U 11 PPK	5	5	

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Ortopedik bagi tahun 2019

- PBO - Pakar Bedah Ortopedik
- PP - Pegawai Perubatan
- PPP - Penolong Pegawai Perubatan
- KJ - Ketua Jururawat
- JT - Jururawat Terlatih
- JMK - Jururawat Masyarakat Kanan
- JM - Jururawat Masyarakat
- PPK - Pembantu Perawatan Kesihatan

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan Ortopedik HDOK menyediakan perkhidmatan seperti dibawah:

Diabetic foot
Arthroplasty
Hand & Micro Surgery
Foot & Ankle
Oncology
Paediatric Orthopaedic
Spine
Scoliosis
Sports

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Menubuhkan Persatuan Ortopedik Sandakan
2. Menganjurkan 1st Sandakan Basic Arthroplasty Course 2019
3. Mengambil bahagian dalam E-Poster Presentation at 64th Annual Conference of Indian Orthopaedic Association
4. Menganjur Trauma Workshop 2019



Gambar 1 : Basic Arthroplasty Workshop yang disempurnakan perasmiannya oleh Dr Francis Paul, Pengarah HDOK

6.0 PENCAPAIAN

Beban Kerja Jabatan Ortopedik Bagi Tahun 2018 Hingga 2019

ORTHOPAEDIC	2018	2019
No. of patients in clinic	15,096	13,883
No. of new patient	1,839	1,929
No. of discharges	1,477	1,335
Elective Surgery	573	639
Emergency surgery	2,686	3,649
POP	2,439	2,474
HUMAN RESOURCE	2018	2019
Pakar	2	3
Pegawai Perubatan	12	13
Penolong Pegawai Perubatan	4	3
Jururawat U32		3
Jururawat U29		40
Jururawat Masyarakat		12
Penolong Perawatan Kesihatan		11

8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Otorinolaringologi merupakan salah satu komponen perkhidmatan pakar yang disediakan di Hospital Duchess Of Kent Sandakan. Perkhidmatan Pakar Otorinolaringologi di HDOK Sandakan dimulakan pada tahun 1990 yang dikendalikan oleh seorang doktor pakar dari negara Myanmar, iaitu Dr. Win Tin. Pada masa tersebut beliau hanya dibantu oleh seorang Penolong Jururawat Terlatih. Jabatan ini menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti rawatan pesakit luar, rawatan pesakit dalam, pelbagai pembedahan (major & minor) elektif dan kecemasan. Untuk Pesakit Dalam, Jabatan ini diperuntukkan 8 buah katil (6 katil di ENT/EYE Ward dan 2 buah katil di MOW dan FSW).

2.0 OBJEKTIF, VISI & MISI

OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan Otorinolaringologi yang sesuai dan berkualiti.
- Meningkatkan taraf kesihatan dan kesedaran terhadap penjagaan telinga, hidung dan tekak di kalangan masyarakat.

VISI

Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent Sandakan akan menjadi Pusat Perkhidmatan Pakar yang berkualiti dan komprehensif di Pantai Timur Sabah yang dikendalikan oleh anggota yang profesional, cekap dan terlatih.

MISI

- Jabatan Otorinolaringologi Hospital Duchess of Kent, Sandakan akan menjadi pusat rujukan dan pembelajaran di Pantai Timur Sabah.
- Memberikan pelbagai jenis perkhidmatan merangkumi pesakit dalam dan pesakit luar Klinik Pakar, Kecemasan dan masalah pendengaran dengan penekanan terhadap pencegahan, penyembuhan dan pemulihan.
- Menyediakan anggota yang terlatih, cekap dan berdedikasi melalui pendidikan berterusan.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Menyediakan rawatan pesakit luar di klinik pakar.
- Menyediakan rawatan pesakit dalam.
- Memeriksa dan merawat kes-kes rujukan baru.
- Menyediakan rawatan bagi semua kes kecemasan yang melibatkan masalah telinga, hidung & tekak.
- Menyediakan pemeriksaan/ ujian pendengaran termasuk rehabilitasi oleh Pegawai Audiologi.
- Menyediakan perkhidmatan terapi pertuturan oleh Pegawai Pemulihan Pertuturan.
- Menyediakan rawatan konsultasi dan menyelaraskan perkhidmatan Otorinolaringologi di hospital daerah sekitar Sandakan.
- Menyediakan perkhidmatan pembedahan ke atas kes-kes elektif dan kecemasan yang memerlukan pembedahan.
- Menyediakan perkhidmatan rawatan harian kepada pesakit yang memerlukan seperti:
 - Penukaran tiub Trakeostomi.
 - Penyucian luka (dressing).
 - Suture to open.
 - Incision & drainage.


- Pengeluaran benda asing dari telinga, hidung & tekak.
 - Nasopharyngeal Biopsy.
 - Oropharyngeal Biopsy.
 - FNAC.
- Memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit.
 - Menjalankan perkhidmatan rawatan Pakar Otorinolaringologi atas lawatan ke hospital-hospital daerah sekitar Sandakan.
 - Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan - pendengaran (Medical Check-Up).
 - Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan – pendengaran & pertuturan (Kebajikan/OKU).
 - Penyediaan Laporan Perubatan.
 - Menyediakan perkhidmatan latihan kepada Pelatih Paramedik.

4.0 SUMBER MANUSIA

Pada masa kini (sehingga Disember 2019) jabatan ini terletak di Aras 3, Bangunan Klinik Pakar HDOK Sandakan dan mempunyai anggota seramai 23 orang seperti berikut:

Bil	Jawatan	Bilangan
1.	Ketua Jabatan & Pakar ENT UD52	1 Orang
2.	Pakar ENT UD52	1 Orang
3.	Pegawai Perubatan UD48	1 Orang
4.	Pegawai Perubatan UD44	5 Orang
5.	Pegawai Pemulihan Pendengaran U41	3 Orang
6.	Pegawai Pemulihan Pertuturan UD41	1 Orang
7.	Penolong Pegawai Perubatan U32	1 Orang
8.	Penolong Pegawai Perubatan U29	1 Orang
9.	Jururawat Terlatih U29	5 Orang
10.	Jururawat Masyarakat U19	3 Orang
11.	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	1 Orang

CARTA ORGANISASI



5.0 PENCAPAIAN

STATISTIK KLINIK ENT, AUDIO & PERTUTURAN TAHUN 2019

Pesakit Luar		JUMLAH
ENT	Baru	1933
	Ulangan	8267
Audio	Baru	1156
	Ulangan	1598
Pertuturan	Baru	532
	Ulangan	840
Jumlah Pesakit	Baru	3621
	Ulangan	10,705
JUMLAH KESELURUHAN		14,326
PEMBEDAHAN ORL		Jumlah Pesakit
ELEKTIF		322
KECEMASAN		153
LOCUM		40
TOTAL		515

STATISTIK PESAKIT DALAM TAHUN 2019

BIL	PETUNJUK	TOTAL
1	Bilangan Kemasukan	563
2	Purata Harian Bilangan Kemasukan	1.54
3	Bilangan Keluar Hospital	601
4	Bil. Kematian	6
5	Kadar Penggunaan Katil (BOR)	52.34
6	Bilangan Katil	8
7	Pindah Ke Hospital Lain	0
8	Pindah Masuk Dari Hospital Lain	0
9	AOR	3

PROGRAM KHUSUS UNTUK ORL 2019

JENIS PROGRAM DIJALANKAN	JUMLAH PESAKIT
Hearing screening (Universal / High Risk)	935
Pesakit Menjalani Ujian "Sleep Study-PSG"	50
Bilangan Kes Baru menjalani ujian "CPAP Machine"	21
Bilangan Kes Baru "Hearing Aid"	167

6.0 AKTIVITI JABATAN ORL

Kempen Kesedaran Kanser Pangkal Hidung & Pendengaran 2019

Dianjurkan oleh:
Jabatan Otorinolaringologi HDOK

PEMERIKSAAN PERCUMA!!
KEMPEN KESEDARAN KANSER
PANGKAL HIDUNG 2019


TARIKH : 3 MAC 2019 (AHAD)
MASA : 10pg -2ptg
TEMPAT : ARAS 11, HARBOUR MALL, SANDAKAN

Supported by:
HARBOR MALL
PRIDE OF THE CITY

TAHUKAH ANDA?
Kebanyakan kes kanser pangkal hidung dikesan hanya pada tahap LEWATI (Tahap III & Tahap IV)



Laporan Tahunan Tahun 2019



TRACHEOSTOMY WORKSHOP 2019

TRACHEOSTOMY WORKSHOP 2019

CLOSING DATE: 29 March 2019

Friday 5th April 2019 8am-5pm

Bilik Mesyuarat Aras 1 HDOK

Fees: RM30 Paramedic RM40 Doctor

Any inquiries, please contact: JM NORA: 017-8147881 SN JELSIE: 013-8932448

ORGANISED BY OTORHINOLARYNGOLOGY DEPARTMENT HOSPITAL DUCHESS OF KENT

ORL-HNS EMERGENCIES COURSE 2019

29 March 2019

ORL - HNS EMERGENCIES

Learn the BASICS

DEMONSTRATIONS

- Anterior nasal packing
- Posterior nasal packing
- Foreign body removal
- Ear microscopy
- Audiological assessment

TOPICS

- Stridor
- Epistaxis
- Foreign body in ORL
- Sudden hearing loss
- Deep neck space infection
- Neck Masses

Doctors: RM40 Paramedics: RMSO

Account No: 8602966996 Account name: Kelab Otorhinolaryngologi Sandakan Bank: CIMB ISLAMIC Or walk in to ORL Clinic

JM Nora 017-8147881 JM Hadra 014-5731708 Kindly provide your proof of payment and details to: orl.sandakan@gmail.com

Closing date 22 March 2019

Bilik Mesyuarat Utama, Hospital Duchess of Kent

8am-5pm 7:30am registration

ORGANISED BY OTORHINOLARYNGOLOGY DEPARTMENT HOSPITAL DUCHESS OF KENT



Better Hearing & Speech Programme 2019

**SPEECH AND HEARING
FUN DAY 2019**

TALKS:

- PENDENGARAN DAN KANAK-KANAK
- ANAK SAYA TAK BERCAKAP!
- KIDS & TEETH

AKTIVITI:

- PERMAINAN TRADISIONAL - MEWARNA - MUSICAL CHAIR
- DEKORASI PIZZA & CUPCAKE - CABUTAN BERTUAH - LAIN-LAIN

** PEMBELIAN KUPON AKTIVITI BOLEH DIDAPATI DARI UNIT AUDIOLOGI DAN TERAPI PERTUTURAN BERMULA PADA 26 SEPT 2019

**SABTU
5 OKT 2019
8AM-3PM
DEWAN SELINGAN
HOOK**

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:
089-248 600 (EXT: 5322)



JABATAN OFTALMOLOGI 2019

1.0 PENGENALAN

Jabatan oftalmologi mula beroperasi pada tahun 1992 di HDOK Sandakan. Perkhidmatan yang diberikan meliputi rawatan penyakit mata, pembedahan dan rawatan segera untuk kes-kes kecemasan dan susulan untuk semua penduduk disekitar kawasan Sandakan termasuk dari daerah Beluran, Kinabatangan dan Telupid. Ia juga berfungsi sebagai rujukan bagi lain-lain Unit di HDOK, Klinik Kesihatan dan Klinik Swasta

2.0 OBJEKTIF, VISI DAN MISI

OBJEKTIF

Menentukan diagnosis, memberi perkhidmatan perawatan dan rehabilitatif yang sempurna, berkesan dan memuaskan hati klien yang memerlukan rawatan kepakaran dan penjagaan susulan.

VISI

Menjadikan Jabatan Oftalmologi, Hospital Duchess of Kent dipercayai dan diyakini oleh masyarakat dengan taraf perkhidmatan yang cemerlang.

MISI

Memberi perkhidmatan Oftalmologi pada tahap yang cemerlang dengan dianggotai pakar dan kakitangan paramedik yang terlatih dan mahir serta cekap dan penuh tanggungjawab dalam memberi perkhidmatan Oftalmologi.

PIAGAM PELANGGAN KLINIK

- i. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat, bersopan santun, jujur dan ikhlas serta professional.
- ii. Semua pesakit akan diberi perkhidmatan mengikut giliran.

- iii. Rancangan rawatan akan diberikan dalam masa 30 minit selepas didiagnosis

3.0 PERJAWATAN

Berikut adalah perubahan perjawatan klinik mata tahun 2019

Bi l	Jawatan	Jumlah kakitangan 2019	Berpindah keluar / Bersara Wajib	Berpindah Masuk	Jumlah terkini
1	Pakar	2	0	0	2
2	Pegawai Perubatan	4	2	2	4
3	Optometris	3	2	3	4
4	Penyelia Jururawat	1	0	0	1
5	Ketua Jururawat	1	0	0	1
6	Jururawat Terlatih	5	1	1	5
7	Pembantu Pegawai Perubatan	2	0	0	2
8	Jururawat Masyarakat	2	0	0	2
9	PPK	1	1	0	0

Jadual 1: Perubahan perjawatan Klinik Oftalmologi 2019.

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan merangkumi penentuan diagnosis dan pemberian perkhidmatan rawatan dan penjagaan pesakit mengikut kepakaran Oftalmologi. Prosedur-prosedur Rawatan dan Pembedahan:

- Ujian Penglihatan
- Pemeriksaan dan Penilaian Ocular
- Pemeriksaan Tekanan Intraokular
- Ujian Refraksi
- Ujian Medan Penglihatan
- Pembedahan Pterigium
- "Chalazion Incision & Curretage"
- "Lacrimal Duct Syringing"
- "Removal of Extra Ocular Foreign Body"
- "Epilation"
- "Rodding"

- "Eye Irrigation"
- B-Scan
- Biometry
- Aktiviti klinik yang lain:
 - I. Pembedahan minor
 - II. Optometrist
 - III. Klinik Laser

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN OFTALMOLOGI

5.1 Klinik Oftalmologi dan Klinik Otorinolaringologi telah bergabung untuk menjayakan majlis menyambut tahun baru 2019 dan Majlis CNY.



Gambar 1 : Menyambut Tahun baru 2019 dan Majlis CNY bersama dengan staf klinik ORL.

5.2 Bengkel dan kursus yang diadakan pada tahun 2019

Bil	Aktiviti/kursus	Tarikh	Bil Peserta
1	Bengkel saringan diabetik retinopati untuk diabetes educators	14 & 15 Mac 2019	49 orang
2	Kursus 'Management Of Glaucoma Peringkat Zon Pantai Timur Negeri Sabah.	25.10.2019	35 orang

Jadual 2 : Jenis kursus yang dijalankan Jabatan Ophthalmologi HDOK.



Gambar 2 : AJK Bengkel saringan diabetik retinopati untuk diabetes educator di hobour mall Sandakan. (Dari kiri MA Marziney, Dr Soo Anne, Dr Sharmini dan Dr Ibtihal)

5.3 Aktiviti- aktiviti Luar selain aktiviti hakiki jabatan/unit, Jabatan Oftalmologi juga aktif dalam penglibatan aktiviti-aktiviti NGO dan aktiviti kemasyarakatan, seperti :

- Melakukan pemeriksaan mata semasa program derma darah anjuran RELA.
- Melakukan pembedahan mata (katarak) semasa Karnival katarak KKM di Hospital Tawau pada 21.06.19 hingga 23.06.19, dan Hospital Lahad Datu pada 12.07.19 hingga 13.07.19, dan 01.11.19 hingga 03.11.19, jumlah pesakit 64 orang. Karnival ini melibatkan pakar, pegawai perubatan dan paramedik klinik HDOK Sandakan.



Gambar 3 : Staf yang terlibat dalam Karnival Katarak KKM di Hospital Lahad Datu (12.7.19-13.7.19)

- Membuat Lawatan pakar ophthalmologi & Pegawai perubatan Oftalmologi ke Hospital Beluran setiap bulan sepanjang tahun 2019.

5.4 Aktiviti-aktiviti ti Optometris sepanjang tahun 2019

Bil	Program	Tempat	Tarikh
1	OPERASI KHIDMAT MASYARAKAT OPTOEMTRI KE 27	SABAH	6/4/2019
2	KEMPEN DERMA DARAH 2019	DEWAN YU YUAN SANDAKAN	1/5/2019
3	MEDICAL CAMPING SK. PANTAI BORING	KOMPLEKS TAMAN CAHAYA SANDAKAN	24& 25/08/19


Jadual 4 : Aktiviti luar Optometris

Bil.	Tadika / Sekolah	Tarikh Saringan dilakukan	Bilangan Murid		
			Disaring	Dirujuk	Hadir ke hospital setelah dirujuk
1	LITTLE CALIPH	25/1/19	46	9	4
2	PASTI ABD RAHMAN	29/3/19	40	12	7
3	TADIKA CHI WAH	3/5/19	47	7	3
4	TADIKA CHI WAH	21/6/19	59	8	6
5	TADIKA CHI WAH	19/7/19	31	4	2
6	PASTI BILAL B RABBAH	12/7/19	38	6	3
7	PUSAT ANAK PERMATA	30/8/19	29	0	-
8	PASTI SOLAHUD DIN AL AYUBI	27/9/19	57	0	-
9	PASTI SA'AD ABI WAQAS	8/11/19	29	4	1
Jumlah			376	50	26

Jadual 5 : Aktiviti optometris di sekolah


6.0 BEBAN KERJA

6.1 Jumlah kedatangan pesakit ke klinik ophthalmologi semakin bertambah setiap tahun. Rujukan baru daripada dalam dan luar kawasan Sandakan juga bertambah dengan sangat ketara setiap tahun. Ini meningkatkan lagi beban kerja klinik pesakit luar ophthalmologi. Berikut adalah Statistik beban kerja Klinik Ophthalmologi pada tahun 2019.



Rajah 1 : Jumlah kedatangan pesakit ke klinik setiap setiap bulan.

Jumlah kes pembedahan Jabatan Ophthalmologi 2019



Rajah 2 : Jumlah kes pembedahan Setiap bulan jan – Dis 2019

Prosedur yang dilakukan di klinik mata

Bil	Prosedur	2019
1	Visual Acuity	9639
2	Laser	160
3	Fundosphoto	80
4	Untravitreal injection	30
5	ROP	177
6	Insicision and curratage	28
7	Eye Syringing	21
8	Eye irrigation	22
9	Removal Foreign Body	75
	Total	10.232

Jadual 6 : Prosedur yang dilakukan di klinik.


6.2 Prosedur yang dilakukan oleh Optometris

Bil	Prosedur	Jumlah pesakit
1	Refraction	2538
2	Visual Acuity (Adult)	754
3	Visual Acuity (peads)	785
4	Contact lens clinic	16
5	Binocular Vision clinic	94
6	Low Vision clinic	11
7	Visual Foel	525
8	A-Scan	490
9	Keratomerty	854
19	Colar Vision	92
11	Total	6159


Jadual 7 : Prosedur optometris yang dijalankan di klinik pada tahun 2019

6.3 Klinik Ophthalmologi mempunyai 2 KPI (Key Performance Indicator) yang dikeluarkan oleh KKM. Sepanjang tahun 2019, iaitu

- i. Percentage patients eith waiting time of ≤ 90 minutes to see doctor at Ophthalmologi Clinic . (Stand - ≥ 90 %)
- ii. Percentage of patients without ocular co-morbidity obtained visual acuity of 6/12 or better following cataract surgery (Stand - ≥ 90 %)



Rajah 3 : Pencapaian kpi (masa menunggu pesakit di klinik ≥ 90 min)



Rajah 4 : Pencapaian kpi (Ocular co morbidity)

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

7.1 Beberapa penambahbaikan proses penerimaan pesakit di klinik Optalmologi telah dibuat. Walaupun masa menunggu pesakit masih belum mencapai sasaran ≥ 90 minit, walaubagaimanapun peratusan pencapaian semakin meningkat.

Klinik mata telah menerima beberapa aset inventori, contohnya – 3 kipas dinding, 1 split aircond, 11 bangku panjang kayu untuk pesakit dan 2 rangkaian internate.

Untuk meningkatkan lagi amalan EKSA di klinik, dengan kerjasama staf ORL Dan Mata,

pertandingan EKSA dalaman Unit telah dibuat, dan keputusan adalah sangat memberangsangkan.

Pada tahun 2019, klinik mata telah mendapat 8 penghargaan daripada pesakit.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, pencapaian klinik mata pada tahun 2019 sangat memuaskan, dan semua aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2019 berjalan dengan lancar.

Walaupun Jabatan masih kekurangan peralatan yang diperlukan seperti 'slit lamp' untuk pemeriksaan mata pesakit, dan beberapa peralatan yang lain, klinik mata komitted untuk meningkatkan mutu perkhidmatan sejajar dengan Visi, Misi dan Objektif Jabatan Mata serta berpandukan Piagam pelanggan .

WAD MATA & ORL

1.0 PENGENALAN

Wad Mata terletak ditingkat bawah blok bangunan lama.Mula beroperasi pada 3 April 2008.

Disiplin: 14 katil (8 katil untuk pesakit mata dan 6 katil untuk pesakit ORL,termasuk Oftal untuk kanak-kanak.Pada tahun 2017 Wad Mata dan ORL digabung bersama.

2.0 OBJEKTIF

1. Menyediakan perkhidmatan klinikal yang cemerlang dalam persekitaran mesra pesakit dan sentiasa mengoptimalkan keselesaan pesakit.
2. Mengambil bahagian aktif dalam pembangunan professional berterusan bagi personelpenjagaan mata melalui program pembelajaran perubatan berterusan.
3. Meneraju dalam mengasaskan standard perkhidmatan klinikal.
4. Memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai kesihatan mata melalui program-program saringan penglihatan kanak-kanak dan orang dewasa.
5. Mengambil bahagian dalam penyelidikan klinikal dan system penjagaan kesihatan melalui pengumpulan data berterusan.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Meninggal Dunia	Kosong
PJ.U36	1	1	0	0
KJ.U32	1	1	0	0
JT.U29	7	7	0	0
KUP.U32	3	3	0	0
JM.U19	5	5	0	0
PPK.U14 (KUP)	3	3	1	1
PPK.U11	1	1	0	0
Jumlah	21	21	1	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Wad Mata & Orl

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Kemasukan pesakit mata & ORL.
2. Kemasukan pesakit Rawatan Harian
3. Pengurusan pesakit dalam
4. Pengurusan pembedahan mata dan ORL sama ada pembedahan Major, Elektif dan kecemasan
5. Persediaan pesakit sebelum, semasa dan selepas pembedahan mata & ORL.
6. Kaunseling pesakit selepas pembedahan.
7. Masa lawatan
8. Discaj pesakit dari wad
9. Rujukan ke hospital lain yang berkaitan dengan perawatan pesakit mata & ORL


5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN



Gambar 1: Pesakit yang menjalani Pembedahan mata katarak anjuran Lion's Club Sandakan pada 25/2/2029

6.0 PENCAPAIAN


Beban kerja Wad Mata &Orl 2019



7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN



Aktiviti Eksa tempat penyimpanan ubat-ubatan.Wad mata &orl telah mendapat markah **97.78% A** semasa pemeriksaan ubat-ubatan oleh Jabatan Farmasi pada 29/7/2-2019



8.0 PENUTUPAN

Secara umumnya Wad Mata &Orl telah mendapat pencapaian sejajar dengan sasaran Jabatan.Mencapai Visi,Misi,Kpi yang telah ditetapkan oleh KKM. Setiap tahun menunjukkan peningkatan kemasukan pesakit mata & ORL, jabatan ini berharap dimasa akan datang diberi perhatian dengan penambahan bajet untuk pembelian peralatan yang sudah rosak, pembelian peralatan baru dan juga penambahan anggota kakitangan untuk meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

1.0 PENGENALAN

Jabatan Kecemasan & Trauma adalah salah satu jabatan yang memberi perkhidmatan kecemasan dalam organisasi Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Jabatan ini telah beroperasi semenjak tahun 1940an.

Visi jabatan adalah untuk menjadi pusat rawatan kecemasan dan trauma yang cekap, selamat dan mesra pelanggan di Zon Sandakan.

Misi jabatan pula adalah untuk menjadi pusat rawatan kecemasan dan trauma yang cekap, selamat dan mesra pelanggan melalui amalan perubatan berasaskan bukti klinikal, latihan kemahiran berterusan, penggunaan teknologi sesuai, kerjasama dengan agensi lain dan penekanan amalan budaya korporat.

2.0 OBJEKTIF

Jabatan ini terdapat beberapa objektif seperti berikut:

- Memberi rawatan kecemasan dan trauma mengikut keutamaan keperluan penyakit untuk mengelakkan kemudaratan dan kematian.
- Memberi latihan kemahiran berterusan kepada kakitangan dan agensi lain untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan tinggi.

3.0 PERJAWATAN

Statistik perjawatan jabatan tahun 2019

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pakar Perubatan Kecemasan UD 54	0	3	-3
Pegawai Perubatan Flexi UD43/44/47/48/51/52/53/54	9	9	0
Pegawai Perubatan UD 43/44/47/48	15	15	0
Penolong Pegawai Perubatan (PPP) U 41/42/44	2	2	0
PPP U36	2	1	1
PPP U32	3	3	0
PPP U29/32	16	16	0
Penyelia Jururawat U36	0	1	-1
Jururawat Terlatih U32	1	1	0
Jururawat Terlatih U29/32	25	25	0
Jururawat Masyarakat U19/24	3	3	0

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) U16	1	0	1
PPK U14	3	3	0
PPK U11/14	3	3	0
Pembantu Tadbir N19	1	1	0

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Kecemasan & Trauma tahun 2019

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Antara skop perkhidmatan jabatan ini adalah seperti berikut:-

- Rawatan kecemasan.
- Perkhidmatan ambulans (Pre Hospital Care).
- Perkhidmatan MECC (Call Centre 999) - mulai Tahun 2010 ditukar EDOC rationalisasi tahun 2016.
- Perkhidmatan Medevac (Perkhidmatan rujukan menggunakan Helikopter)
- Rawatan stabilisasi (Emergency Observation Ward).
- Pusat rawatan setempat (OSCC).
- Asthma Bay.
- Rawatan bukan kecemasan.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Banyak program yang dijalankan sepanjang tahun 2019 iaitu:-

Program	Tarikh
Kursus Pre-Hospital Care and Ambulance Services (PHCAS)	7-10/1/19
Taklimat Fire Drill	16/1/19
Basic Life Support (BLS) Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) [Kejururawatan]	12-13/2/19
Advanced Life Support (ALS) HDOK Bil 1/19	4-5/3/19
BLS Jabatan Pesakit Luar	6-7/3/19
Level 1 1st aid in sports	18/3/19
BLS Training Of Trainers (TOT) Bil 1/19	19/3/19
BLS HDOK Bil 1/19	20-21/3/19
Amazing Race HDOK	13/4/2019
BLS HDOK Bil 2/19	29-30/4/19
Sandakan Basic Trauma Life Support (BTLS) Bil 1/19	10-12/6/19
BLS HDOK Bil 3/19	24-25/6/19
BLS Hospital Kinabatangan (HKK) Bil 1/19	26-27/6/19
ALS HDOK Bil 2/19	1-2/7/19
BLS HDOK Bil 4/19	16-17/7/19

Laporan Tahunan Tahun 2019

BLS Beluran Bil 1/19	18-19/7/19
Marine Envenoming Poisoning & Snakebite Envenomation Management (MEPSEM) Sabah 2019	25-26/7/19
Paediatric Emergency Workshop	1/8/19
BLS HDOK Bil 5/19	7-8/8/19
BLS TOT Bil 2/19	3/9/19
BLS HDOK Bil 6/19	4-5/9/19
Amazing Race East Coast Sabah	15/9/19
BTLS HKK	18-19/9/19
Program	Tarikh
BLS HDOK Bil 7/19	23-24/9/19
Sandakan BTLS Bil 2/19	1-3/10/19
BLS HDOK Bil 8/19	8-9/10/19
BLS Student Medical Assistant	14-15/10/19
BLS Beluran Bil 2/19	17-18/10/19
BLS Dental	22-23/10/19
Pre-Hospital Care Level 1 Course	13-15/11/19
Kursus Perawatan Asas Kecemasan & Trauma bagi Pembantu Perawatan Kesihatan & Pemandu Kenderaan	2-3/12/19

Serta banyak latihan-latihan simulasi bencana dan liputan-liputan perubatan dibuat.



Gambar 3: Gambar Kursus Sandakan BTLS Bil 1/19 yang diadakan di UPLK



Gambar 4: Gambar Kursus BLS HKK yang diadakan di Hospital Kinabatangan



Gambar 1: Gambar Kursus PHCAS yang diadakan di Unit Perguruan & Latihan Kecemasan (UPLK)



Gambar 5: Gambar Kursus MEPSEM yang diadakan di ILKMM (Kejururawatan) Sandakan



Gambar 2: Gambar Liputan Perubatan Borneo 7 Rugby yang diadakan di Eagle Field IJM




Gambar 6: Gambar Kursus BLS TOT yang diadakan di UPLK



Gambar 7: Gambar Kursus PHC Level 1 yang diadakan di UPLK

6.0 PENCAPAIAN

Berikut merupakan carta bar bilangan pesakit yang dirawat di jabatan dari tahun 2017-2019 (Jan-Okt) mengikut zon-zon:-



Graf 1: Bilangan pesakit yang dirawat di jabatan dari tahun 2017-2019 mengikut zon-zon

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Penglibatan dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah lebih menyeluruh berbanding tahun-tahun lain. Sebagai contoh, pada tahun 2019 telah terdapat 2-3 kali proses mengiringi/eskort pesakit yang tinggal jauh di pedalaman seperti di Sri Ganda ke hospital dengan bantuan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Selain itu, perbincangan Protokol Bencana juga telah dilakukan dengan agensi-agensi lain untuk mendapatkan pandangan mereka.

Disamping itu, terdapat lebih banyak Kursus BLS, TLS, Ultrasound, Ventilator dan Neurologi akan dijalankan pada tahun 2020 di HDOK agar dapat melengkapkan para staf hospital dengan ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung akan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN ANESTESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI

untuk pesakit dari pelbagai disiplin di hospital ini.

1.0 PENGENALAN

Peranan utama Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi Hospital Duchess of Kent, Sandakan adalah untuk memberikan perkhidmatan bius dan rawatan intensif kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Jabatan ini juga menawarkan rawatan untuk pesakit yang mengalami kesakitan akut dan kronik selaras dengan status "Pain-free Hospital" kami. Berikutan peningkatan dalam kes-kes pembedahan dan penyakit kritikal, jabatan kami telah meluaskan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan tersebut.

2.0 OBJEKTIF

- Untuk memberikan perkhidmatan anestesia dan rawatan rapi secara selamat dan professional.
- Bekerjasama dengan disiplin klinikal lain untuk mencapai keputusan terbaik dalam perawatan pesakit di dewan bedah dan unit rawatan rapi.

3.0 PERKHIDMATAN

Jabatan ini menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

1. Perkhidmatan Anestesia (Pembiusan)

- 1.1. Klinik Anestesia berada di bangunan klinik pakar dan beroperasi pada waktu pejabat setiap hari Isnin hingga Jumaat. Kami menerima rujukan dari pelbagai disiplin dan berfungsi untuk menjalankan penilaian pembiusan sebelum pembedahan dan mengoptimumkan tahap kesihatan pesakit.
- 1.2. Memberi rawatan anestesia di Dewan Bedah untuk kes-kes pembedahan elektif dan kecemasan

2. Perkhidmatan Rawatan Rapi

- Unit Rawatan Rapi mempunyai 18 katil, di mana 14 katil diperuntukkan untuk pesakit dewasa (di bawah penyeliaan Jabatan Anestesiologi) manakala 4 katil untuk pesakit kanak-kanak (diuruskan oleh Jabatan Pediatrik).
- Merawat pesakit kes rujukan yang kritikal di wad.

3. Perkhidmatan Makmal Respiratori

- Menyediakan dan menyelenggarakan peralatan dan mesin bantuan pernafasan termasuk ventilator untuk pesakit di wad, ICU, PICU dan NICU.
- Unit ini juga menyediakan perkhidmatan "Lung Function Test" di Klinik Pakar.

4. Perkhidmatan Rawatan Kesakitan

4.1. Servis kesakitan akut (Acute Pain Service) terutamanya untuk pesakit selepas menjalani pembedahan major dan kes-kes trauma.

4.2. Klinik Kesakitan Kronik (Chronic Pain Clinic) - menerima kes-kes rujukan dari pelbagai disiplin untuk rawatan kesakitan yang disebabkan oleh penyakit kanser, masalah saraf, trauma dan lain-lain. (Dengan kerjasama Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi Hospital Selayang di bawah program Mentor-Mentee). Klinik ini beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat pada waktu pejabat

5. Perkhidmatan Resusitasi

- Membantu dalam proses resusitasi pesakit di Jabatan

Kecemasan, Dewan Bersalin dan wad.

6. Menjalankan Aktiviti Kualiti dan CME

- Mengadakan pembentangan CME serta perbincangan di peringkat jabatan dan hospital.
- Menjalankan kajian penyelidikan di dalam aspek anesthesiologi, rawatan rapi dan bidang berkaitan.
- Menawarkan kursus kepada warga hospital seperti kursus “advanced life support”, “pain as 5th vital signs and pain free programme”, “pain free hospital workshop-training of trainer” untuk meningkatkan pengetahuan serta kualiti perkhidmatan hospital ini.

4.0 SUMBER MANUSIA

1. No of Specialists:

Grade	Specialist	Service MO	Total
UD56 / UD54	3		3
UD52 / U51	3	2	5
UD48 / U47		2	2
UD44 / U43		15	15
Contract		7	7
Sessional			
Total	6	26	32

No. of Specialists on leave > 6 months : nil

Grade	MA	GA Nurses	ICU Nurses
U42			
U41			2
U36			
U32	4	1	15
U29	6	8	57
Contract			-
Post Basic Trained eg Peri Anes./ ICU	(5)	(2)	(13)
Total	10	11	87

2. No. of Allied Health Personnel :

General anaesthesia (GA)	3554
Spinal anaesthesia (SA)	1800
Epidural anaesthesia (EA)	19

Combined spinal and epidural (CSE)	35
Combined general and regional anaesthesia (CGRA)	58
Plexus blockade	31
TIVA/ TCI	15
Total	5512

3. PA / Clerk : Nil

4. Facility :

Facility	Available	Functional
ICU Bed	18	18
HDU Bed	nil	nil
Operating room	5	5

5. Saturday List

No of GA List	No of LA List	No of Saturday List
46	6	52

5.0 STATISTIK BEBANAN KERJA

1. No. of anaesthetics administered according to techniques

- Excludes LA or spinal given by surgeons, include all peripheral OT complexes e.g. maternity OT
- Epidural anaesthesia (includes caudal)
- Spinal anaesthesia includes single shot and continuous techniques
- Combined general and regional anaesthesia (any form of regional techniques)
- Plexus blockade (upper and lower limbs)
- Others (include monitored sedation provided by anaesthetists)

2. No. of anaesthetics administered according to nature of surgery

Elective surgery	1934
Emergency surgery	3578
Total	5512

- Excludes LA or spinal given by surgeons, includes all OT complexes

3. No. of anaesthetics for day care

Day care surgery	36
Day of surgery admissions	Nil

- Daycare:- defined as scheduled surgical procedures provided to patient who do not require hospital stay overnight. Case to be done under GA/Regional only. LA cases to be excluded.
- Day of surgery admissions:- patient who are admitted on the morning of the operation and under go overnight stay.

4. Anaesthetics for LSCS

Elective LSCS	297
Emergency LSCS	1301
Total	1598

5. Anaesthetic techniques for LSCS

General anaesthesia	268
Spinal anaesthesia	1324
Epidural anaesthesia	1
CSE	2
CGRA	3
Total	1598

6. No. of cases under Regional Anesthesia and Analgesia

Total Number of Nerve Blocks	Done with ultrasound	236
	Done with nerve stimulator	3
Number of Nerve Blocks for anaesthesia		70
Number of Nerve Blocks for analgesia		183
Number of Upper Limb Blocks	Done with ultrasound	59
	Done with nerve stimulator	-

Number of Lower Limb Blocks	Done with ultrasound	40
	Done with nerve stimulator	-
Number of Trunk Blocks	Paravertebral	-
	Lumbar Plexus	2
	TAP Blocks	41
	Others	111
Complications	A) During block performance	
	Poor needle visualization	-
	failed block	-
	technical difficulty	-
	Horner's Syndrome	-
	vascular puncture	-
	failed stimulation	-
	inadequate spread	-
	anatomical variation	-
	phenic nerve	-
	others	-
	B) Post op in ward	
	Persistent numbness	-
	Persistent weakness	-
	Failed catheter	-
	C) At 1 month	
	Numbness	-
Weakness	-	
Others	-	
Total		253

7. No. of cases under Acute Pain Service according to techniques

Patient controlled Analgesia (IV)	457
Epidural Analgesia	82
Intrathecal Opioid	1390
Nerve/PlexusBlock/ Infusion	217
S/C morphine	199
Morphine Infusion	15
Oral strong opioids (e.g morphine / oxycodone)*	35
Total	2395

- Epidural analgesia (infusion or patient controlled, lumbar and caudal)
- Intra-theclal opiod intra-theclal morphine only given for LSCS.
- Oral analgesics refers to cases being treated post op with oral analgesia only
- *Only those patients on oral strong opioids alone (not those convert from PCA or epidural to oral strong opioids)

8. Obstetric analgesia service

Epidural analgesia for labour	Data missing
-------------------------------	--------------

9. Anaesthetic Clinic

No. of patients assessed at clinic	681
------------------------------------	-----

10. Intensive Care Service

No. of admissions	1126
Patient days	6075
Bed occupancy rate*	92.51
Average length of stays(days)	5.46
No. of patients ventilated in the wards	495

* BOR based on through put is preferred

11. Pain Management Services in KKM Hospital (excluding APS and OAS)

Total no. of patients seen in Pain Clinic	95
No. of new cases seen in Pain Clinic	20
No. of follow-up cases seen in Pain Clinic	46
No. of ward referrals (chronic non-cancer pain)	22
No. of ward referrals (cancer pain)	33
No. of ward referrals (acute pain)*	30
No. of procedures done in clinic/ward (excluding acupuncture)	-
No. of procedures done in OT	-
No. of acupuncture sessions	246

* includes patients managed in Emergency Department (1)

Yearly Paediatric census for Anaesthetic Departments in KKM hospitals for Children ≤ 12years

12. No. of anaesthetics administered according to techniques

General anaesthesia (GA)	506
Combined general and regional anaesthesia (CGRA)	12
Combined general and plexus blockade including ilio-inguinal block	1
MAC/ Sedation	-
TIVA/TCI	-
Total	519

- Excludes LA or spinal given by surgeons, include all peripheral OT complexes
- Epidural anaesthesia (includes caudal)
- Combined general and regional anaesthesia (any form of regional techniques)
- Plexus blockade (upper and lower limbs)

13. No. of anaesthetics administered according to nature of surgery

Elective surgery	201
Emergency surgery	318
Total	519

- Excludes LA or spinal given by surgeons, includes all OT complexes

14. No. of anaesthetics for day care

Day care surgery	29
Day of surgery admissions	-

- Daycare:- defined as scheduled surgical procedures provided to patient who do not require hospital stay overnight. Case to be done under GA/Regional only. LA cases to be excluded.
- Day of surgery admissions:- patient who are admitted on the morning of the operation and under go overnight stay.

KPI: (NEW INDICATOR)

NO	KPI	Standard	Numerator	Denominator	Rate
1	Percentage of Major Elective Surgery patients who receive Acute Pain Service (APS)	≥ 60%	639	766	83.4
2	Ventilator Care Bundle (VCB) compliance rate	≥ 90%	422	422	100
3	Percentage of elective surgical cancellation after pre-operative assessment in the Anaesthetic clinic	≤ 5%	6	635	0.94
4	Percentage of Re-Intubation in the Operation Room (OR) or Recovery Room (RR) (General)	≤ 0.3%	1	3612	0.03
5	Percentage of Acute Pain Service patient (APS) with pain score of ≤ 4 within the first 24 hrs after surgery (General)	≥ 75%	2303	2303	100
6	Percentage of cases with Accidental Dural Puncture (General)	≤ 3%	0	77	0
7	Percentage of in-patient referred for Chronic Pain Management seen within 24 hrs (PAIN)	> 90%	-	-	-
8	Percentage of unplanned admission after day-case pain procedure	< 1%	-	-	-
9	Percentage of readmission within 48 hour of ICU discharge (ICU)	<3%	3	1127	0.26
10	Percentage of unplanned extubation (ICU)	<5%	26	3472	0.74
11	Percentage of post elective cardiopulmonary bypass adult patient with blood glucose level ≥ 10mmol/L on arrival to Cardiac intensive care unit (CICU)	≤ 5%	-	-	-
12	Percentage of accidental carotid arterial puncture during central venous cannulation via internal vein (IJV) approach	< 5%	-	-	-
13	Percentage of re-Intubation in cardiac intensive care unit (CICU) after heart surgeries	≤ 5%	-	-	-

6.0 AKTIVITI JABATAN

Selain daripada tugas klinikal, jabatan anesthesiologi turut aktif dalam menganjurkan pelbagai bengkel dan kursus untuk meningkatkan pengetahuan warga-warga hospital.

1. Kursus “Advanced Life Support”

- Pada tahun 2019 Kursus ALS telah dilaksanakan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mac dan Julai. Kursus ini dikendalikan oleh Pakar-Pakar dan Pegawai Perubatan dari Jabatan Anestesia dan Jabatan Kecemasan.
- Antara topik ceramah yang diberikan adalah berkenaan *Airway Management, Drugs use in Resuscitation, Algorithm* dan juga sesi latihan praktikal; *i. Airway ii. Defibrillation iii. ECG Recognition iv. Megacode.*
- Peserta kursus terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Perubatan Siswazah, Jururawat Terlatih, dan Penolong Pegawai Perubatan dari Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, dan Hospital Duchess of Kent yang bertugas di Jabatan Kecemasan, Anesthesiologi, Pembedahan, dan Obstetrik dan Ginekologi.
- Jumlah peserta sepanjang tahun adalah seramai 37 orang dan pecahan mengikut kategori bagi peserta yang menghadiri kursus adalah seperti berikut:

	4-5 Mac 2019	1-2 Julai 2019
MO	13	11
HO	3	0
PPP	3	3
KJ/JT	1	3
Jumlah	20	17
Jumlah Besar = 37		

Kursus ALS



2. Aktiviti untuk mengekalkan status "Pain Free Hospital"

Bagi merealisasikan moto KKM, *Pain as 5th Vital Sign*, dan Hospital Duchess of Kent sebagai Hospital Bebas Kesakitan, Jabatan Anestesiologi telah menganjurkan kursus Acute Pain service (APS) 2 kali setahun, bengkel *Pain as 5th vital Sign (P5VS)* 3 kali setahun dan bengkel Training Of Trainer PFH setahun sekali. Kursus dan bengkel tersebut dikendalikan oleh doktor-doktor pakar, pegawai perubatan, pegawai perubatan siswazah penyelia jururawat, staf APS, PPP dan PPK.

- Kursus Acute Pain Service (APS): 27 Mac 2019, 25 Jun 2019
- Bengkel *Pain as the 5th Vital Sign (P5VS)*: 28 Mac 2019, 24 Jun 2019, 1 Ogos 2019
- Bengkel Training of Trainer for Pain Free Hospital: 1 Oktober 2019

Jumlah peserta:

KATEGORI	P5V5	APS	TOT PFH
MO	15	7	11
HO	18	7	2
KJ	3	3	10
JT	42	38	9
JM	21	10	0
PPP	2	0	1
FARMASI	6	-	1
FISIO + OCC	5	-	0
TCM	1	-	0
PJ	0	-	2
DSA (PEAD DENTAL)	2		
JUMLAH	115	65	36





3. TOP Team

- Jabatan anesthesia selaku pemimpin TOP team HDOK telah mengadakan pelbagai aktiviti pada tahun 2019.
- Aktiviti yang paling bermakna adalah Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat HDOK pada 6 Oktober 2019 di Pasaraya Mydin. Majlis ini berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan warga awam mengenai kepentingan pendermaan organ. Daripada majlis ini, kami berjaya mendapat seramai 108 orang pengikrar baru.
- Semenjak tahun 2013, TOP team telah berjaya mendapat lebih 4000 orang pengikrar baru untuk pendermaan organ.
- Kami bercadang untuk meneruskan perjuangan kita pada tahun akan datang dengan mengadakan aktiviti-aktiviti seperti KKK Jom Ikrar, dan Kursus Management of Potential Donor for TOP Link Officer. Objektif kursus-kursus ini adalah untuk melatih dan melahirkan TOP Link Officer yang baru untuk memantapkan lagi fungsi TOP Team di HDOK.

Bulan	Jumlah pengikrar baru
Januari	12
Februari	-
Mac	16
April	14
Mei	-
Jun	1
Julai	28
Ogos	31
September	-
Oktober	286
November	-
Disember	-
Jumlah keseluruhan	388



4. Bengkel Basic Airway Management

- Bengkel “Basic Airway Management” diteruskan pada tahun ini seperti biasa, pada 25hb dan 26hb November 2019. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan asas berkenaan dengan pengurusan saluran pernafasan di dalam hospital serta memberi peluang kepada peserta untuk latihan praktikal ‘hands-on’ semasa bengkel dijalankan.
- Pengurusan saluran pernafasan adalah salah satu kemahiran yang perlu ada bagi setiap pegawai perubatan dan anggota sokongan. Kegagalan bagi memastikan saluran pernafasan lancar adalah amat serius kerana boleh menyebabkan kerosakan otak serta kematian. Justeru itu, pengurusan saluran pernafasan yang baik, bermula dari

pengesanan awal, perancangan, pengenalan kepada alat-alat intubasi dan kemahiran menggunakan alat-alat tersebut.

- Sekali lagi, bengkel ini telah berjaya mendapat sambutan yang amat baik dan telah menerima penyertaan seramai 58 orang peserta yang terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai perubatan siswazah, penolong pegawai perubatan dan jururawat dari pelbagai jabatan dalam hospital ini serta jabatan pesakit luar Sandakan dan fasiliti-fasiliti KKM dari daerah pantai Timur Sabah (Beluran, Kinabatangan, Lahad Datu dan Telupid).
-

7.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- Jawatan baru dalam semua kategori dan juga perjawatan kosong dapat diisikan dengan secepat mungkin untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih optimum di Dewan Bedah dan Unit Rawatan Rapi.
- Mewujudkan high dependency unit (HDU) yang dapat memberikan rawatan dan pemantauan yang lebih rapi di wad untuk menangani masalah kekurangan katil di ICU.

JABATAN BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL

1.0 PENGENALAN

Jabatan ini mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai, tahun 2012. Memberi perkhidmatan pembedahan mulut kepada semua penduduk termasuk dewasa dan kanak-kanak di sekitar Daerah Sandakan dan kawasan berhampiran. Menjadi pusat rujukan kepada Pegawai Pergigian, Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan, Pakar Orthodontik Kerajaan mahupun Klinik-klinik Swasta serta Jabatan Kecemasan hospital-hospital daerah dan kawasan berhampiran.

2.0 OBJEKTIF

Meningkatkan taraf kesihatan rakyat Sabah melalui perkhidmatan kesihatan. Pengendalian pencegahan, perawatan dan pemulihan dengan memberi penekanan golongan yang tidak bernasib baik supaya kesihatan mereka akan memenuhi kehendak pembangunan ekonomi. Perhatian adalah diberi bagi mewujudkan perpaduan negeri.

Visi

Menjadi Pusat Kecemerlangan di pantai Timur Sabah yang menyediakan perkhidmatan Kepakaran Bedah Mulut yang berkualiti dan komprehensif, latihan dan penyelidikan, melalui anggota pasukan yang professional, cekap dan penyayang dengan menekankan maruah insan.

Misi

Jabatan ini berhasrat untuk menjadi Pusat Rujukan Kepakaran Bedah Mulut Pantai Timur Negeri Sabah yang cemerlang melalui:

1. Pewujudan perkhidmatan merangkumi perkhidmatan pesakit dalam dan luar, pesakit klinik pakar, kecemasan dengan penekanan terhadap maruah insan.

2. Perkhidmatan penggalakan, pencegahan, penyembuhan, pemulihan dan paliatif.

3.0 PERKHIDMATAN

Pembedahan pra-prostetik dan dentoalveolar:

- Pembedahan persediaan untuk prosthesis mulut.
- Pembedahan gigi terimpak

Trauma mulut dan maksilofasial:

- Pembedahan kecederaan tulang rahang dan muka

Patologi mulut dan maksilofasial:

- Tumor (ketumbuhan benign)
- Keganjilan maksilofasial
- (belahan / klef bibir dan lelangit)

Kanser Mulut

Pembedahan rahang kosmetik (Pembedahan ortognatik):

- Membetulkan kecacatan atau ketidakseimbangan dentofasial.

Pembedahan sendi temporomandibular:

- Pembetulan patologi sendi rahang
- Rawatan ankilosis sendi rahang

Pembedahan penanaman implant pergigian.

Pembuatan prosthesis mulut dan maksilofasial

- Rawatan pembetulan kecacatan mulut dan muka dengan menggunakan prosthesis.

4.0 SUMBER MANUSIA

Jawatan	Bil Jawatan	Bilangan Pengisian	Catatan
Pakar Bedah Mulut UG56	1	1	
Pegawai Pergigian UG41/U44/U48	3	3	
Ketua Jururawat Pergigian U32	2	1	1- Perjawatan dipinjam orthodontik
Jururawat Pergigian U29/32	2	1	1-JP U29 (Attachment)
Juruteknologi Pergigian U29	3	2	
Pembantu Pembedahan Pergigian U24	1	1	
Pembantu Pergigian U19	3	3	
Pembantu Tadbir N19	1	0	
Pembantu Perawatan Kesihatan U11	0	1	Dipinjam dari JPL Pergigian

Pada bulan Jun tahun 2012 seorang Pakar Bedah Mulut telah ditempatkan secara tetap di Klinik Pakar Pergigian, dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai Jabatan Bedah Mulut mula bergiat aktif menerima pesakit rujukan.


Sehingga kini, Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial mempunyai dua belas anggota iaitu seorang Pakar Bedah Mulut, tiga orang Pegawai Pergigian, seorang Ketua Jururawat Pergigian dan satu orang Juruterapi Pergigian, dua orang Juruteknologi Pergigian dan empat orang Pembantu Pembedahan Pergigian.

Sejak Oktober 2012 hingga kini, Jabatan Bedah Mulut telah memberi latihan attachment kepada Pegawai Pergigian (FYDO). Pada November 2014, jabatan menerima pelatih Juruteknologi Pergigian dan pada Januari 2015, jabatan ini juga telah menerima pelatih Pembantu Pembedahan Pergigian tahun kedua.

5.0 STATISTIK JABATAN


Bilangan kedatangan pesakit ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial bulan Januari hingga Disember, tahun 2019.

Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan pesakit mengikut umur yang hadir ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial bulan Januari hingga Disember 2019.




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan kedatangan pesakit ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Dari tahun 2017 hingga 2019




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan kes patologi major dari tahun 2017 hingga 2019




Data diambil dari laporan bulanan PG209A (Pind.2/2007)

Bilangan pesakit mengikut umur yang hadir ke Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial Dari tahun 2017 hingga 2019




Data diambil dari PER-RH 212 (HDOK)

Bilangan kes gigi terimpak (Impacted) dari tahun 2017 hingga 2019




Data diambil dari laporan bulanan KPI/NIA (HDOK)/BP/Bor/BM/010

Bilangan kes Dentofacial Deformity dari tahun 2017 hingga 2019



Bilangan kes dibawah bius Umum (GA) dari tahun 2017 hingga 2019



Data diambil dari 'operating list for Oral Surgery & Maksilofacial' (HDOK)BP/449

Bilangan kes trauma mengikut jenis kecederaan dari tahun 2017 hingga 2019



Data diambil dari laporan bulanan PG209A (Pind.2/2007)

6.0 PENCAPAIAN JABATAN

Jabatan Bedah mulut & Maksilofasial, terlibat secara aktif dengan aktiviti-aktiviti kualiti seperti berikut:

1. Key Performance Index (KPI) dan National Indicator Approach (NIA)
2. Objektif Kualiti HDOK
3. MS ISO 9001: 2015
4. 'Pain Free' HDOK
5. Aktiviti EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor awam)
6. Aktiviti Eksa telah dimulakan pada awal bulan Januari tahun 2015, dan menjalani pengauditan dalaman oleh pihak Hospital Duchess Of Kent dan pensijilan semula pada 06hb-07hb Ogos, 2019, oleh MAMPU melalui Hospital Duchess Of Kent, Sandakan.
7. Keselamatan dan Pekerjaan (OSHA)
8. Menjalani pemeriksaan Ubat-ubatan oleh Farmasi

PETUNJUK PRESTASI KPI/NIA

*Sila Rujuk Jadual 1

OBJEKTIF KUALITI

(Komplikasi (Kecederaan saraf) selepas pembedahan mulut kecil bagi gigi molar mandibel yang terimpak < 4 %)

KETERANGAN	BILANGAN PESAKIT		
	2017	2018	2019
BILANGAN PESAKIT	92	96	70
BIUS UMUM (GA)	6	5	7
LOKAL ANESTESIA (LA)	86	91	63
KECEDERAAN SARAF $\frac{ADA}{TIADA}$	$\frac{0}{92}$	$\frac{0}{96}$	$\frac{0}{70}$
PENCAPAIAN	0%	0%	0%

7.0 AKTIVITI JABATAN

Kursus Training And Calibration Workshop For Early Detection Of Oral Cancer

- ❑ **TARIKH:**
01 JULAI 2019 (ISNIN)
- ❑ **LOKASI:**
BILIK MESYUARAT TINGKAT 7, WISMA PERSEKUTUAN, SANDAKAN.
- ❑ **PENCERAMAH:**
Seramai 4 orang penceramah untuk kursus ini iaitu Dr. Jeremy Lee Ju Kuan, Dr. Pang Kin Tong, Dr. Alvis Mak Y.K dan Dr. Naga Karthiga Dewi.
- ❑ **PESERTA:**
16 orang pegawai pergisian dari kawasan Sandakan yang terlibat dalam kursus ini iaitu dari KP Sandakan, KP Sukau serta KP Telupid.



Kursus “Basic Surgical Skills Course”

- ❖ **TARIKH:**
12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)
- ❖ **LOKASI:**
DEWAN SELINGAN ARAS 1 (BANGUNAN PAKAR) HDOK, SANDAKAN
- ❖ **PENCERAMAH:**
Seramai 3 orang penceramah untuk kursus ini iaitu Dr. Jeremy Lee Ju Kuan, Dr. Rubinderan A/L Muthusamy (Pakar Bedah Mulut HLD) dan Cik Wamaivica Ah Wah (wakil dari J&J)
- ❖ **PESERTA:**
23 orang pegawai pergisian dari kawasan Sandakan yang terlibat dalam kursus ini iaitu dari KP Sandakan, KP Beluran, KP Tongod serta KP Kem Sri Kinabatangan.



Lawatan sambil belajar ke Kem Sri Kinabatangan (Klinik Pergigian)

- **TARIKH:**
11 OKTOBER 2019 (JUMAAT)
- **LOKASI:**
KLINIK PERGIGIAN KEM SRI KINABATANGAN (KEM TENTERA), SANDAKAN
- **TUJUAN:**
LAWATAN SAMBIL BELAJAR
- **PESERTA:**
16 orang staf pergigian dari Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial dan KP Sandakan terlibat dalam lawatan ini.



“Joint Clinic” bersama Pakar Ortodontik, Pakar Pediatrik (Pergigian) dan Pakar Bedah Mulut dari Hospital Lahad Datu.

Pada 15 November 2019, Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial, HDOK mengadakan satu ‘Joint Clinic’ di antara Dr. Jeremy Lee Ju Kuan (Pakar Bedah Mulut JBMM, HDOK), Dr. Emily Lilybia (Pakar Ortodontik), Dr. Mohd Safwani Affan Ali (Pakar Pediatrik Pergigian, HDOK) dan Dr. Rubinderan A/L Muthusamy (Pakar Bedah Mulut, HLD) untuk perbincangan rancangan rawatan antara kepekaran untuk pesakit.



Jadual 1: Petunjuk Prestasi KPI/NIA Dari Tahun 2017-2019

NO	TYPE	INDICATOR	STANDARD	NUMERATOR/ DENOMINATOR	ACHIEVEMENT					
					2017		2018		2019	
1	KPI	Waiting time at Oral Surgery Clinic	> 90% of the patients are seen within seventy-five (75) minutes	N: No of pts seen by doctor within 75 mins of registration time	2170	100%	2464	99.75%	2246	100%
				D: Total number of pts seen during that period of time	2170		2470		2246	
2	KPI	Completion of medical report within 14 days	> 95% of medical report completed within 14 days	N: No of reports dispatched within stipulated time	176	100%	73	100%	11	100%
				D: Total no of medical report requested	176		73		11	
3	KPI	Cancellation rate of elective operation under GA	<10% of total number of listed cases being cancelled	N: No of listed cases submitted that are cancelled	1	1.7%	0	0%	0	0%
				D: Total no of cases listed for elective surgery under GA	58		59		46	
4	KPI	The rate of postoperative infection following surgical removal of impacted tooth	<5% of patients developing infections	N: Number of patients developing post-operative infection.	0	0%	0	0%	0	0%
				D: Total number of surgical removal of impacted tooth performed	102		98		72	
5	NIA	Occlusal derangement following open reduction & internal fixation of isolated mandibular fracture	<5% of patient presented with occlusal derangement after fixation of isolated mandibular fracture.	N: No occlusal derangement cases	0	0%	0	0%		NIL
				D: No of ORIF cases of isolated mandibular fracture	1		2		NIL	
6	NIA	Complications following minor oral surgery procedure	<4% of patients developed nerve injury after surgical removal of impacted third molar	N: No of patients developing complications	0	0	0	0%	0	0%
				D: Total no minor oral surgery procedures	92		96		70	

JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pergigian Pediatrik terletak di Aras 3, Bangunan Klinik Pakar, K.M 3.2, Jalan Utara, 90000 Sandakan. Merupakan pusat rujukan kes-kes berkaitan dengan rawatan komprehensif kesihatan pergigian dan mulut bayi dan golongan berkeperluan khas berumur dibawah 16 tahun yang dirujuk dari kanak-kanak di sekitar bandar Sandakan dan kawasan berhampiran. Ia juga menjadi pusat rujukan kepada hospital-hospital Daerah yang berhampiran.

2.0 OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan kepakaran pergigian berunsurkan kaedah pencegahan, konservatif, kuratif serta pemulihan kepada kanak-kanak berumur 16 tahun ke bawah dengan penumpuan kepada kanak-kanak keperluan khas dan kanak-kanak bermasalah perubatan. Menentukan setiap anggota jabatan mendapat latihan dan pendidikan berterusan melalui pendidikan pergigian berterusan, perkembangan professional berterusan, kursus basik serta kursus pos basik.

VISI

Jabatan Pergigian Pediatrik berusaha untuk menjadi satu pusat perkhidmatan kepakaran pergigian pediatrik yang memberi perkhidmatan yang menyeluruh, efektif dan efisien melalui satu sistem kesihatan yang berpatutan dan mementingkan pesakit.

MISI

Meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak melalui promosi kesihatan pergigian dan menyediakan penjagaan kesihatan pergigian yang responsif dan sensitif kepada keperluan pesakit dan sesuai dengan perkembangan teknologi terkini. Perkhidmatan diberikan oleh anggota-anggota yang terlatih, berprofessional, mempunyai semangat

berpasukan dan bersikap penyayang di dalam persekitaran yang kondusif, selesa dan ceria.

OBJEKTIF KUALITI

<3 % Kecederaan Iatrogenik di kalangan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun semasa menjalani rawatan Pergigian di Klinik Pergigian Pakar.

3.0 PERJAWATAN

Pada masa ini, jawatan yang diwujudkan adalah seperti berikut :

Jawatan	Bilangan Jawatan	Pengisian Jawatan	Catatan
Pakar Pergigian Pediatrik UG54	1	1	
Pegawai Pergigian UG44	1	1	
Juruterapi Pergigian U32 (KUP)	1	1	
Juruteknologi Pergigian	-	-	gunasama dgn Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial
Pem.Pembedahan Pergigian U24 (KUP)	1	1	
Pem.Pembedahan Pergigian 19 (Kontrak)	1	1	
Pem Perawatan Kesihatan	-	-	gunasama dgn Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Pergigian Pediatrik bagi tahun 2019.

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan Pergigian Pediatrik menerima rujukan, merawat dan mengendalikan kes-kes berkaitan dengan rawatan komprehensif kesihatan pergigian dan mulut bayi dan golongan berkeperluan khas berumur dibawah 16 tahun yang dirujuk dari kanak-

kanak di sekitar bandar Sandakan. Jabatan ini juga mengendalikan kes-kes forensik bagi penentuan umur yang dirujuk dari :Jabatan Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara dan Majlis Keselamatan Negara

5.0 AKTIVITI

Jabatan ini juga melakukan lawatan sambil belajar Jabatan Pembedahan Pergigian Pediatrik, Kota Kinabalu pada 11hb Februari 2019.



Gambar 1: Lawatan ke Jabatan Pembedahan Pergigian Pediatrik, Hospital Likas

Menganjurkan bengkel penyelarasan Data ‘ KPI’ & National Data ‘Collection’ For Kepakaran Pergigian Pediatrik




Gambar 2: Bengkel penyelarasan Data KPI & National Data ‘Collection’ for Kepakaran Pergigian Pediatrik


6.0 PENCAPAIAN




Jabatan Pergigian Pediatrik di Hospital Duchess of Kent Sandakan mula beroperasi sepenuhnya pada 14hb Januari 2019, sebelum ini, ia hanya dilakukan secara lawatan oleh Pakar Pergigian Pediatrik dari HQE mengikut yang jadual yang ditetapkan. Pada masa ini, jabatan ini mempunyai satu (1) Dental Unit untuk menjalankan aktiviti rawatan kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dan kanak-kanak dengan keperluan khas.

Jadual 1 : Bilangan kedatangan pesakit yang dirujuk ke Jabatan Pergigian Pediatrik



Jadual 2 : Bilangan kedatangan pesakit dengan keperluan Khas yang dirujuk ke Jabatan Pergigian Pediatrik





TYPE	NO	INDICATOR	STANDARD	NUMERATOR DENOMINATOR	PERFORMANCE		
D	I	KPI	1	Specialist consultation for treatment of new elective referral within 4 weeks	>90%	$\frac{361}{362}$	99.70%
D		KPI	2	Failure rate of restoration rendered under general anaesthesia within 6 months	<3%	$\frac{0}{9}$	0%
D		KPI	3	Presentation or Publication (at least 1 year)	1 study per year	NA	NA
D		PSI	4	Sedation Related Complications	<10%	$\frac{0}{3}$	0%

Jadual 6: Pencapaian KPI / NIA

Bulan	Numerator	Denominator	Pencapaian (Standard: ≤3%)
Januari	0	15	0%
Februari	0	16	0%
Mac	0	17	0%
April	0	22	0%
Mei	0	24	0%
Jun	0	19	0
Julai	0	31	0%
Ogos	0	30	0%
September	0	24	0%
Oktober	0	33	0%
November	0	20	0%
Disember	0	27	0%
Jan-Dis	0	278	0%

Jadual 7: Objektif Kualiti ≤3 % Kecederaan Iatrogenik di kalangan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun semasa menjalani rawatan Pergigian di Klinik Pergigian Pakar

7.0 AKTIVITI EKSA

Jabatan ini juga terlibat dengan aktiviti amalan EKSA dan menjalani pengauditan Dalaman dari Hospital Duches of Kent Sandakan serta audit Luaran dari MAMPU melalui Subzone Bedah Mulut, Hospital Duchess of Kent Sandakan.



Gambar 1: Amalan EKSA dilaksanakan di dalam bilik rawatan



Gambar 2: Aktiviti gotong –royong dijalankan di subzone Bedah Mulut

Jabatan ini juga, sentiasa membuat penambahbaikan yang berterusan demi mencapai mutu perkhidmatan yang berkualiti serta mengutamakan keselamatan dan keselesaan kepada pesakit kanak-kanak.

8.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, pada tahun 2019, Jabatan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi khususnya jabatan dan misi dan visi HDOK. Jabatan ini, sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan dan member perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.

PERKHIDMATAN PERUBATAN

**JABATAN PERUBATAN AM
UNIT KARDIOLOGI
UNIT ENDOSKOPI
UNIT NEUROFISIOLOGI
JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL
UNIT KAUNSELING**

JABATAN PERUBATAN AM

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perubatan am memberikan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan dalam. Selain daripada itu, Klinik Pakar Perubatan juga mengadakan perkhidmatan lawatan Pakar dari luar (networking) iaitu menerima lawatan pakar dari Hospital QEH, HWKKL dan juga pakar dari Semenanjung Malaysia. Pakar Perubatan dari Hospital Duchess of Kent juga mengadakan lawatan pakar setiap bulan ke Hospital Beluran dan Hospital Kinabatangan.

Wad Perubatan Perempuan dan Wad Perubatan Lelaki adalah satu daripada jabatan perubatan yang terletak di bawah Direktorat Perkhidmatan Klinikal Hospital Duchess of Kent. Kedua-dua wad ini terletak di bangunan lama. Wad Perubatan Perempuan diperuntukkan dengan 36 buah katil, manakala Wad Perubatan Lelaki mempunyai 43 buah katil. Kedua-duanya memberi perkhidmatan perubatan am kepada pesakit dalam.

2.0 OBJEKTIF

Objektif

Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pesakit melalui rawatan pakar beretika dan professional yang berterusan.

Misi

Menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan selamat melalui integrasi amalan klinikal, latihan dan kajian bagi memenuhi harapan pelanggan-pelanggan kami

Visi

Menjadi peneraju dalam penyediaan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan selamat kepada penduduk di kawasan pantai timur Sabah

3.0 PERJAWATAN

2.5.3 PERUBATAN AM						
Butiran	Aktiviti	Nama Jawatan	Gred Jawatan	Bilangan		
				Jawatan	Isi	Kosong
838	2.5.3	Pakar Perubatan Umum,	Pakar UD55/56	3	2	1
839	2.5.3	Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43/44/UD47/48/UD51/52/UD53/54	7	7	0
(839) (a)	2.5.3	Pentadbir/Klinikal, Pegawai Perubatan,	UD43/44/UD47/48	14	14	0
842	2.5.3	Jururawat, Gred U36	U36	1	1	0
844	2.5.3	Jururawat, Gred U32	U32	3	2	1
846	2.5.3	Jururawat, Gred U29/U32	U29/U32	78	78	0
847	2.5.3	Jururawat Masyarakat,	U19/U24	2	2	0
850	2.5.3	PPK, Gred U14	U14	1	1	0
851	2.5.3	PPK, Gred U11/U14 (TBK 13 Tahun)	U11/U14	3	3	0
JUMLAH				112	110	2

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- i. Menawarkan rawatan perubatan kepada pesakit dalam dan pesakit luar.
- ii. Menawarkan perkhidmatan rujukan daripada hospital kluster dan klinik-klinik di daerah luar dan dalam kawasan Sandakan.
- iii. Menawarkan perkhidmatan rujukan daripada jabatan-jabatan lain di HDOK.
- iv. Lawatan-lawatan pakar perunding daripada HQE

5.0 AKTIVITI JABATAN

Mesyuarat Jabatan

Jabatan Perubatan telah mengadakan mesyuarat jabatan sebanyak dua kali bagi tahun 2019 iaitu pada 2019 dan 13 November 2019. Mesyuarat-mesyuarat yang

diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dan berbangkit tentang perkhidmatan Jabatan Perubatan.

Mesyuarat Mortality dan Morbidity

Mesyuarat ini membincangkan kes-kes kematian pesakit di jabatan Perubatan setiap bulan.

“Continuous Medical Education” (CME).

Jabatan Perubatan mengadakan sesi CME pada setiap pagi Selasa untuk tujuan latihan dan pembelajaran khususnya kepada pegawai-pegawai perubatan junior.

KURSUS/ SEMINAR

Jabatan Perubatan telah mengadakan Kursus Dengue Update for Paramedics pada 17 Mei 2019.



PENYELIDIKAN / KAJIAN

Jabatan Perubatan telah menjalankan beberapa pembentangan dan kajian bagi tahun 2019.

Berikut adalah tajuk pembentangan poster, kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan:

BIL	PEMBENTANGAN POSTER	TEMPAT	TARIKH
1	Posterior reversible encephalopathy syndrome in recovery period of dengue fever, a rare and unusual manifestation.	MSN 2019 KOTA BAHRU KELANTAN	4.7.2019
2	Cavernous sinus thrombophlebitis, a forgotten and rare complication after dental extraction	MSN 2019 KOTA BAHRU KELANTAN	4.7.2019
3.	Case report of a rapidly progressive non –aids related classical Kaposi sarcoma.	MSN 2019 KOTA BAHRU KELANTAN	4.7.2019

Jadual 14: Senarai Tajuk Pembentangan Poster Yang Telah Dijalankan Oleh Unit Perubatan Am Sepanjang 2019



Jamuan Wad dan Majlis Perpisahan



BULAN	2019	2018
JANUARI	217	176
FEBRUARI	228	
MAC	203	197
APRIL	193	168
MEI	203	143
JUN	202	164
JULAI	228	208
OGOS	225	192
SEPTEMBER	181	202
OKTOBER	184	169
NOVEMBER	206	211
DISEMBER	225	222

Jadual 2: Data Kemasukkan Pesakit bagi wad Perubatan Perempuan

KLINIK PAKAR PERUBATAN	
Kes Baru	495
Kes Ulangan	16,281

Jadual 3: Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pakar Perubatan

Pencapaian KPI

1. Non ST elevation MI (NSTEMI) case fatality rate ≤10%

JAN – JUN 2019	JUL – DIS 2019
0.74 %	0.0%

6.0 PENCAPAIAN

BULAN	2019	2018
JANUARI	292	289
FEBRUARI	175	234
MAC	265	234
APRIL	255	205
MEI	260	234
JUN	274	236
JULAI	295	247
OGOS	286	240
SEPTEMBER	273	251
OKTOBER	279	262
NOVEMBER	272	289
DISEMBER	306	306

Jadual 1: Data Kemasukkan Pesakit bagi wad Perubatan Lelaki

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Lean Management telah dimulakan pada bulan Febuari 2017 bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu pesakit semasa dalam proses discaj. Aktiviti ini masih diteruskan sehingga kini. Disebabkan peningkatan pesakit yang bertambah dari tahun ke tahun dan keadaan wad yang sempit dan usang, pengubahsuaian atau pembinaan bangunan hospital yang baru untuk menampung keperluan dan keselesaan pesakit serta kakitangan wad sangat diperlukan.

8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

UNIT KARDIOLOGI

1.0 PENGENALAN

Unit kardiologi merupakan sebuah unit dibawah Jabatan Perubatan, Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Memulakan perkhidmatan pada Januari 2006 dengan memberikan perkhidmatan ujian 'Non-invasive' kardiologi. Unit Kardiologi bukan sahaja menerima Pesakit luar (MOPD) dan pesakit dalam tetapi juga menerima rujukan kes daripada luar hospital sandakan.

2.0 OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan 'non-invasive' Kardiologi yang cemerlang dan berkualiti di Hospital Duchess of Kent. Membantu para pengamal perubatan seperti Pegawai Pakar dan Pegawai Perubatan untuk mendapatkan status terkini jantung pesakit kardiak bagi mengurangkan morbidity dan mortality.

3.0 PERJAWATAN

Senarai dan bilangan perjawatan di Unit Kardiologi.

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
PPP U41	1	0	1
PPP U36	1	0	1
PPP U32	2	2	0
PPP U29	3	3	0
JT U32	1	1	0
JT U29	1	1	0
JM U19	1	1	0
PPK U12	1	0	1
Jumlah:	9	8	3

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

Bagi perjawatan PPP U41, PPP U36 dan PPK U12 belum lagi diisi.

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Unit Kardiologi menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

1. Transthoracicechocardiography(TTE) Echo.
2. Exercise Stress Test (EST).
3. 24 hour's ECG monitoring (Holter).
4. Electrocardiography (ECG).
5. Microbubble study.
6. Six Minutes' walk test.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN


Selain daripada melakukan prosedur klinikal, di Unit Kardiologi juga menjalankan Program Pendidikan Kesihatan kepada pesakit bagi kepentingan rawatan penjagaan penyakit kardiovaskular dan ujian susulan seperti Echo, EST dan 24 Hr Holter Monitoring yang dikendalikan oleh Jururawat Unit Kardiologi.

6.0 PENCAPAIAN

Pencapaian data adalah mengikut statistik tahun NICL 2019.

Month	Echo		EST	Holter	ECG	Total
	Adult	Peads				
Jan	138	18	9	5	9	179
Feb	118	12	8	3	18	159
Mac	164	10	11	5	8	198
Apr	181	15	8	4	5	213
Mei	146	26	7	4	8	191
Jun	111	26	6	2	3	148
Jul	177	35	9	4	14	239
Ogos	183	42	1	9	14	249
Sept	173	38	14	0	43	268
Okt	201	51	6	2	55	315
Nov	181	34	0	0	38	253
Dis	170	22	0	0	31	223
Grand Total						2635

Jadual 2: Statistik 2019.



Jadual 3: Graf Statistik 2019.


SELEPAS INOVASI



7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Aktiviti penambahbaikan untuk Unit Kardiologi adalah dengan melakukan inovasi kerusi santai daripada bahan pakai buang untuk keselesaan pesakit kardiak yang datang untuk mendapatkan ujian susulan.

SEBELUM INOVASI



SEMASA INOVASI



JABATAN ENDOSKOPI

1.0 PENGENALAN

Unit Endoskopi mula telah ditubuhkan pada 26.01.2011 dan telah mencecah usia lapan tahun. Lokasi unit ini terletak di blok bangunan lama tingkat 1. Unit ini telah dirasmikan pada 19.08.2011 oleh Datuk Dr. Jayaram Menon Penasihat Perkhidmatan Gastroenterologi Kebangsaan KKM, dan merupakan Unit Endoskopi yang kedua ditubuhkan di Sabah selain Unit Endoskopi Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. bersamaan dengan perasmian ini, Unit Endoskopi telah mengadakan 'Endoscopy Workshop' buat julung kalinya di Hospital Duchess of Kent Sandakan.

2.0 OBJEKTIF UNIT ENDOSKOPI

1. Memberi perkhidmatan Diagnostik dan Terapeutik Endoskopi yang berkesan dan tepat dalam Perkhidmatan pesakit luar dan dalam.
2. Memberi perkhidmatan yang bermutu dan berkualiti tinggi serta memuaskan.
3. Pengurusan dan pengendalian Unit Endoskopi yang berasaskan Prinsip Pengurusan yang baik, teratur, terkini dan menitik-beratkan perancangan yang berkualiti tinggi.
4. Menyediakan latihan yang mencukupi dan bermutu tinggi bagi memenuhi keperluan dan tenaga professional pada masa ini dan akan datang bagi program rawatan.

3.0 PERJAWATAN

Unit Endoskopi ini mempunyai seramai 12 orang kakitangan yang diketuai oleh Pakar Perubatan:

BIL	JAWATAN	GRED	BILANGAN
01.	Ketua Jabatan	UD54	1
02.	Pakar Perubatan	UD52	1
03.	Penyelia Jururawat	U36	1
04.	Ketua Jururawat	U32	0
05.	Jururawat Terlatih	U32 (KUP)	2
06.	Jururawat Terlatih	U32 (TBK)	2
07.	Jururawat terlatih	U29	4
08.	Pembantu perawatan Kesihatan	U11	1
JUMLAH			12

4.0 PERKHIDMATAN

Secara amnya Unit Endoskopi menyediakan perkhidmatan untuk pesakit luar (rawatan harian) dan pesakit dalam. Perkhidmatan di Unit Endoskopi dijalankan oleh Jabatan Perubatan dan Jabatan Pembedahan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Unit Endoskopi juga menyediakan perkhidmatan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan am yang lebih dikenali sebagai perkhidmatan atas panggilan (On Call). Antara perkhidmatan yang dijalankan di Unit Endoskopi adalah seperti yang tertera dibawah:

1. Oesophagogastroduodenoscopy (OGDS)
2. Kolonoskopi (Colonoscopy)
3. ERCP
4. Bronkoskopi
5. Pleurosokopi

Jadual Perkhidmatan

JABATAN	PERKHIDMATAN	JADUAL
PERUBATAN	OGDS KOLONOSKOPI BRONKOSKOPI PLEUROSKOPI	SELASA JUMAAT ON CALL (SETIAP MASA)
PEMBEDAHAN AM	OGDS KOLONOSKOPI PEG ERCP	ISNIN/RABU SELASA/KHAMIS (ERCP DI OT) ON CALL (SETIAP MASA)

4.1 Lawatan Pakar Gastroenterologi

Pakar gastroenterologi dari Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu di jadualkan membuat lawatan dan memberi perkhidmatan ke Unit Endoskopi setiap 2 bulan.

4.2 Perkhidmatan Luar Kawasan

Unit Endoskopi juga turut menyediakan perkhidmatan untuk pesakit luar kawasan iaitu Daerah Telupid, Daerah Beluran dan Daerah Kinabatangan melalui program yang dikenali sebagai Kem Endoskopi. Kem Endoskopi ini dimulakan pada tahun 2013 dengan kerjasama Hospital Duchess of Kent, Hospital Beluran dan Klinik Kesihatan Telupid. Perkhidmatan yang diberikan semasa Kem Endoskopi ini adalah Ultrasound dan oesophagogastroduodenoscopy (OGDS).

Tujuan utama Kem Endoskopi ini dijalankan adalah memberikan perkhidmatan dan rawatan kepada golongan yang tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di Hospital Duchess of Kent Sandakan.

Pada tahun 2017 buat julung kalinya Kempen Kanser Kolorektal telah mula diperkenalkan, kempen ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pengetahuan kanser kolorektal yang menjadi penyebab kematian kanser pertama dalam kalangan lelaki dan kedua dalam kalangan wanita. Kempen Kolorektal ini dijalankan atas kerjasama daripada Klinik kesihatan Tongod dan Hospital Kinabatangan.

Perkhidmatan yang diberikan semasa kempen ini adalah seperti pemeriksaan fizikal&rektum, pemeriksaan FOBT (Fecal occult blood test) serta pameran berkaitan dengan kanser kolon.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

- Menganjurkan **Perhimpunan Pagi** mengikut giliran (setahun sekali) pada 24.05.2019
- Mengadakan **Kem Endoskopi** di Hospital Beluran pada 05.10.2019
- Mengadakan **Kem Endoskopi** di Klinik Kesihatan Tongod pada 18.10.2020
- Membantu menjayakan **Kempen Kolorektal** anjuran bersama Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan dan Jabatan Pembedahan Am Hospital Duchess of Kent Sandakan pada 24.11.2019
- Menganjur bersama **Bengkel OGDS** untuk pegawai perubatan pada 17.12.2019.
- Mengadakan Program **CNE** berkala mengikut Takwim Jabatan.
- Menjayakan **kempen derma darah** anjuran SANA Daerah Sandakan.
- Menjayakan **Gotong-royong Mega Eksa** anjuran Hospital Duchess of Kent Sandakan.
- Mengadakan latihan kebakaran secara berkala di Unit Endoskopi.



Kem OGDS dan Kolorektal di Klinik Kesihatan Tongod



Kempen kolorektal di Mydin Hypermarket yang dirasmikan oleh YB Datuk Zakaria Bin Mohd Edris



Bengkel OGDS di Unit Endoskopi untuk Pegawai Perubatan

6.0 PENCAPAIAN

Pencapaian keseluruhan Januari hingga Disember 2019

- Jumlah Keseluruhan Pesakit: 1,779 orang
- Jumlah pesakit luar (Rawatan harian): 887 orang
- Jumlah pesakit dalaman: 892 orang
- Kem Endoskopi Hospital Beluran
-OGDS: 21 orang
-Kolonoskopi: 5 orang
- Kem Endoskopi di Klinik Kesihatan Tongod
- OGDS: 21 orang
- Jumlah Prosedur: 1853 kes

6.1 Jumlah Statistik Bilangan Prosedur untuk Pesakit Dalaman

TEMPOH	PROSEDUR						JUMLAH
	OGDS	KOLONOSKOPI	ERCP	PEG	ENTEROSCOPY	BRONKOSKOPI	
PESAKIT DALAMAN							
JAN-MAC	141	64	17	1	2	1	226
APR-JUN	109	58	15	-	-	-	182
JAN-JUN	250	122	32	1	2	1	408
JUL-SEPT	166	50	18	-	3	-	237
OKT-DIS	165	64	18	-	-	-	247
JUL-DIS	331	114	36	-	3	-	484
JUMLAH	581	236	68	1	5	1	892

6.2 Statistik Bilangan Prosedur Pesakit luaran

TEMPOH	PROSEDUR						JUMLAH
	OGDS	KOLONOSKOPI	ERCP	PEG	ENTEROSCOPY	BRONKOSKOPI	
PESAKIT LUARAN							
JAN-MAC	116	109	-	-	-	-	225
APR-JUN	90	102	-	-	-	-	192
JAN-JUN	206	211	-	-	-	-	417
JUL-SEPT	151	132	-	-	-	-	283
OKT-DIS	153	104	-	-	-	-	187
JUL-DIS	304	236	-	-	-	-	470
JUMLAH	510	447	-	-	-	-	887

6.3 Statistik Keseluruhan Prosedur Tahun 2019

TEMPOH	PROSEDUR						JUMLAH
	OGDS	KOLONOSKOPI	ERCP	PEG	ENTEROSCOPY	BRONKOSKOPI	
	KESELURUHAN PESAKIT						
JAN-MAC	257	173	17	1	2	1	451
APR-JUN	199	160	15	-	-	-	374
JAN-JUN	456	333	32	1	2	1	825
JUL-SEPT	317	182	18	-	3	-	520
OKT-DIS	322	168	18	-	-	-	508
JUL-DIS	639	350	36	-	3	-	1028
JUMLAH	1095	683	68	1	5	1	1853

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Untuk perancangan tahun 2020, Unit Endoskopi dengan kerjasama Jabatan Pembedahan Am berhasrat untuk memperbanyakkan lagi aktiviti seperti:

- Bengkel Ogds untuk pegawai Perubatan Hdok dan menjemput Pegawai Perubatan dari Hospital Lain.
- Meneruskan Kem Endoskopi dan lokasi akan ditentukan kemudian.
- Mengadakan kempen Kolorektal Kanser dan menganjurkan larian kesedaran Kanser Kolon.
- Mengadakan kempen promosi kesihatan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan pesakit dan Program Cara Hidup Sihat bersama Jabatan Pembedahan Am dan Jabatan Kesihatan Sandakan.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, program dan aktiviti yang telah diadakan telah berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam. Ini dibuktikan dengan jumlah peningkatan rawatan Endoskopi yang diberikan kepada pesakit. Sepanjang lapan tahun perkhidmatan, unit Endoskopi ini telah berjaya memberi perkhidmatan yang terbaik dengan komitmen yang tinggi dari semua peringkat kakitangan. Disamping itu, Unit ini menggalakan kakitangan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kesihatan, latihan dalam perkhidmatan, kelab sukan, kebajikan dan pesatuan sama ada didalam hospital atau luar hospital.

UNIT NEUROFISIOLOGI

1.0 PENGENALAN

Unit Neurofisiologi Hospital Duchess of Kent Sandakan mula beroperasi pada Jun 2009 dibawah Pengurusan Dr. Zorina Khalid selaku Pengarah Hospital. Unit Neurofisiologi Hospital Duchess of Kent Sandakan merupakan hospital rujukan bagi kawasan Pantai Timur Sabah termasuklah Hospital Lahad Datu, Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan serta Klinik Kesihatan Telupid dan Klinik Kesihatan Tongod.

Unit yang ditempatkan di bilik OT lama ini mula memberikan perkhidmatan Ujian Diagnostik Electroencephalograph (EEG) Jun 2009 dengan kekuatan seorang staf Penolong Pegawai Perubatan U29 En. Aleysone Chong dan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan U12 Pn. Nasarah Otoh.

Unit Neurofisiologi pada asalnya (Tahun 2009) mula beroperasi di bilik OT Lama (No. Lokasi: 03-01-010) dan berpindah ke Unit Kardiologi, Bilik Konsultasi 2 (No. Lokasi: 02-GF-026) pada tahun berikutnya 2010 sehingga sekarang.

2.0 OBJEKTIF

OBJEKTIF

Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada pelanggan melalui perkhidmatan diagnostik, rawatan, penjagaan bermutu tinggi dan pemulihan awal yang berkesan serta berterusan

VISI

Menjadikan Hospital Duchess of Kent, Sandakan sebagai sebuah pusat rawatan berkualiti yang cemerlang dan terunggul di pantai timur Sabah.

MISI

Memberi kepuasan pelanggan yang menyeluruh melalui perkhidmatan yang cemerlang, berkualiti, beretika secara cekap

dan professional untuk memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan

PIAGAM PELANGGAN

1. Setiap pelanggan akan dilayan dengan mesra, jujur, ikhlas dan bersopan santun.
2. Setiap pesakit akan diberi rawatan perubatan secara professional.
3. Setiap pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan pelan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.
4. Setiap pesakit diberi jaminan bahawa kehormatannya akan dipelihara semasa menerima rawatan. Rahsia kerahsiaan pesakit akan dilindungi dan hanya boleh diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya dan tertakluk kepada undang-undang.
5. Setiap pesakit yang memerlukan rawatan khusus yang tidak terdapat di hospital akan dirujuk ke pusat rawatan yang sesuai.

3.0 PERJAWATAN

SUMBER MANUSIA

Jawatan	Gred	Jumlah
Penolong Pegawai Perubatan	U29	2

SUMBER PERALATAN

Mesin	Jenis & Model	Tarikh Diperolehi	Status	Jumlah
EEG	Nicolet One vEEG 32 Channel	10.12.2009	Berfungsi	1
*EEG (portable)	Nicolet One vEEG 32 Channel	14.07.2015	Berfungsi	1

* EEG (Portable) adalah aset Jabatan Pediatrik (digunakan untuk EEG dan a EEG di NICU sahaja)

4.0 SKOP PERKHIDMATAN


1. Melakukan ujian rutin EEG bagi pesakit di wad dan juga pesakit luar (Temujanji) pesakit dewasa, pediatric dan neonate.
2. Memberi pendidikan kesihatan kepada ibubapa pesakit.
3. Menghantar ujian EEG bagi pesakit dewasa ke Hospital Queen Elizabeth 1 dan ujian EEG pediatric ke Hospital Wanita dan kanak-kanak Sabah Likas untuk di analisis. Bagaimana pun bermula pada oktober 2015, ujian EEG dewasa telah dihantar ke Hospital Queen Elizabeth 1 untuk dianalisis.
4. Mengedarkan keputusan ujian-ujian EEG kepada pihak yang berkenaan dengan kadar segera setelah report analisis diterima.
5. Melakukan ujian aEEG di NICU dan ICU. perkhidmatan ini bermula pada 01.10.2015. mesin portable EEG adalah dibawah kuasa jabatan Paediatrik.
6. Assist klinik semasa visiting Neurologist (NCS) dari hospital Queen Elizabeth 1.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

- Terlibat dalam EKSA peringkat unit.
- Auditor infection control peringkat pen. peg perubatan HDOK
- Pegawai pemeriksa aset
- AJK keselamatan kebakaran dan Fire Drill peringkat hospital
- AJK pelaksana program Unit Penolong Pegawai Perubatan.
- AJK Sukan KKM peringkat Negeri Sabah


6.0 PENCAPAIAN

Graf Menunjukkan Jumlah Kedatangan Pesakit Untuk Ujian EEG Ke Unit Neurofisiologi Hospital Duchess of Kent Sandakan bagi Tahun 2019




Pesakit adult = 48
Pesakit paeds = 42
Jumlah keseluruhan ujian EEG tahun 2019=90

Graf Menunjukkan Perbandingan Jumlah Pesakit Untuk Ujian EEG dan AEEG Di Unit Neurofisiologi Hospital Duchess of Kent Sandakan bagi Tahun 2019



EEG=90
AEEG=37
Jumlah keseluruhan pesakit (EEG + AEEG) tahun 2019 =127 pesakit

Graf Menunjukkan Perbandingan Jumlah Pesakit Untuk Ujian NCS, EMG dan RNS Di Unit Neurofisiologi Hospital Duchess of Kent Sandakan bagi Tahun 2019 (VISITING NEUROLOGIST DARI QEH 1)



NCS=24
EMG=9
RNS=1
Jumlah keseluruhan pesakit (NCS + EMG) tahun 2019 =34 pesakit

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

MASALAH YANG DIHADAPI

RUANG KERJA SEMPIT

Memerlukan ruang kerja yang lebih luas untuk keselesaan kakitangan dan pesakit.



Ruang kerja sempit terutama pesakit dari wad yang menggunakan katil

*Pengarah telah meluluskan penempatan baru Unit Neurofisiologi di CT Scan Lama.

KATIL YANG TIDAK SESUAI

Memerlukan katil yang baru untuk keselesaan pesakit dan keselesaan kakitangan semasa melakukan prosedur dan juga untuk keselamatan pesakit



PERANCANGAN PEMANTAPAN PERKHIDMATAN UNIT NEUROFISIOLOGI HOSPITAL DUCHESS OF KENT SANDAKAN

1. menambahkan perkhidmatan seperti NCS, VEP, EMG dan lain-lain.
2. Menghadiri kursus posbasik Advance Diploma Neuroscience Care (1 tahun) di ILKMM Sultan Azlan Shah, Perak
3. Memerlukan ruang kerja yang lebih luas dan selesa bagi pesakit dan juga untuk melakukan prosedur
4. Memerlukan katil yang baru untuk keselesaan pesakit dan keselesaan staf semasa melakukan prosedur
5. Pemantapan kecekapan dan pengetahuan bagi anggota unit dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dan juga kursus sangkutan.

8.0 PENUTUPAN

pada tahun 2019, Unit ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Unit berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi unit ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Psikiatri telah lama beroperasi sejak tahun 1922 lagi di Buli Sim-sim Mental Hospital, pada asalnya perkhidmatan psikiatri hanya disampaikan oleh Pembantu Perubatan dan Jururawat Masyarakat sahaja. Kemudian dipindahkan ke Klinik Psikiatri bangunan lama HDOK pada tahun 1981. Manakala, pesakit dalam telah dipindahkan ke Hospital Mesra Bukit Padang pada 6 Jun 1981.

Pada Tahun 2007 Klinik Psikiatri beroperasi di Aras 1, Bangunan Klinik Pakar berkongsi dengan Jabatan Pembedahan dan Orthopedik. Manakala pesakit yang memerlukan dimasukkan ke Wad akan hanya ditempatkan di Wad Perubatan Lelaki dan Perempuan sebelum dirujuk ke Hospital Mesra Bukit Padang untuk rawatan selanjutnya.

Wad Psikiatri secara rasminya telah dibuka pada 21 Mei 2007 yang terletak di Aras 1, Bangunan Baru 3-6 tingkat. Seorang Pakar Psikiatri telah ditempatkan bermula 25 Disember 2007 bagi mempertingkatkan lagi penyampaian perkhidmatan psikiatri di Daerah Sandakan.

Seterusnya Klinik Psikiatri telah dipindahkan bersebelahan dengan Wad Psikiatri pada 21 April 2008 dan bermulalah perkhidmatan psikiatri menjadi Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental yang terdiri daripada Ketua Jabatan (Pakar Psikiatri), Pegawai Perubatan, Ketua Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat, Penolong Jururawat, Jururawat Masyarakat dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Pada masa ini, Wad Psikiatri mempunyai 20 buah katil rasmi, iaitu 15 buah katil bagi Wad Lelaki dan 5 buah katil bagi Wad Perempuan.

2.0 OBJEKTIF

1. Menyediakan, mempertingkatkan serta memperbaiki perkhidmatan Psikiatri dari semasa ke semasa mengikut keperluan pelanggan.
2. Mengurangkan kadar pesakit psikiatri yang mengalami penyakit berulang (Relapse cases).
3. Memberikan ruang bagi pesakit psikiatri menjalani kehidupan di dalam komuniti setempat.
4. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai penyakit mental.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pakar Psikiatri UD52/UD54	1	1	0
Pakar Psikiatri UD48	1	1	0
Peg.Perubatan UD44/ UD48	7	7	0
Pen. Peg. Perubatan U32	1	1	0
Ketua Jururawat U32	1	1	0
Pen. Peg. Perubatan U29	5	5	0
Jururawat U29	14	14	0
Jururawat Masyarakat U22	2	2	0
Jururawat Masyarakat U19	5	4	1
Pen. Jururawat Terlatih U14	1	1	0
Pem. Per. Kesihatan U11/U14	5	4	1
Jumlah:	44	42	2

Jadual 1: Maklumat perjawatan


4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Rawatan dan pemulihan pesakit:
 - 1.1 Klinik Psikiatri (Rawatan pesakit luar) – Dewasa, Kanak-kanak dan Wargatua
 - 1.2 Wad Psikiatri Lelaki dan Perempuan (Rawatan pesakit dalam)
 - 1.3 Rawatan dalam Komuniti (Community Mental Health Team)
 - 1.4 Perkhidmatan Kaunseling

- 1.5 Pemulihan psiko-sosial: Psychoeducation, Psychosocial Rehabilitation.
2. Promosi Kesihatan
3. Latihan kepada kakitangan kesihatan, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta orang awam tentang kesihatan dan penyakit mental.
4. Penilaian kesihatan untuk Lembaga Perubatan, panel PERKESO dan di bawah "Disability Act" (Orang Kurang Upaya)

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Membuat Pelan Map kawasan operasi Community Mental Health Team (CMHT) dan nombor kordinat lokasi setiap pesakit di bawah jagaan.



Gambar 1: Kawasan Operasi CMHT (Community Mental Health Team)

Berjaya mengadakan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019 secara besar-besaran dengan kerjasama PKK Sandakan di Dewan SMK Merpati Batu 7



Gambar 2: Sambutan Hari Kesihatan Mental 2019



Gambar 3: Lawatan Psychologi Fisrt Aid (PFA) ke Tapak Kejadian

Mengadakan Bantuan Awal Psikologi (PFA) ke lokasi bencana seperti malapetaka kebakaran, bot karam dan kemalangan terutamanya bantuan kepada mangsa dan juga ahli keluarga yang terlibat.




Gambar 4: Mewujudkan Laman Facebook Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental


6.0 PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2019 Objektif Kualiti Jabatan adalah tercapai dengan mencatatkan 98.98% pesakit diberi temujanji kes baru tidak lebih dari 5 minggu (35 hari) dari tarikh pesakit mengambil tarikh temujanji.


Berjaya mempertahankan Pencapaian A (94.4% dan 96.3%) dalam Audit Dalaman EKSA peringkat HDOK




Graf 1: Jumlah Kedatangan Kes Baru dan Kes Ulangan dari Tahun 2014-2019



Graf 4: Jumlah Kes Baru dan Ulangan Lawatan Pasukan Kesihatan Mental (CMHT)



Graf 2: Jumlah Kedatangan Kes Baru dan Kes Ulangan Tahun 2019



Graf 3: Jumlah Kemasukkan ke Wad Psikiatri Tahun 2019

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Memperkasakan “Liaison Psichiatri” dengan mengadakan mesyuarat dan lawatan ke wad-wad yang terlibat bersama Pasukan Liaison Psichiatri Jabatan Psikiatri.

Mendapat Mesin ECT (Electroconvulsive Therapy) yang baru bernilai RM145,000.00.

8.0 PENUTUPAN

Jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan Psikiatri berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian perkhidmatan psikiatri yang holistik dan profesional.

UNIT PSIKOLOGI KAUNSELING

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan psikologi kaunseling telah diwujudkan di Hospital Duchess of Kent Sandakan pada tahun 2009. Ia melengkapi kepada perkhidmatan perawatan kesihatan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan ini menawarkan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan melalui aplikasi psikologi secara profesional yang diberikan kepada kakitangan dan pesakit yang memerlukan serta dapat membantu dalam membangun dan meningkatkan lagi potensi individu dan daya tindak yang lebih berkesan serta meningkatkan kefungsi dalam kehidupan mereka secara amnya. Usaha ini boleh dilakukan dengan merancang, menyelaraskan dan memberikan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi aspek pencegahan, perkembangan, intervensi krisis dan pemulihan yang mengutamakan :

- Aspek psikososial
- Aspek kesihatan mental
- Aspek kesejahteraan psikologi

2.0 OBJEKTIF

- I. Membimbing Klien/ Pesakit mendapat kesedaran ke arah celik akal dan penerimaan imej diri yang lebih positif.
- II. Membantu klien/ Pesakit mengendalikan emosi, kognitif dan tingkah laku untuk mencapai potensi diri yang optima.
- III. Membimbing klien / Pesakit menyesuaikan diri dengan cabaran untuk membuat pilihan yang terbaik ke arah peningkatan kualiti hidup.

3.0 PERJAWATAN

Maklumat perjawatan Unit Psikologi Kaunseling dan keperluan perjawatan lain.

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Psikologi Kaunseling S41	1	1	0
Pembantu Tadbir (P/O)	*Keperluan penjawatan dalam unit		
Jumlah:	1	1	0

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Unit

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan psikologi kaunseling ditawarkan kepada:

- i. Pesakit, waris dan individu signifikan kepada pesakit (luar dan dalam)
- ii. warga kerja serta pelatih institusi latihan KKM

Perkhidmatan ini dilaksanakan di bilik kaunseling, wad, klinik berhenti merokok, *One Stop Crisis Centre* (OSCC), kawasan bencana, pusat komuniti dan lain-lain yang berkaitan.

Perkhidmatan Psikologi Kaunseling:

- i. Kaunseling Individu
- ii. Kaunseling Keluarga/ Perkahwinan
- iii. Kaunseling Kelompok
- iv. Kaunseling Motivasi / Sokongan
- v. Kaunseling Penagihan/ *Motivational Interviewing* (Dadah/ Alkohol & Berhenti Merokok)
- vi. Kaunseling Kesihatan
- vii. Intervensi Krisis / OSCC
- viii. Intervensi Kanak-kanak
- ix. Konsultasi Kesejahteraan Kewangan
- x. Ujian Psikologi / Psikometrik
- xi. Ceramah/ Program/ Kursus

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Ceramah Kesihatan Mental dan Pengurusan Stress :

- I. Sekolah (Pelajar dan Guru)
- II. Jabatan kerajaan dan swasta
- III. Program Kesejahteraan Psikologi
- IV. *Psychological First Aid* (PFA)



Gambar 1: Kursus PFA kepada kakitangan Pejabat Kesihatan Ranau



Gambar 2: Ceramah Pendidikan Seksual dan Kesihatan kepada Pelajar MRSM Tun Fuad Stepheh



Gambar 3: Kursus Kesejahteraan Psikologi HDOK



Gambar 4: *Psychological First Aid* di Penempatan Mangsa Bencana Kebakaran Rumah



Gambar 5: Kursus Budaya Korporat HDOK

6.0 PENCAPAIAN

Diagnosis Rujukan	Jumlah		
	2017	2018	2019
Adjustment	3	3	10
Anger Problem			1
Anxiety	3	3	3
Behaviour	1	2	5
Bipolar	1	1	4
Depression	9	21	19
Discipline		2	
Domestic Violence	5	2	
Eating Disorder	2	2	
Exit Policy	1		
Family	1		1
Grief	1		
Marital Disharmony	2	6	10
Medical	6	5	11
OCD	3	1	
OSCC	11	5	3
Panic Attack		3	3
Phobia		1	
PTSD	1	2	
Schizophrenia	3		5

School Refusal	1	1	2
Social Issues			9
Stress	3	12	11
Substance Abuse	1	1	1
Suicidal Attempt	3	2	2
Unmarried Pregnancy	3		
Lain-lain	1		
Isu-isu Kakitangan	6	8	14
JUMLAH KESELURUHAN	71	83	114

Jadual 1 :Jumlah Rujukan Mengikut Diagnosis

*Terdapat kes yang underlying/ cormobid isu lain seperti insomnia dan personality


Jadual 2 : Pecahan Isu-Isu Kakitangan Menghadiri Kaunseling

KKM- Isu	Tahun		
	2017	2018	2019
Disiplin		1	2
Tatatertib/ Exit Policy	1		
Interpersonal		1	
Psikologi	5	6	12
Kesihatan			
JUMLAH KESELURUHAN	6	8	14

Jadual 3 : Jumlah Rujukan Mengikut Umur


Umur Klien	Tahun		
	2017	2018	2019
12 Tahun Ke bawah	7	11	21
13 – 19 Tahun	8	17	22
20 – 30 Tahun	13	18	32
31 – 40 Tahun	31	25	27
41 – 50 Tahun	9	6	10
51 – 60 Tahun	3	4	6
61 Tahun Ke atas		2	4
JUMLAH KESELURUHAN	71	83	122

Perbandingan bilangan perkhidmatan sesi psikologi kaunseling bagi tahun 2017 – 2019



Graf 1: Perbandingan Bilangan Perkhidmatan Sesi Kaunseling 2017 sehingga 2018

Bilangan Perkhidmatan Pentadbiran Ujian Psikologi dan Psikometrik bagi tahun 2017 Sehingga 2019



Graf 2: Bilangan Perkhidmatan Pentadbiran Ujian Psikologi dan Psikometrik Tahun 2017 sehingga 2019

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Perancangan akan datang unit.

- i. Melaksanakan aktiviti promosi dan pendidikan tentang perkhidmatan Unit Psikologi Kaunseling di Kalangan warga HDOK.
- ii. Memperkembangkan perkhidmatan ke fasiliti kesihatan lain di sekitar Sandakan termasuk kota Kinabatangan dan Beluran.
- iii. Permohonan fasiliti dan lokasi unit yang lebih strategik dan kondusif.
- iv. Permohonan kakitangan Pembantu Tadbir bagi membantu tugas-tugas pengurusan Unit Psikologi Kaunseling.

8.0 PENUTUP

Pada tahun 2020, unit ini berharap dapat meningkatkan perkhidmatan yang disediakan serta meningkatkan fasiliti unit seperti bilik kaunseling yang lebih kondusif sejajar dengan keperluan penilaian akreditasi kualiti perkhidmatan bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

PERKHIDMATAN WANITA DAN KANAK-KANAK

JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi memberikan perkhidmatan perawatan pesakit dalam bagi kes Antenatal, Intrapartum, Postpartum kepada pesakit dalam di Wad Bersalin. Wad Bersalin juga memberi perkhidmatan Mesra ibu selaras dengan Polisi Hospital Rakan Bayi.

Ia juga memberi perkhidmatan perawatan pesakit dalam bagi kes ibu/wanita dengan masalah yang berkaitan pada awal kehamilan, dalam masa *puerperium*, *general gynaecology* dan *gynaecology*, serta menerima kes rujukan dari hospital lain dan merujuk pesakit ke hospital pakar yang berkaitan Di Wad Sakit Puan.

Manakala perkhidmatan pesakit luar dijalankan setiap hari dengan memberi perkhidmatan seperti *Office Hysteroscopy*, *Colposcopy*, *Pre Pregnancy Care*, *Combine Clinic*, Klinik Menopausal, Rawatan Kesuburan, Perancang keluarga dan Klinik *Gynaecology*.

2.0 OBJEKTIF, VISI & MISI

OBJEKTIF

1. Menyediakan perkhidmatan diagnostik, rawatan dan rehabilitasi yang sesuai dan efektif.
2. Memberi rawatan pesakit dalaman yang optimal.
3. Mempastikan proses kelahiran yang selamat
4. Memberi pendidikan kesihatan yang berkaitan seperti perancang keluarga.

VISI

Sebagai sebuah pusat kecemerlangan perkhidmatan dan latihan dalam bidang perbidanan dan sakit puan.

MISI

- Memberikan perkhidmatan professional dan komited kepada wanita yang mengandung
- dan bersalin bagi membolehkan mereka memperolehi anak yang sihat.
- Membantu wanita yang menghadapi penyakit dan masalah fungsi system reproduktif, untuk membolehkan mereka mencapai potensi sepenuhnya dalam aspek kesihatan fizikal, mental, seksual dan sosial.
- Memupuk kerjasama antara pelanggan dan anggota Jabatan O&G untuk menyediakan
- perkhidmatan yang terbaik.

PIAGAM PELANGGAN

1. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat dan bersopan santun, jujur dan ikhlas.
2. Selepas tiba di wad, setiap pesakit dan keluarga akan diberikan maklumat sewajarnya mengenai peraturan kemasukan ke wad.
3. Setiap pesakit akan ditempatkan dikatil dalam tempoh 15 minit.
4. Setiap pesakit akan diperiksa oleh Pegawai Perubatan dalam masa 20 minit.
5. Setiap pesakit diberi jaminan bahawa kehormatannya akan dipelihara semasa menerima rawatan. Segala maklumat mengenai pesakit dan rawatan akan dirahsiakan dan hanya boleh diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.
6. Setiap pesakit akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan rawatan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.

3.0 PERJAWATAN

Bil.	Jawatan	Gred	Bilangan
1.	Pakar Perubatan Gred Khas	Jusa C	0
2.	Pakar Perubatan O&G	UD 56	1
3.	Pakar Perubatan O&G	UD 52	1
4.	Pakar Perubatan O&G	UD 48	3
5.	Pegawai Perubatan	UD 52	2
6.	Pegawai Perubatan	UD 48	6
7.	Pegawai Perubatan	UD 44	10
8.	Pegawai Perubatan	UD 41	5
9.	Penyelia Jururawat Klinikal	U41/U44	1
10.	Penyelia Jururawat Kawasan	U36	0
11.	Ketua Jururawat	U32	4
12.	Jururawat Terlatih	U29/32	19
13.	Jururawat Terlatih	U29	22
14.	Jururawat Masyarakat	U24	1
15.	Jururawat Masyarakat	TBK U24	3
16.	Jururawat Masyarakat	U19	25
17.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11	7
Jumlah Keseluruhan Anggota = 110 Orang			

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan

Keanggotaan Wad Ginekologi dan Klinik Obstetrik & Ginekologi yang terdiri daripada:

Bil.	Jawatan (Wad Ginekologi)	Gred	Bilangan
1.	Ketua Jururawat	U32	1 Orang
2.	Jururawat Terlatih	U29/32	17 Orang
3.	Jururawat Masyarakat	U19	8 Orang
4.	Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)	U12	1 Orang
5.	Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)	U11	5 Orang
Jumlah Keseluruhan Anggota = 32 Orang			

Bil.	Jawatan (Klinik Obstetrik & Ginekologi)	Gred	Bilangan
1.	Ketua Jururawat	U32	1 Orang
2.	Ketua Jururawat (KUP)	U32	1 Orang
3.	Jururawat Terlatih	U29	4 Orang
4.	Jururawat Masyarakat	U24	1 Orang
5.	Jururawat Masyarakat	U19	5 Orang
6.	Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)	U11	2 Orang
Jumlah Keseluruhan Anggota = 14 Orang			

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

1. Patient Assessment Centre (PAC), Peruntukan kemudahan-kemudahan untuk penilaian, diagnosis kepada semua ibu antenatal dengan kandungan 24 minggu ke atas.
2. Memberi perawatan pesakit dalam bagi kes Antenatal, Intrapartum, Postpartum dan merujuk pesakit yang berkenaan.
3. Peruntukan imunisasi awal kepada bayi baru lahir (Hepatitis B dan BCG).
4. Menyediakan suasana pelaksanaan "Hospital Rakan Bayi".
5. Menyambut kelahiran bayi dengan selamat.

Wad Bersalin (termasuk PAC)

Wad Bersalin mempunyai 60 buah katil & terbahagi kepada 3 kelas iaitu

- 1st Class – 4 Buah katil
- 2nd Class – 6 Buah katil
- 3rd Class – 50 Buah katil

PERKHIDMATAN GINEKOLOGI

Wad Ginekologi mempunyai 18 buah katil, perkhidmatan yang diberi adalah perawatan pesakit dalam bagi kes ibu/wanita dengan masalah yang berkaitan pada awal kehamilan, dalam masa puerperium, general gynae dan gynaecology, serta menerima kes rujukan dari hospital lain dan merujuk pesakit ke hospital pakar yang berkaitan.

Klinik Gynae-onco – HDOK merupakan Hospital rujukan untuk kes gynae-onko daripada Pantai Timur Sabah. Setiap bulan Pakar GynaeOncology dari Hospital Wanita Kanak Kanak Sabah akan datang menjalankan pembedahan dan sesi klinik di Hospital Duchess of Kent sandakan.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Pegawai Perubatan dan Jururawat telah dihantar untuk menghadiri Kursus-kursus tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kursus 20 jam Breast Feeding
- ii. Kursus Obstetric Emergency
- iii. Perhimpunan Pagi Sesi September 2019
- iv. Kursus *OGSM Basic Ultrasound in O&G*
- v. Malam Mesra O&G
- vi. Mesyuarat Pagi bersama Pakar O&G, Pegawai Perubatan (MO/HO/Jururawat).
- vii. *In house* CME setiap Khamis (MO/HO)

PENGANJURAN MESYUARAT

MESYUARAT	KEHADIRAN
Mesyuarat Wad Bersalin	4 kali
Mesyuarat Jabatan O&G	4 Kali
Mesyaurat Maternal Mortality	7 Kali
Mesyuarat Wad Gynae	8 Kali
Mesyuarat Under 5	24 Kali

PENGANJURAN KURSUS IN HOUSE

CNE / CME JABATAN	KEHADIRAN
Mesyuarat Jururawat Klinik O&G	10 Kali
Continuous Nursing Education	37 Kali
Continuous Medical Education	42 Kali

Selain dari itu, Jururawat juga telah menghadirkan juga terlibat sebagai AJK / peserta untuk program gotong royong , EKSA, Derma Organ, yang dianjurkan oleh Hospital.

KURSUS-KURSUS / TAKLIMAT / SYMPOSIUM YANG DI HADIRI ANGGOTA

- Bengkel Penerapan Budaya Korporat
- Kursus Orientasi
- Kursus Nursing Documentation
- Kursus Nursing Leadership
- Kursus Mento Mentee
- Kursus Nursing Audit

- Kursus Asas Mencegah Kebakaran
- Kursus Medication Safety
- Kursus Local Perceptor
- Kursus Infection Control
- Kursus Pain as 5th Vital sign
- Kursus Quality Intiative
- Kursus Pemantapan PPK
- Kursus Pemantapan Jururawat masyarakat
- Kursus Professionalism in Nursing
- Kursus Nursing Research
- National Gynae-Oncology Conference
- Kursus SWACH MOH-OLSS Bil.5/2019
- Borneo Reproductive Paediatric & Adolescent Gynaecology Symposium
- Bengkel Nna, Nnia Dan Pementoran Peringkat Negeri Sabah
- Kursus The Great Growling Engine Of Change : 3d Laparoscopic Technology
- 5th Medical Officer Conference
- RCOG Focus On: Intrapartum Care
- Kursus Advance Life Support
- Kursus basic Life Support
- Kursus NRP
- Kursus 10s
- Pre-Conference Workshop Bagi 6th National POMR Conference 2019 - POMR : A New Dimension
- 27th International Congress Of The Obstetrical And Gynaecological Society Of Malaysia
- Cervical Pathology & Colposcopy Workshop HRPB
- 5th Ultrasound Workshop In Obstetrics & Gynaecology
- Kursus SWACH MOH - Olss Bil.2/2019
- Laparoscopy 101: Guide To Laparoscopy
- Basic O&G Ultrasound course
- 3rd National Maternal Fetal Medicine Conference
- 6th National POMP Conference
- Paediatric & Adolescent Gynaecology Conference
- Kursus Successful Mentoring In Clinical Placement Institut Latihan KKM (ILKKM) Zon Sabah
- Taklimat Hospital Mesra Ibadah (HMI) Peringkat Negeri Sabah

6.0 PENCAPAIAN

KEHADIRAN DI KLINIK GINEKOLOGI

Jumlah kehadiran dari Januari – Disember 2019			
Kehadiran pesakit	8315	Pre Pregnancy Care	19
Doppler Scan	1585	Combine Clinic	69
Ultra sound	7121	Perancang Keluarga	170
Colposcopy	43	Hysteroscopy	30
Pap Smear	590	Klinik Menopause	66

WAD GINEKOLOGI

STATISTIK	KEMASUKKAN PESAKIT KE WAD GINEKOLOGI
JANUARI	132
FEBRUARI	102
MAC	135
APRIL	113
MEI	96
JUN	91
JULAI	133
OGOS	113
SEPTEMBER	122
OKTOBER	123
NOVEMBER	121
DISEMBER	118
JUMLAH	1399

PEMBEDAHAN YANG DIJALANKAN

BULAN	PEMBEDAHAN YANG DIJALANKAN							
	Laparoscopic Hysterectomy	Pembedahan oleh Gineonkologi	Cystectomy	Hysterectomy	Laparotomy	ERPOC	BTL	Laparoscopic BTL
JAN	0	1	2	6	6	14		6
FEB	0	2	3	6	8	5		3
MAC	3	3	4	2	10	9		2
APR	0	2	5	4	8	11		2
MEI	2	5	2	6	3	12		4
JUN	2	3	2	2	5	15		3
JUL	1	2	3	3	8	6		3
OGOS	3	2	4	7	10	0		7
SEPT	0	0	4	9	13	6		8
OKT	2	3	2	9	15	3		3
NOV	3	1	5	5	6	5		8
DIS	0	0	1	7	4	0		6
JUM	16	24	42	66	96	86		55

PERKHIDMATAN GINE-ONKOLOGI

BULAN	PERKHIDMATAN GINE-ONKOLOGI	
	KEMASUKAN PESAKIT	RAWATAN CHEMOTHERAPY
JAN	21	12
FEB	25	15
MAC	24	11
APR	16	9
MEI	16	5
JUN	22	15
JUL	23	15
OGOS	18	9
SEPT	21	17
OKT	24	14
NOV	26	16
DIS	24	14
JUM	260	152

WAD BERSALIN

BULAN	WAD BERSALIN			
	KEMASUKAN PESAKIT	KELAHIRAN	KEMATIAN IBU	FSB / MSB / END
JAN	467	431	1	4
FEB	439	391	0	3
MAC	559	528	0	15
APR	533	493	1	4
MEI	573	528	1	4
JUN	558	492	1	2
JUL	587	531	0	9
OGOS	556	483	1	6
SEPT	555	485	0	5
OKT	616	548	0	6
NOV	570	512	1	7
DIS	570	500	0	7
JUM	6615	5922	6	72

Kelahiran secara biasa adalah (4257) 71.88% dan kelahiran secara Pembedahan Caesarean Section adalah (1665) 28.12%.

Kadar kematian maternal (secara direct) adalah 4 Kes dan 2 fortuitous. Kadar Kematian Maternal adalah 67.5 pada setiap 100,000 kelahiran. Kebanyakan kematian adalah Patient Factor kerana tidak menghadiri diri ke klinik antenatal dan Hospital dengan awal serta cuba melahirkan bayi di rumah. Kematian bayi dalam kandungan (Fresh stillbirth / Macerated Stillbirth / Early Neonatal Death) adalah 72 dengan kadar kematian Perinatal 12.06 pada setiap 1,000 kelahiran hidup.

- Melakukan Kes LLETZ di klinik.
- Memindah Patient Assessment Center ke tempat yang lebih sesuai.
- Mengadakan 'service epidural' Bilik Bersalin.
- Meningkatkan kualiti kes minimal access surgery (MIS) untuk kes yang sesuai, seperti hysteroskopi myomectomy dan laparoscopi myomectomy untuk kebaikan pesakit.

KEY PERFORMANCE INDICATOR' (KPI) JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

	Key Performance Index	Sasaran	Pencapaian
1	Percentage of mothers with eclampsia administered Magnesium Sulphate (MgSO ₄) (Standard: ≥90 %) (monthly)	12	100%
2	Percentage of cases with Massive PostPartum Haemorrhage (Standard: ≤ 1 %) (monthly)	12	0.61%
3	Percentage of patients hospitalised > 24 hours seen by specialist at least once before discharge (Standard: ≥ 80 %) (monthly)	12	100%
4	Percentage of cases with Erythromycin Ethinyl Succinate (EES)administration for preterm pre-labour rupture of membrane (PPROM) (Standard: > 95%)monthly)	12	100%
5	Percentage of unrecognised ureteric injury intraoperatively during benign gynaecological condition (Standard: ≤5 %) (monthly)	12	0%
6	Percentage of patients diagnosed antenatally with morbidly adherent placenta have their caesarean section performed or supervised by consultant/ specialist (Standard: ≥ 90 %) (monthly)	12	100%
7	Percentage of obstetric Trauma following vaginal delivery without instrument in the corresponding year (Standard: ≤1 %) (6 monthly)	12	0.14%

8.0 PENUTUPAN

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi akan berusaha untuk memperbaiki perkhidmatan kepada pelanggan dari masa ke semasa dengan menfokuskan aktiviti memberi kepuasan kepada pelanggan serta memperbaiki taraf kesihatan masyarakat seperti:-

- Menitik beratkan pelaksanaan Akreditasi dan Baby Friendly Initiative.
- Meningkatkan Program Kualiti dan Penambahbaikan pada prosidur.
- Memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota.
- Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang lebih sistematik dan mesra pelanggan.

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

MATLAMAT JANGKA PANJANG DAN SASARAN TAHUN 2020

- Mengadakan Klinik bersama Jabatan Perubatan (Medical) setiap bulan dua kali
- Mengadakan Klinik Perancang Keluarga dengan ubat/alat yang mencukupi.
- Melakukan prosedur IUI untuk kes infertiliti di Klinik

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

**JABATAN PATOLOGI
JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI
JABATAN RADIOLOGI
JABATAN FARMASI
JABATAN PERUBATAN REHABILITASI
UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI
JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN
UNIT PROMOSI KESIHATAN
PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CRC)**

JABATAN PATOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Patologi, Hospital Duchess of Kent Sandakan memberikan perkhidmatan makmal didalam 4 bidang utama iaitu Mikrobiologi Perubatan, Patologi Kimia, Hematologi dan Sitologi merangkumi ujian peringkat 'secondary care with extended specialty services' serta menjadi pusat rujukan makmal kepada Hospital Beluran, Hospital Kota Kinabatangan, pusat-pusat kesihatan daerah Sandakan, Beluran dan Telupid. Perkhidmatan Patologi merupakan nadi kepada perkhidmatan kesihatan dan terlibat secara langsung dalam semua aspek penjagaan kesihatan masyarakat tanpa mengira peringkat usia serta tahap penyakit seperti diperingkat penyaringan, pendiagnosan atau rawatan pesakit.

2.0 OBJEKTIF KUALITI

Memastikan semua spesimen patologi yang diterima di Unit Kaunter Pre-analitik, Patologi Kimia, Hematologi, Bakteriologi, Serologi, Histologi dan Sitologi mematuhi kriteria penerimaan dan penolakan spesimen.

3.0 PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	GREJ	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
1	Pakar Perubatan Patologi	UD54	1	2	-1
2	Pentadbir / Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43/44 UD47/48	3	3	0
3	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C48	1	1	0
4	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C44	1	1	0
5	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C44	1	0	1
6	Pegawai Sains (Kimiahayat)	C41/44	2	2	0
7	Pegawai Sains (Mikrobiologi)	C41/44	3	3	0
8	Juruteknologi Makmal Perubatan	U38	1	1	0
9	Juruteknologi Makmal Perubatan	U36	4	4	0
10	Juruteknologi Makmal Perubatan	U32	4	4	0
11	Juruteknologi Makmal Perubatan (TBK 13Tahun)	U29/32	38	37	1
12	Pembantu Perawatan Kesihatan	U14	1	0	1
13	Pembantu Perawatan Kesihatan	U11/U14	2	3	-1
14	Pembantu Am (TBK 13 Tahun)	H11/H14	2	1	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan Patologi

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Memastikan perkhidmatan makmal patologi dilaksanakan secara professional dan berkualiti dengan mengutamakan pelanggan sejajar dengan perkembangan klinikal untuk perawatan pesakit.

- Kaunter Utama (Pre-analitik)
Penerimaan spesimen dan permintaan ujian.
- Makmal Pendiagnosan
 - Makmal Patologi Kimia
 - Makmal Hematologi
 - Makmal Mikrobiologi
 - Makmal Serologi/Virologi
 - Makmal Cytology & Histopathology
 - Makmal *Drug of Abuse Screening and Confirmation* (ATS, Morphine/Codeine, Cannabis)
- Menyediakan keputusan-keputusan ujian yang berkualiti melalui program-program kawalan mutu dalaman dan *proficiency testing* melalui kawalan mutu luaran.
- Memberi perkhidmatan patologi dan perkhidmatan rundingcara kepada makmal kesihatan awam Daerah Sandakan, Hospital Daerah Beluran dan Kota Kinabatangan melalui pemantauan dan lawatan penyeliaan.
- Mengurus dan mengendali program latihan pelajar dari Institusi Pengajian tinggi Awam dan Swasta.
- Menganjurkan bengkel, kursus, seminar dan konferen dalam bidang berkaitan.
- Menyediakan perkhidmatan diagnostik, saringan dan pemantauan, termasuk pemantauan bagi perkhidmatan *Point of care Testing* (POCT).
- Menjalankan projek QAP dan langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan.
- Membuat perancangan untuk polisi, skop perkhidmatan, sumber manusia, peralatan dan kemudahan fasiliti bagi aktiviti di Jabatan Patologi.
- Menggalakkan penglibatan dalam kajian serta penyelidikan dalam bidang patologi mengikut keperluan demi peningkatan kualiti perkhidmatan.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

5.1 Aktiviti peningkatan kualiti

- i. Kesemua unit telah mengambil bahagian yang aktif dalam usaha menjayakan MS ISO 9001:2015 dan program EKSA.
- ii. Semua unit di Jabatan Patologi menyertai Program Kepastian Kualiti (QAP) luaran (peringkat kebangsaan dan antarabangsa) dan dalaman (internal QAP) serta berusaha ke arah meneruskan sistem kualiti dalam ujian-ujian diagnostik yang dijalankan di Jabatan Patologi.
- iii. Menganjurkan Bengkel penilaian morfologi dalam pelaporan Peripheral Blood Film pada 12 – 13 Oktober 2019. Bengkel ini dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan dan memantapkan kemahiran teknikal serta kompetensi anggota patologi dalam menyediakan laporan morfologi filem darah nipis (PBF). Bengkel ini dilaksanakan kepada beberapa sesi seperti ceramah dan perbincangan serta hand-on yang dikendalikan oleh Dr.Siti Alywiah Binti Jumiran, Ketua Jabatan Dan Pakar Patologi (Hematologi) Gred UD52 Jabatan Patologi, Hospital Duchess Of Kent, Sandakan. Seramai 5 Pegawai Perubatan dan 41 Juruteknologi Makmal Perubatan dari Hospital Duchess Of Kent, Hospital Beluran, Hospital Kota Kinabatangan, Klinik-Klinik Kesihatan daerah Sandakan, Beluran, Telupid, Kinabatangan dan Tongod telah menghadiri bengkel ini.



Gambar 1. Bengkel Penilaian Morfologi dalam pelaporan Peripheral Blood Film.

- iv. Peningkatan dan pemantapan kualiti perkhidmatan Patologi dengan pembentukan Jawatankuasa pengurusan kualiti yang diketuai oleh Pakar Patologi (Hematologi), Pakar Patologi (Mikrobiologi), Pegawai Perubatan, Pegawai Sains (Kimiahayat), Pegawai Sains (Mikrobiologi) dan Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan.
- v. Program Kepastian Kualiti
Bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi standard piawai dan jaminan keputusan ujian yang dikeluarkan adalah tepat, Jabatan Patologi telah mengambil bahagian dalam pelbagai program kawalan mutu termasuklah:
 - i. External Quality Assurance Services in Clinical Chemistry (monthly) Program (Bio-Rad, USA).
 - ii. Program Kawalan Mutu Dadah kebangsaan (NDQCP) – Hospital Kuala Lumpur.
 - iii. Performance in Anti-Nuclear Antibody (ANA) Testing using EIA/F (IMR).
 - iv. Program kawalan mutu kebangsaan Mikrobiologi - (IMR).
 - v. National External Quality Assurance Scheme in HIV Antibody Testing – IMR.
 - vi. National External Quality Assurance Scheme in Hepatitis B & C Testing - Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur.
 - vii. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Full Blood Counts, Blood Morphology, Total White Differential Count (TWDC) and Haemostasis.
 - viii. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Microbiology and Immunology
 - ix. Laboratory diagnosis of Tuberculosis and Malaria Parasites -Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu.
 - x. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Rheumatoid Factor.
 - xi. Royal College of Pathologists of Australia (RCPA) External Quality Assurance Programmes: Hepatitis B surface antigen, Hepatitis B antibody and Hepatitis C antibody.

5.2 Latihan dan program pendidikan berterusan.

- i. Meneruskan aktiviti pembelajaran melalui CME, CLE dan keselamatan tempat kerja. Anggota jabatan patologi juga telah dihantar untuk menghadiri berbagai persidangan, seminar, kursus, bengkel dan ceramah bagi meningkatkan lagi mutu kerjaya.
- ii. Melakukan kajian dan penyelidikan saintifik perkembangan perkhidmatan patologi:
 - a. Leucoagglutination; in vivo or in vitro phenomenon (Siti Alywiah J/ Ahmad Shahir MN/ Mohd Fadly M)
 - b. Dengue infection and various serotype identification in Sandakan (Logeswaran Muniandi)
 - c. The effect of freeze-thaw cycle on serum Creatine Kinase and Creatine Kinase MB in Hospital Duchess Of Kent, Sandakan (Rozmonie RR)
- iii. Melakukan lawatan penyeliaan makmal ke Unit Perkhidmatan Patologi Hospital Kinabatangan pada 23 Julai 2019 dan Hospital Beluran pada 24 Julai 2019.
- iv. Menerima lawatan pemantauan dan penyeliaan perkhidmatan patologi oleh Ketua Perkhidmatan Patologi Negeri Sabah, Dr. Ahmad Toha Bin Samsuddin pada 5 April 2019 dan 8 Oktober 2019.



Gambar 2. Lawatan penyeliaan Makmal Patologi, Hospital Beluran



Gambar 3. Lawatan penyeliaan makmal patologi, Hospital Kota Kinabatangan



Gambar 4. Lawatan penyeliaan Jabatan Patologi, Hospital Duchess Of Kent oleh Dr. Ahmad Toha Bin Samsuddin, Ketua Perkhidmatan Patologi Negeri Sabah

6.0 PENCAPAIAN

BEBANAN KERJA

UNIT	2017		2018		2019	
	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian	Spesimen	Ujian
Hematologi	177,084	201,008	183,495	200,866	161,764	177,502
Patologi Kimia	403,773	993,676	324,954	933,826	418,710	1,386,400
Mikrobiologi	68,671	121,904	68,260	109,568	103,964	133,062
Histopatologi	3,811	-	3,997	-	0	0
Cytology	4703	6,045	5,653	7,064	6,638	8,362
JUMLAH	658,042	1,322,634	586,359	1,251,324	691,076	1,705,326

Jadual 2: Statistik perbandingan beban kerja 2017 - 2019

PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

BULAN	NUMERATOR (Total Number of specimen rejected)	DENOMINATOR (Total numbers of specimen sent for testing in the same period)	PENCAPAIAN (STANDARD: ≤ 1 %)
JANUARI-DISEMBER 2019	7,012	510,530	1.37 %

Jadual 3: Pencapaian objektif kualiti 2019

KEWANGAN : PEROLEHAN REAGENT (27403) JABATAN PATOLOGI

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan
022199 (27403)	4,681,048.75	4,680,904.89	99.99 %
020599 (27403) Program Saringan Hypothyroidism	191,300.00	191,278.00	99.98 %

PEROLEHAN STOK BUKAN UBAT (27499), JABATAN PATOLOGI

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan
022199 (27499)	115,360.00	115,357.00	99.99 %

Jadual 4: Peruntukan dan perbelanjaan Jabatan Patologi

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

1. Instrument placement dan reagent rental bagi Routine Chemistry, Electrolytes dan Immunoassay, penerapan konsep makmal integrasi bagi mengoptimakan penyampaian perkhidmatan, pengurusan modal insan dan infrastruktur serta perkhidmatan makmal berkonsepkan teknologi IT merangkumi pengurusan data pesakit dan keputusan ujian telah diluluskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan telah direalisasikan pada bulan Jun 2019.
2. Kelulusan tender '*Instrument placement, consumables, quality control and reagent rental for fully automated Haematology analyzer with 5 parts differential count and reticulocytes count*' bagi tempoh empat (4) tahun, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.
3. Tender secara berpusat bagi pembekalan Blood Culture Bottle untuk Hospital-hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tempoh tiga (3) tahun dan placement satu unit BD Bactec FX Stack Automated Blood Culture System.

4. Semua laporan keputusan ujian makmal patologi telah berjaya dilaksanakan secara dalam talian melalui sistem maklumat *i-Lab* pada bulan Disember 2019.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Patologi telah menunjukkan peningkatan prestasi secara konsisten dan berjaya mencapai standard yang telah ditetapkan. Jabatan berharap akan dapat memperluaskan lagi skop perkhidmatan menerusi pengenalan ujian-ujian khas berdasarkan keperluan diagnosis pesakit.

JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2019, seorang Pakar Perubatan Transfusi telah ditugaskan di Hospital Duchess of Kent buat julung kalinya. Di bawah pimpinan Dr. Sarah binti Mat Noh, Jabatan Perubatan Transfusi telah diwujudkan bagi menggantikan Unit Tabung Darah yang sebelum ini merupakan salah satu cabang perkhidmatan Jabatan Patologi Hospital Duchess of Kent.

Jabatan ini adalah salah satu jabatan sokongan klinikal yang menyediakan perkhidmatan perubatan transfusi bermula daripada kutipan, saringan, penyediaan komponen darah sehingga ke ujian keserasian sebelum darah boleh digunakan dengan selamat oleh pesakit.

2.0 OBJEKTIF

- Mewujudkan dan mengekalkan kumpulan penderma darah yang selamat.
- Menyediakan darah dan komponen darah yang mencukupi, selamat dan sesuai melalui amalan prosedur saringan serta penstoran mengikut piawaian dan standard serta perkembangan teknologi perubatan terkini.
- Memastikan penjagaan pesakit yang optima melalui pembekalan dan penggunaan darah dan produk darah yang sesuai.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN

- i. Kutipan Darah
 - a. Pendermaan darah di Unit Perolehan Darah, Jabatan Perubatan Transfusi
 - b. Kempen derma darah bergerak.

- ii. Saringan darah
 - a. Semua unit darah yang dibekalkan dipastikan bebas daripada virus HIV, Hepatitis B, Hepatitis C, sifilis dan malaria.
- iii. Penyediaan komponen darah
 - a. Komponen darah seperti packed cells, fresh frozen plasma, cryoprecipitate dan platelet disediakan daripada darah utuh mengikut keperluan.
- iv. Perkhidmatan Makmal
 - a. Ujian kumpulan darah
 - b. Ujian keserasian darah
 - c. Ujian Group Screen and Hold
 - d. Ujian Coomb's
 - e. Fenotip sel darah merah
 - f. Ujian identifikasi antibodi
- v. Perkhidmatan Penderma Darah
 - a. Vaksinasi Hepatitis B.
 - b. Pengesahan penderma darah untuk kelayakan tuntutan keistimewaan penderma darah.
 - c. Pemeriksaan kesihatan untuk penderma darah yang ingin meneruskan pendermaan darah selepas umur 60 tahun.
 - d. Khidmat nasihat dan seterusnya rujukan perubatan untuk penderma reaktif.

4.0 PERJAWATAN

Jawatan	Pengisian
Peg. Perubatan Pakar UD54	1
Peg. Perubatan UD54	1
JTMP U36	1
JTMP U32	5
JTMP U29	5
JT U32	1
JT U29	3
JM U24	1
JM U14	1
PPP U32	1
PPP U29	1
PPPS S29	2

Jadual 1: Data Perjawatan

5.0 PENCAPAIAN

Antara Key Performance Indicator (KPI) perkhidmatan perubatan transfusi adalah kadar luput sel darah merah. Jabatan diarah memantau kadar luput sel darah merah dalam inventori jabatan untuk mengelakkan pembaziran. Indikator ini ditetapkan pada tahap maksima sebanyak 2.0%.

Jabatan Perubatan Transfusi dengan bangganya melaporkan bahawa kadar luput sel darah merah pada tahun 2019 adalah 0.71%.

Jabatan Perubatan Transfusi juga telah dapat memenuhi standard KPI untuk pembekalan darah kes-kes kecemasan dimana tempoh masa pembekalan darah untuk kesemua kes-kes kecemasan pada tahun 2019 dapat diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 30 minit selepas menerima permohonan.

Pada tahun 2019, tiada kes near miss atau incorrect blood component transfused (IBCT) dilaporkan di Hospital Duchess of Kent.

Berdasarkan laporan pencapaian di atas, sukacita dimaklumkan bahawa semua KPI Jabatan ini telah tercapai bagi tahun 2019.

6.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Terdapat beberapa aktiviti penambahbaikan yang telah dijalankan di Jabatan ini demi memastikan kualiti darah yang dibekalkan dan juga keselamatan pesakit yang menerima darah adalah optima.

1. Penggunaan Blood Bank Information System versi 2 (BBISv2)
Bermula Julai 2019, Jabatan ini telah menggunakan BBISv2 untuk merekodkan setiap aktiviti di Jabatan ini daripada pendermaan darah sehingga pembekalan darah kepada pesakit. Sistem berkomputer ini dapat memastikan traceability setiap aktiviti.
2. Nucleic Acid Test (NAT) sebagai ujian saringan darah
Bermula Julai 2019, Jabatan ini juga telah berjaya memastikan setiap beg

darah yang didermakan melalui ujian NAT sebagai ujian saringan tambahan untuk meningkatkan lagi keselamatan dan kualiti darah yang dibekalkan.

3. Penubuhan Unit Kualiti Jabatan
Unit Kualiti Jabatan ini telah ditubuhkan pada tahun 2019 diketuai oleh seorang JTMP U32 yang turut dilantik sebagai Pengurus Kualiti Jabatan. Unit ini bertanggungjawab memantau setiap aktiviti kualiti yang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan transfusi.

7.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, Jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan beberapa penambahbaikan yang telah dilakukan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan ini berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

JABATAN RADIOLOGI HDOK

1.0 PENGENALAN

Jabatan Radiologi HDOK memberikan perkhidmatan kepakaran pemeriksaan radiologi terhadap pesakit berpandukan kepada permintaan pakar dan pegawai perubatan serta keadaan klinikal pesakit daripada setiap disiplin klinikal di hospital ini serta hospital-hospital jiran mengikut keupayaan fasiliti yang ada.

2.0 OBJEKTIF

Melaksanakan setiap pemeriksaan radiologi dengan penuh prihatin terhadap keselamatan, keselesaan dan kebajikan setiap pesakit dan mengamalkan nilai-nilai budaya kerja korporat serta etika kerja yang mulia pada setiap masa.

3.0 PERJAWATAN

Berikut adalah perjawatan yang ada di jabatan ini:

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pakar Radiologi UD48/52/54	2	2	0
Pegawai Perubatan UD48	2	2	0
Pegawai Perubatan UD44	6	6	0
Juru X-Ray U42	1	1	0
Juru X-Ray U36	2	2	0
Juru X-Ray U32	3	3	0
Juru X-Ray U32(KUP)	2	2	0
Juru X-Ray U29	16	12	4
Jururawat U29	0	2	0
Pembantu Tadbir N19	1	0	1
Pembantu Perawatan Kesihatan	2	7	0
Jumlah:	37	39	5

Jadual 1: Maklumat perjawatan Jabatan Radiologi

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Radiografi Am 1 (Untuk Wad)
- Radiografi Am 2 (Klinik Pakar & Kecemasan)
- Radiografi mobile
- Ultrasonografi
- CT Scan
- Fluoroscopi & Radiografi Berkontras Mammografi

Lain-lain:

- Radiografi Dewan Bedah
- Radiografi Forensik.
- Perkhidmatan X-Ray kecemasan 24 jam.
- Radiografi Dental (OPG)

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Jabatan Radiologi menganjurkan kursus untuk meningkatkan lagi pengetahuan anggota. Peserta terdiri daripada Juru X-Ray, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.



Gambar 1: Kursus Sabah State Radiology dianjurkan pada 2019

6.0 PENCAPAIAN

PROSEDUR PEMERIKSAAN	JUMLAH
General X-Ray	45297
Alimentary System (Barium & lain-lain)	61
Biliary System (Cholangiogram)	0
Urinary System (IVU/MCU & lain-lain)	36
Vascular System (Venography)	3
Reproductive System (HSG)	70
Mieolografi	1
CT Scan	5700
Ultrasound	5199
MRI	0
Mammogram	254
Others (OT & OPG)	173
JUMLAH	56794

Jadual 2: Statistik Pemeriksaan Radiologi Sepanjang Tahun 2019

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Perancangan masa hadapan di Jabatan Radiologi ialah merancang mendapatkan modaliti mesin Magnetic Resonance Imaging(MRI) untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan radiologi kepada masyarakat Sandakan dan kawasan sekitarnya.

8.0 PENUTUPAN

Secara keseluruhannya pada tahun 2019, jabatan ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Jabatan Radiologi sentiasa beriltizam meningkatkan lagi prestasi penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mesra pelanggan dari masa ke semasa.

JABATAN FARMASI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Farmasi terdiri daripada 8 unit iaitu: Pengurusan Farmasi, Farmasi Logistik, Farmasi Ambulatori, MTAC, Farmasi Pesakit Dalam, Farmasi Klinikal, Farmasi Pengeluaran dan Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS).

2.0 OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan 'Pharmaceutical Care' yang berkualiti kepada setiap pelanggan.

Tujuan Jabatan Farmasi:

- Memberi perkhidmatan Farmasi yang cekap, tepat dan berkesan kepada pelanggan di hospital
- Meningkatkan perkhidmatan Farmasi Klinikal untuk meningkatkan kualiti rawatan pesakit
- Mengukuhkan Sistem Perolehan dan Bekalan supaya dapat memenuhi keperluan ubat-ubatan dan alat perubatan di peringkat hospital

3.0 PERJAWATAN

Sumber tenaga manusia di Jabatan Farmasi HDOK, Sandakan sehingga 31 Disember 2019:

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
PF UF54	59	2	10
PF UF52		2	
PF UF48		8	
PF UF44		27	
PF UF41		10	
PF UF41 (KONTRAK)		0	
PRP (KONTRAK)	-	12	
PPF U36	2	1	1
PPF U32	4	4	0
PPFU29	17	17	0
PPT N32	1	1	0
PPT N29	1	1	0
PT N22/ N22(KUP)	2	1+1 (KUP)	0
PT N19	3	3	0
PPK U14 / 14 (KUP)	2	2	0
PRA H11	10	7	3
Jumlah:	101	87	14

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

4.1 Pengurusan Farmasi

- Mengurus semua aspek berkaitan dengan perkhidmatan farmasi.
- Menyelaraskan aktiviti-aktiviti kualiti, latihan dan pendidikan.

4.2 Ambulatori

Unit Farmasi Klinik Pakar dan Farmasi Kecemasan menyediakan perkhidmatan farmasi yang komprehensif kepada pelanggan yang mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.2.1 Farmasi Klinik Pakar (FKP)

Beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 5.30 petang pada setiap hari bekerja.

- Menyediakan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal kepada pelanggan ambulatori dari Jabatan Kecemasan, Klinik-klinik Pakar, Klinik Kesihatan, pesakit discaj dari wad, pesakit rawatan harian.
- Menyediakan perkhidmatan farmasi ambulatori seperti pendispensan ubat, dadah berbahaya dan bahan psikotropik, penyediaan dan pendispensan sediaan ektemporaneous, pra-pembungkusan ubat ke bentuk pek-pengguna, kaunseling ubat, perkhidmatan maklumat ubat, promosi kesihatan dan pendidikan pesakit, pemantauan kesan advers ubat dan perkhidmatan tambah nilai farmasi.
- Menerima preskripsi dari fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang berdekatan seperti Klinik Kesihatan Sandakan, Klinik 1 Malaysia dan hospital-hospital dalam daerah Sandakan.
- Menawarkan beberapa jenis Perkhidmatan Tambah Nilai [Value-Added Services (VAS)] untuk memberikan keselesaan kepada pesakit, menjimatkan masa menunggu pesakit dan mengurangkan kesesakan di kaunter terutama pada masa puncak.
-

- **Sistem Pembekalan Ubat Bersepadu (SPUB)**

Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk mengambil ubat di fasiliti KKM yang berdekatan dengan tempat tinggal pesakit.

- **SMS & Ambil**

Perkhidmatan ini menawarkan kemudahan kepada pesakit untuk memberi notifikasi awal tarikh pengambilan ubat kepada farmasi melalui sms.

- **Ubat Melalui Poslaju 1 Malaysia (UMP 1Malaysia)**

Perkhidmatan ini menawarkan perkhidmatan pembekalan ubat sehingga ke pintu rumah pesakit.

- **Kad Temujanji**

Perkhidmatan pembekalan ubat melalui Kad Temujanji dimana pesakit boleh mengambil ubat dengan lebih cepat kerana ubat telah disediakan sebelum pesakit datang.

- **Letak & Ambil**

Perkhidmatan dimana pesakit boleh meninggalkan preskripsi di FKP untuk diproses dan datang semula pada masa pengambilan yang dipersetujui untuk mengambil ubat.

- **Farmasi Pandu Lalu**

Perkhidmatan ditawarkan kepada pesakit dimana pesakit hanya perlu memandu kereta ke kaunter Farmasi Pandu Lalu dan mendapatkan ubat daripada Pegawai Farmasi bertugas.

- **WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil**

Perkhidmatan ini memberikan kesenangan kepada pesakit untuk menetapkan tarikh pengambilan ubat mereka mengikut kesesuaian masa masing-masing melalui notifikasi awal menggunakan program WhatsApp & Ambil / Telegram & Ambil.

- **Beg Ubatku**

Perkhidmatan ini membekalkan ubat kepada pesakit berdasarkan baki ubat terdapat dalam beg ubat yang dibawa oleh pesakit. Ini

membantu pesakit menguruskan penyimpanan ubat-ubatan yang dipreskrib, meningkatkan kepatuhan pesakit terhadap terapi pengubatan, mengelakkan stok ubat berlebihan dalam simpanan pesakit dan menyokong kempen Go Green bagi menyelamatkan alam sekitar.

4.2.2 Farmasi Kecemasan

Perkhidmatan Farmasi Ambulatori yang diwujudkan di bawah Unit Farmasi Klinik Pakar sejak Januari 2013.

ia merupakan satu usaha untuk meningkatkan mutu kesihatan yang ditawarkan dengan menyediakan perkhidmatan farmasi 24 jam bagi menggantikan perkhidmatan *passive oncall*.

Waktu operasi Farmasi Kecemasan adalah dari jam 5.00 petang sehingga 7.00 pagi keesokan hari pada hari Isnin hingga Jumaat dan 24 jam pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Fungsi utama unit ini ialah untuk:

- Membekal dan mendispen ubat melalui preskripsi kepada pesakit daripada Jabatan Kecemasan & Trauma selepas waktu pejabat.
- Membekal ubat melalui *floor stok*, carta pengubatan dan preskripsi discaj selepas waktu pejabat.

4.3 Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)

Unit MTAC berlokasi di Bilik 3 & 4 (bilik yang bergabung), Klinik Pakar Perubatan dan Kanak-kanak, Blok Klinik Pakar, HDOK beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja.

Terdapat 6 MTAC di HDOK, iaitu MTAC Warfarin, MTAC Diabetes, MTAC Asthma, MTAC Retro Virus Disease, MTAC Thalassemia dan MTAC Hepatitis C.

Unit MTAC adalah pusat latihan yang memberi latihan sangkutan WMTAC dan DMTAC kepada pegawai-pegawai farmasi *in-house* atau pegawai-pegawai zon timur Negeri Sabah.

4.3.1 MTAC Warfarin (WMTAC)

- Memberi kaunseling dan memantau INR untuk semua

pesakit yang mengambil ubat Warfarin.

- Melakukan perubahan dos warfarin dan memberi intervensi kepada doctor jika perlu.
- Mengurangkan komplikasi seperti pendarahan akibat warfarin dengan memantau INR dengan ketara.

4.3.2 MTAC Diabetes (DMTAC)

- Memberi kaunseling merangkumi cara penggunaan ubat-ubatan diabetes, meningkatkan *compliance*, mengurangkan kesan buruk ubat-ubatan dan komplikasi penyakit diabetes, memberi pendidikan diabetes serta cara mengamalkan *self monitoring blood glucose* (SMBG) kepada pesakit diabetes yang tidak terkawal sama ada dalam lawatan pertama di klinik pakar perubatan atau lawatan susulan di farmasi klinik pakar.
- Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit diabetes dengan mengesan dan mengurangkan *medication-related problems* serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.

4.3.3 MTAC Asma (AMTAC)

- Memberi kaunseling kepada pesakit tentang penggunaan ubat-ubatan asma dan inhaler, serta meningkatkan *compliance*.
- Membantu doktor dalam memberi rawatan kepada pesakit asma dengan mengesan dan mengurangkan *medication-related problems* serta memberi intervensi dalam perubahan dos dan regim.

4.3.4 MTAC Hepatitis C (HepCMTAC)

- Memberi kaunseling merangkumi cara penggunaan ubat-ubatan Hepatitis C, meningkatkan 'compliance', mengurangkan kesan buruk ubat-ubatan dan komplikasi penyakit hepatitis C, memberi pendidikan kepada pesakit Hepatitis C yang dirujuk oleh doktor.
- Membekalkan ubat hepatitis C kepada pesakit.

4.3.5 MTAC Retro Virus Disease (RVD MTAC)

- Menjalankan kaunseling Pre-HAART.
- Menjalankan kaunseling kepada pesakit baru HAART.
- Menjalankan kaunseling HAART susulan.
- Memberi informasi tentang ubat-ubatan.

4.3.6 MTAC Thalassemia (TMTAC) – dijalankan di Pusat Penjagaan Harian (Day Care Center)

- Memberi kaunseling tentang ubat-ubatan dan cara penggunaan ubat pengelat besi kepada pesakit atau penjaga pesakit thalassemia.
- Membuat intervensi dalam rawatan thalassemia contohnya mencadangkan perubahan dos pengelat besi dan lain-lain.

4.4 Farmasi Pesakit Dalam

Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam (FPD) merupakan salah satu perkhidmatan asas yang ditawarkan di semua hospital. Aktiviti utama Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam adalah pembekalan ubat melalui carta pengubatan kepada pesakit di wad dan pembekalan stok wad kepada wad dan unit-unit lain. Terdapat 2 Farmasi Satelit di HDOK, iaitu Farmasi Satelit 1 di Tingkat 1, Bangunan Blok Lama dan Farmasi Satelit 2 di Tingkat 5, Blok Bangunan Baru. Substor FPD adalah terletak di tingkat bawah Bangunan Blok Lama (bersama dengan Stor Ubat SRQ & IV Drips). Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Pembekalan ubat secara sistem Unit Dos dan stok wad (termasuk ubat Dadah Merbahaya dan Ubat Psikotropik).
- Pembekalan ubat untuk preskripsi discaj.
- Pembekalan *Patients' Own Medicines* (POM).
- Perkhidmatan kaunseling pesakit (discaj dan bedside).
- Intervensi untuk preskripsi bermasalah.
- Perkhidmatan makluman ubat.
- Pemeriksaan wad / unit 3 kali setahun.

- Pembungkusan semula ubat Unit Dos.
- Permohonan stok TPN.
- Urusan rujukan pesakit & pembekalan ubat ke / dari fasiliti lain.
- Pembekalan ubat dari substor FPD ke unit lain.

4.5 Farmasi Pengeluaran

4.5.1 Farmasi Galenikal

Unit Farmasi Galenikal bertanggungjawab ke atas:

- Penyediaan dan pembekalan sediaan bukan steril internal, eksternal dan ektemporanus ke ke Unit Farmasi / wad / unit di Hospital Duchess of Kent, Sandakan [22 jenis sediaan internal; 31 jenis sediaan eksternal; 29 ektemporanus]
- Membuat prabungkusan dan pelabelan ubat-ubatan untuk unit-unit Farmasi / wad / unit HDOK Sandakan.
- Membekal sediaan kepada pesakit melalui carta pengubatan dan preskripsi discaj.
- Perkhidmatan makluman ubat.
- Menghantar sediaan internal / eksternal ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian kawalan mutu.
- Menghantar sampel air ke Makmal Farmaseutikal Cawangan Logistik Farmasi Negeri Sabah bagi tujuan ujian mikrob.
- Membuat ujian mikrob bakteria dan kulat untuk tujuan pemantauan kawasan pengeluaran.

4.5.2 Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR)

Unit Rekonstitusi Ubat Sitotoksik (CDR) bertanggungjawab ke atas perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan aseptik dengan menggunakan 'Closed System Transfer Device' PhaSeal, Personal Protective Equipment (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Perkhidmatan rekonstitusi ubat-ubatan sitotoksik dalam keadaan

aseptik dengan menggunakan 'Closed System Transfer Device' PhaSeal, Personal Protective Equipment (PPE) dan teknik pengendalian yang selamat.

- Perkhidmatan kaunseling berkenaan dengan regime / protokol kemoterapi yang dipilih, kesan sampingan ubat-ubatan sitotoksik yang digunakan dan cara-cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan, perubahan cara hidup termasuk diet, aktiviti senaman, dan perubahan aktiviti harian serta kaunseling berkaitan interaksi ubat-ubatan sitotoksik dengan ubat-ubatan lain, herba dan suplemen kesihatan.
- Perkhidmatan pemantauan klinikal pesakit yang menerima ubat-ubatan sitotoksik.
- Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan sitotoksik dan maklumat berkaitan dengan keselamatan pengendalian dan melakukan intervensi jika perlu.
- Perkhidmatan pinjaman peralatan chemoport dan jarum kemoport dengan sambungan tiub.
- Pembekalan botol IV drip normal saline 100ml dan 250ml, sarung tangan kemoterapi dan konsumabel lain untuk kegunaan jururawat memberi ubat sitotoksik.

Jenis-jenis ubat yang direkonstitusi di HDOK :

Ubat-Ubatan Sitotoksik / berkaitan dengan kemoterapi	Bendamustine, Bleomycin, Bortezomib, Carboplatin, Cisplatin, Cytarabine, Cyclophosphamide, D-actinomycin, Doxorubicin, Dacarbazine, Docetaxel, Epirubicin, Etoposide, 5-Fluorouracil, Gemcitabine, Ifosfamide, Irinotecan, Mesna, Methotrexate, Oxaliplatin, Paclitaxel, Vincristine, Vinblastine, Vinorelbine, Rituximab, Ganciclovir
--	--

Wad-Wad yang menggunakan servis unit CDR	CMW, FMW, MMW, FSW/FOW, MSW, GYNAE, ICU, EYE/ENT
--	--

4.6 Farmasi Wad (Klinikal)

Perkhidmatan Farmasi Wad (Klinikal) di Hospital Duchess of Kent adalah ditawarkan kepada Wad Perubatan Lelaki, Wad Perubatan Wanita, Wad Kanak-Kanak, Unit Rawatan Rapi (ICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) dan Paediatrik (PICU), Wad Orthopedik, Wad Pembedahan, Onkologi serta Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Penerimaan rujukan untuk kes-kes yang mempunyai masalah terapeutik.
- Menemubual pesakit untuk mendapatkan informasi tentang sejarah perubatan pesakit.
- Menjalankan aktiviti "*medication reconciliation*"
- Melibatkan diri dalam aktiviti rondaan wad.
- Memantau penggunaan ubat-ubat pesakit.
- Memberi perkhidmatan kaunseling.
- Memberi perkhidmatan maklumat ubat.

4.7 Perkhidmatan Maklumat Ubat (DIS)

Farmasi Perkhidmatan Maklumat Ubat merupakan sebuah unit yang membekalkan maklumat ubat secara tepat dan bersesuaian kepada anggota kesihatan, pesakit dan orang awam.

Objektifnya ialah untuk menggalakkan penggunaan ubat yang selamat dan efektif dan juga untuk mengelakkan kesan advers ubat. Dengan memberikan maklumat ubat yang tepat, penjagaan farmaseutikal pesakit dapat dipertingkatkan.

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Melaksana Perkhidmatan Maklumat Ubat.
- Mengendali Pelaporan Kesan Advers Ubat (ADR)
- Mengendali Pelaporan Alahan Ubat
- Mengendali Pelaporan Kesilapan Pengubatan (*Medication Error*)

- Mengendali Pelaporan Kes Keracunan Ubat
- Melaksanakan Penerbitan Buletin Farmasi
- Mengendali Permohonan Penyenaaran Ubat FUKKM ke dalam Formulari Hospital
- Mengendali Permohonan Ubat yang Memerlukan Kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan (KPK)/ Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF)
- Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat SRQ (*Special Request Drug*)
- Mengendali Aduan Produk (Ubat) Berdaftar/Tidak Berdaftar
- Merancang dan Melaksanakan Mesyuarat Pra Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (Pra-JKUT)
- Membantu Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (JKUT)
- Merancang dan Melaksanakan Mesyuarat Farmasi Klinikal
- Melaksanakan Kelab Jurnal Jabatan Farmasi
- Menyediakan Takwim *Continuous Professional Development (CPD)*
- Menyelaras Aktiviti Penyelidikan Jabatan Farmasi
- Mendaftar Anggota Kesihatan Sebagai Pengguna PhIS
- Merancang dan Melaksanakan Latihan PhIS
- Mengesahkan Laporan Service Level Agreement (SLA) PhIS
- Menyediakan Laporan KPI PhIS

4.8 Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM)

Unit Farmasi Farmakokinetik Klinikal (TDM) adalah perkhidmatan menganalisa paras kepekatan serum ubat yang mempunyai julat terapeutik yang kecil. TDM memberi interpretasi serta cadangan pengubahsuaian dos berdasarkan paras kepekatan ubat bagi tujuan mengurangkan risiko ketoksikan ubat di samping mengoptimumkan efikasi ubat. Pemantauan kes juga dijalankan bagi permohonan TDM pesakit dalam sebagai salah satu cara penjagaan farmaseutikal pesakit.

Sebanyak **10** jenis ubat dianalisa oleh HDOK manakala **4** jenis ubat dianalisa oleh fasiliti lain. Selain itu, unit TDM juga menerima sampel darah dari fasiliti-fasiliti lain yang berdekatan untuk dianalisis seperti Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, dan Klinik Kesihatan Sandakan.

Jenis-jenis ubat yang dianalisa termasuk:

Tempat Analisa	Ubat
HDOK	Acetaminophen, Amikacin, Carbamazepine, Digoxin, Gentamicin, Phenobarbitone, Phenytoin, Theophylline, Valproic Acid, Vancomycin
Fasiliti lain (HQE)	Cyclosporine, Lithium, Tacrolimus, Salicylate

Di antara perkhidmatan dan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini adalah:

- Melakukan kes clerking untuk memantau perkembangan keadaan klinikal pesakit di wad serta memantau carta pengubatan pesakit.
- Membuat interpretasi dan pengubahsuaian dos ubat berdasarkan pengiraan dan keputusan analisa ubat TDM.
- Memantau stok-stok serta tarikh luput untuk reagen dan kalibrator TDM.

4.9 Farmasi Logistik

Beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari bekerja.

- Menjalankan aktiviti perolehan, penerimaan, perekodan, penstoran, pengeluaran, pengiraan dan pelupusan.
- Membekalkan ubat-ubatan, alat perubatan, vaksin, reagen dan gas perubatan kepada unit pengguna hospital.
- Membekalkan ubat-ubatan dan alat perubatan kepada klinik-klinik kesihatan di sekitar daerah Sandakan.

Secara keseluruhannya Unit Farmasi Logistik menjalankan proses perolehan

melalui beberapa cara mengikut Arahan Perbendaharaan dan Tatacara Perolehan yang sedang berkuatkuasa. Proses perolehan tersebut adalah melalui;

- a) Syarikat Konsesi Pharmaniaga Logistik Sdn.Bhd
- b) Bekalan dari Cawangan Farmasi Logistik Negeri
- c) Kontrak Pusat Kementerian Kesihatan Malaysia
- d) Sebutharga
- e) Pembelian terus

Aktiviti perolehan yang di jalankan pada tahun 2019 adalah untuk item berikut;

- a) Ubat-ubatan
- b) Peralatan perubatan
- c) Gas Perubatan
- d) Reagen untuk unit TDM Farmasi
- e) Vaksin
- f) Peralatan pejabat dan lain-lain di bawah kod objek 27000

Unit Farmasi Logistik di bahagikan kepada beberapa seksyen utama iaitu;

- a) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- b) Bahagian Ubat: 8 unit pemesan
- c) Bahagian Peralatan perubatan: 52 unit pemesan
- d) Bahagian Ubat SRQ, IV drip dan Gas Perubatan: 52 unit pemesan

4.10 Latihan Ahli Farmasi Provisional (PRP) Lantikan

Jabatan Farmasi HDOK Sandakan adalah salah satu pusat latihan untuk ahli farmasi provisional (PRP) lantikan kontrak di Negeri Sabah.

Tempoh latihan PRP di Jabatan Farmasi seperti berikut:

Bil	Unit	Tempoh (minggu)
1	Farmasi Klinik Pakar	12
2	MTAC	3
3	Farmasi Satelit 1 & 2	8
4	Farmasi Galenikal	4
5	Farmasi Wad	10
6	Perkhidmatan Maklumat Ubat	4
7	Farmakokinetik (TDM)	2
8	Onkologi (CDR)	2
9	Farmasi Logistik	4
10	Penilaian Kaunseling	2

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Mengadakan Bengkel Pemantapan Perkhidmatan Farmasi Kali Ke-6 Bil 1/2019 (27 April 2019)
2. Mengadakan Bengkel Kaunseling Jabatan Farmasi 2019 (16 November 2019)
3. Mengadakan Kursus Pengurusan Stor Farmasi 2019 (2-3 Julai 2019).
4. Kajian Menggunakan Nama Generik.
5. Kajian Kepuasan Pelanggan.
6. Kajian Masa Menunggu.
7. Gotong-royong Ekosistem Konduktif Sektor Awam (EKSA).
8. Penerimaan bag kertas untuk pesakit yang dibuat dan diderma oleh sekolah dan organisasi bukan kerajaan.
9. Pameran VAS bersama Jawatankuasa PUB.
10. **2** projek penyelidikan telah dimulai pada tahun 2019 dan **1** projek penyelidikan disambung dari 2017. **1** projek penyelidikan dari 2017 dan **1** projek penyelidikan dari 2019 telah dibentangkan di peringkat negeri.
11. **62** sesi CPD/CME telah dikendalikan sepanjang tahun 2019.
12. Menerbitkan Bulletin/Drug Info Farmasi sebanyak **4** terbitan sepanjang tahun 2019.
13. Mengadakan Perjumpaan Kelab Jurnal sebanyak **5** kali dan **5** artikel telah dinilai.
14. **2** laporan aduan produk berdaftar (ubatan) telah diterima pada tahun 2019 dan semua laporan telah dimajukan kepada Seksyen Surveilans & Aduan Produk. Aduan adalah berkaitan dengan kualiti (**1** kes) dan kualiti serta efikasi (**1** kes).
15. **50** permohonan memperoleh dan menggunakan ubat yang memerlukan kelulusan khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Malaysia atau Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF) telah dihantar untuk mendapatkan kelulusan khas KPK/PKPF pada tahun 2019.
16. **16** permohonan penyenaian ubat FUKKM ke dalam formulari hospital telah diterima dan telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Farmasi dan Pengarah Hospital pada tahun 2019.
17. Mengemaskini Formulari Hospital dan Formulari Ubat-ubatan SRQ sebanyak **2** kali.
18. Mengadakan Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik untuk **11** Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik sebanyak **2** kali pada tahun 2019.
19. **1** kali Mesyuarat Farmasi Klinikal dan **1** kali Mesyuarat Farmasi Kaunseling telah diadakan pada tahun 2019.
20. Menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan dan Piagam Pelanggan Farmasi Pesakit Dalam **2** kali pada tahun 2019 (13 Mei – 19 Jun 2019 dan 11-29 Nov 2019).
21. Menjalankan Pemeriksaan Substor Farmasi Pesakit Dalam dan Farmasi Klinik Pakar pada 28-29 September 2019.
22. Melaksanakan penyeragaman senarai ubat dalam troli kecemasan untuk peringkat hospital.
23. Melaksanakan penyeragaman buku rekod preskripsi bahan psikotropik untuk peringkat hospital.
24. Mengadakan gotong-royong untuk persediaan Audit EKSA dan MS ISO.
25. Mengadakan jamuan perpisahan untuk staf FPD yang berpindah ke fasiliti lain.
26. Penambahan Sediaan baru:
 - Rehydration Solution for Malnourished Children (ReSoMal).
 - Sodium Chloride 0.9% Nassal Drops
 - Pantoprazole 2mg/ml Solution
27. Mengemaskini kertas kerja sediaan dengan nombor rujukan baru.
28. Penggunaan label prabungkus yang dicetak melalui PhIS secara keseluruhan bagi semua bentuk prabungkusan ubat di hospital bagi tujuan keseragaman, mengelakkan medication error.
29. Penggunaan buku rekod pemulangan ubat galenikal.
30. Penukaran formulasi Potassium Permanganate 0.1% kepada 5%.
31. Penukaran bentuk sediaan oral Sodium Bicarbonate dari pek 1g, 2g, 2.5g dan 5g kepada bentuk botol 240ml berisi Sodium Bicarbonate 8.4% Solution.

32. Penukaran dan penyeragaman cara pendispensan 3 jenis sediaan larutan garam:
 - Sodium Chloride 20% Solution
 - Sodium Phosphate 1.2g /10mmol /10ml Solution
 - Sodium Bicarbonate 8.4% Solution
33. Pemberhentian penggunaan dan pembekalan Ether Solvent untuk tujuan bukan perubatan.
34. Penggunaan respirator dengan filter dan sarung tangan nitril bagi pengendalian bahan kimia berbahaya di Farmasi Galenikal.
35. Perubahan senarai Floor Stock Wad dan unit dari bentuk manual kepada bentuk Google Sheet.
36. Perubahan Kajian Kepuasan Pelanggan dan Piagam Pelanggan dari bentuk manual kepada bentuk Google Form.
37. Memberi latihan sangkutan DMTAC selama 2 minggu kepada 1 orang pegawai farmasi MTAC DM dari Hospital Lahad Datu.
38. Memberi latihan sangkutan DMTAC (in-house training) kepada 1 orang pegawai farmasi di HDOK.
39. Mengemaskini Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Diabetes Mellitus.
40. Mengemaskini semula Prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Warfarin.
41. Mengemaskini prosedur Operasi Piawai (SOP) MTAC Diabetes Mellitus.
42. Mengemaskini *Masterlist* Ubat-ubatan bagi stor ubat dan *Masterlist* Bukan Ubat-ubatan bagi Stor Bekalan Perubatan Tahun 2019.
43. Mewujudkan Google Forms bagi melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan Unit Farmasi Logistik.
44. Mewujudkan Google Forms bagi Aduan Produk.
45. Kerjasama dengan Unit ICT, Perolehan dan Unit Kewangan bagi mewujudkan Google Drive untuk mengakses sijil dan lesen pihak pembekal bagi item kontrak.
46. Menjalankan aktiviti pendidikan (CSE) secara berterusan kepada semua staf yang disampaikan oleh Pegawai Farmasi dan PRP.
47. Mengadakan majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri 2019 peringkat Jabatan Farmasi, HDOK.
48. Mengadakan majlis sambutan hari jadi staf secara berperingkat.
49. Menjalankan aktiviti EKSA berterusan seperti gotong-royong, mengemas, menyisih dan menyusun secara besar-besaran mahupun individu. Unit Farmasi Logistik juga telah mendapat anugerah subzone terbaik kategori Pengurusan & Pentadbiran Terbaik 2019 bagi zon zamrud.
50. Terpilih untuk penilaian peringkat kedua pertandingan Anugerah Farmasi Logistik Terbaik 2019 JKN Sabah.
51. Mengadakan Jamuan Hari Raya Aidiladha dan baca Yassin pada 23 Ogos 2019 bagi Unit Farmasi Logistik, Jabatan Farmasi HDOK.
52. Mengadakan saringan kesihatan pemeriksaan tekanan darah dan paras gula untuk semua staf Unit Farmasi Logistik pada 14 Oktober 2019.
53. Verifikasi Stor Tahunan peringkat Jabatan Farmasi HDOK dijalankan pada 18-25 Oktober 2019 bersama Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sandakan.
54. Mengadakan aktiviti Ikrar Bebas Dadah pada 1 November 2019 di Unit Farmasi Logistik.
55. Gotong-royong pelupusan dokumen pada 2 Disember 2019 setelah menerima kelulusan dari Arkib Negara Malaysia.
56. Gotong-royong sempena audit MS ISO pada 4-6 Disember 2019.
57. Memberi taklimat tentang spillage management kepada unit Farmasi Klinik Pakar.
58. Melakukan perubahan / inovasi:
 - Menambahbaikan fail excel yang mengandungi jadual kemoterapi pesakit untuk satu tahun dan disambung aksesnya kepada semua wad yang berkaitan melalui aplikasi Dropbox untuk memudahkan penjadualan pesakit kemoterapi..
 - Penggunaan buku rekod penghantaran dan penerimaan pos laju untuk memudahkan pemantauan invoice pos laju..

- Pembentukan kumpulan whatsapp CDR seluruh Sabah yang dianggotai oleh staf-staf unit CDR hospital seluruh Sabah bertujuan untuk membincangkan masalah-masalah berkaitan dengan CDR antara hospital.
 - Penambahan regimen kemoterapi atau ubat sitotoksik baru ke dalam sistem PhIS.
59. Lawatan Kerja KSU Bersama Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Sabah di tapak pembinaan Kompleks Steril CDR & TPN pada 8 Julai 2019.
60. Mengadakan aktiviti-aktiviti Program Kenali Ubat Anda / Keselamatan Pengubatan (*Medication Error*) sebanyak 50 kali:
- Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Pengambilan Ubat yang Betul pada 17 Jan 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk 5B pada 23 Jan 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk 5B pada 20 Feb 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk 5B pada 21 Feb 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk 5B pada 06 Mac 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Pengambilan Ubat yang Betul pada 07 Mac 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 13 Mac 2019 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 17 Mac 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 03 April 2019 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Pembedahan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 10 April 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 12 April 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 19 April 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 April 2018 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 25 April 2018 di Ruang menunggu Klinik Pakar Pembedahan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 17 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 23 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 23 Mei 2018 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 24 Mei 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 6 Jun 2018 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 21 April 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 24 April 2019 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 25 April 2019 di SM St Michael, Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Pengambilan Ubat yang Betul pada 25 April 2019 di Dewan SM St Michael, Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Pengambilan Ubat untuk Pesakit Strok pada 30 April 2019 di Bilik Aktiviti Berat, Unit

- Pemulihan Carakerja, HDOK Sandakan.
- Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Konsep 5B dan Ubat Berdaftar pada 02 Mei 2019 di Kampus Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah, Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Penyimpanan Ubat yang Betul pada 02 Mei 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 08 Mei 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 19 Mei 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 12 Jun 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 23 Jun 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 26 Jun 2019 di Ruang Menunggu Klinik MOPD, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 27 Jun 2019 di Ruang Menunggu Klinik SOPD, HDOK Sandakan.
 - Pameran Jabatan Farmasi Sempena Ceramah Awam dan Bengkel Pesakit Kanser Payudara, Sandakan pada 26 Jun 2019 di Dewan Masyarakat Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 18 Julai 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 21 Julai 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 24 Julai 2019 di Ruang Menunggu Klinik Ortopedik, HDOK Sandakan.
 - Pameran, ceramah Kenali Ubat Anda dan VAS pada 17 Ogos 2019 di Perpustakaan Desa, Kg Batu Putih, Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 18 Ogos 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Cara Pengambilan Ubat yang Betul pada 26 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 04 September 2019 di Ruang Menunggu Klinik Ortopedik, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Kenali Ubat Anda pada 18 September 2019 di Bilik Mesyuarat MOPD, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 September 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 24 September 2019 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Ortopedik, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda Bertajuk Antibiotik pada 25 September 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 25 September 2019 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Pameran Farmasi Sempena Hari Farmasi Sedunia (*World Pharmacist Day*) pada 26 September 2019 di Ruang Legar Bangunan Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS 09 Oktober 2019 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 16 Oktober 2019 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Penyimpanan Ubat yang Betul pada 17 Oktober 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
 - Pameran Kenali Ubat Anda Hari Kesihatan Mental Sedunia Daerah Sandakan pada 19 Oktober 2019 di Dewan SMK Merpati, Sandakan.
 - Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Penyimpanan Ubat

yang Betul pada 24 Oktober 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.

- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 29 Oktober 2019 di Ruang Legar Farmasi Klinik Pakar, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 10 November 2019 di Pasar Tamu, Bandar Sandakan.
- Ceramah Program Kenali Ubat Anda bertajuk Pengambilan Ubat yang Betul pada 20 November 2019 di Bilik Mesyuarat Klinik Pakar Perubatan, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 22 November 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 27 November 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 11 Disember 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 18 Disember 2019 di Ruang Menunggu Klinik Pakar Ortopedik, HDOK Sandakan.
- Pameran Kenali Ubat Anda dan VAS pada 23 Disember 2019 di Ruang Legar FKP, HDOK Sandakan.

53. Mengadakan majlis perpisahan dan sambutan staf Jabatan Farmasi.



Gambar 1: Pameran VAS bersama Jawatankuasa QUM semasa Pameran dan Ceramah Kenali Ubat Anda di Perpustakaan Desa Batu Putih, Sandakan



Gambar 2: Pemeriksaan Sub stor pada 29 Sept 2019



Gambar 3: Gotong Royong penyusunan fail-fail lama



Gambar 4: Bengkel Kaunseling Farmasi



Gambar 5: Lawatan kerja ke tapak pembinaan Kompleks Steril CDR & TPN




Gambar 6: Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Filtri 2019


6.0 PENCAPAIAN

6.1 Statistik


Graf 1: Jumlah Nilai Perolehan dan Pembekalan Farmasi Logistik (2015-2019)




Graf 2: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Klinik Pakar (2015-2019)




Graf 3: Jumlah Bilangan Preskripsi Diterima dan Bilangan Item Didispen Farmasi Kecemasan (2015-2019) [Luar Waktu Pejabat]




Graf 4: Jumlah Kaunseling Farmasi Klinik Pakar [FKP] dan MTAC (2015-2019)




Graf 5: Jumlah Preskripsi Susulan Farmasi Klinik Pakar yang menggunakan Perkhidmatan Tambah Nilai [VAS] (2015-2019)




Graf 6: Jumlah Item Dibekal oleh Farmasi Pesakit Dalam [Unit Dos (UD), Unit of Use (UOU) & Floor Stock (FS)] (2015-2019)




Graf 7: Bedside Kaunseling dan Discaj Kaunseling oleh Farmasi Wad (2015-2019)




Graf 8: Jumlah CP1 dan CP2 Farmasi Wad (2015-2019)




Graf 9: Jumlah Prabungkusan Sediaan Internal, Sediaan Eksternal dan Tablet (2015-2019)




Graf 10: Perkhidmatan Maklumat Ubat [Farmasi Klinik Pakar (FKP), Farmasi Pesakit Dalam (FPD), Farmasi Wad (FWad) & DIS](2015-2019)




Graf 11: Jumlah Intervensi [Farmasi Wad (FWad), Farmasi Pesakit Dalam (FPD) & Farmasi Klinik Pakar (FKP)] (2015-2019)




Graf 12: Jumlah Adverse Drug Reaction (ADR) dan Alahan Ubat (2015-2019)




Graf 13: Jumlah Sediaan Internal dan Sediaan Eksternal (2015-2019)




Graf 14: Jumlah Sediaan Ekstemporanus [Farmasi Klinik Pakar (FKP) & Farmasi Galenikal (Gal)] (2015-2019)



Graf 15: Bilangan Assay TDM dan Bilangan Kes Keracunan Paracetamol (PCM) Farmasi Farmakokinetik Klinikal (2015-2019)



Graf 16: Bilangan Pesakit dan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik [CDR](2015-2019)



(PERANCANGAN 2020)

Jabatan Farmasi ada membuat beberapa rancangan penambahbaikan untuk tahun 2020. Antaranya adalah seperti berikut:

1. CPE dan 'Pharmacy Round' diteruskan lagi untuk tahun 2020 agar aktiviti tersebut dapat menjadi platform untuk pengkongsian ilmu dan pengalaman pegawai farmasi wad.
2. Pemantapan dan 'reinforcing' AJK Kualiti Jabatan Farmasi dengan menggiatkan aktiviti R&D secara kluster unit. PF yang terlibat dalam penyelidikan perlu memberi khidmat nasihat kepada PPF agar dapat menjalankan sesuatu projek penyelidikan. Penyelidikan yang diketuai PF juga boleh dibantu dan disertai oleh PPF yang bersesuaian sekaligus mengembangkan minat menjalankan aktiviti R&D dalam kalangan PPF. Dijangkakan akan ada 3 kajian daripada kluster unit seperti berikut:
 3. FPD/CDR/Gal
 4. FKP/UFL/DIS
 5. Wad/MTAC/TDM
3. Pelan Operasi Latihan Jabatan Farmasi untuk tahun 2020 adalah seperti berikut:
 - a. Kursus Pemantapan Perkhidmatan Farmasi (Mac & Jun)
 - b. Kursus Pengurusan Stor Jab Farmasi (April)
 - c. Bengkel Softskills/Medication Error/Medicolegal (Ogos)
 - i. Untuk memantapkan 'softskills' dalam bidang dispensing terutamanya dalam pengurusan pesakit.
 - ii. Meningkatkan kualiti dalam personaliti diri apabila berhadapan konflik-konflik di tempat kerja dan alam kehidupan.
 - iii. Mengetahui kes-kes medicolegal, peranan dan tindakan sebagai pegawai farmasi
 - iv. Membantu dalam pengurusan tekanan ketika bekerja.
 - v. Memahami seba-sebab berlakunya medication

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

- error dan cara untuk menanganinya
- d. Bengkel PHIS, jika perlu (April)
7. Dijangkakan juga perancangan tahun 2020, penglibatan dalam aktiviti KIK dan QAP dapat dikembangkan lagi dan menyertai pertandingan peringkat negeri ataupun kebangsaan. AJK Latihan dan unit-unit yang terlibat akan menyediakan kertas cadangan perbelanjaan kursus untuk dimajukan kepada PH untuk kelulusan bajet.
8. Perancangan projek daripada AJK Kualiti Jabatan Farmasi untuk tahun 2020
- AJK KIK- 1 projek (Lu miin's team)
 - AJK QAP- 1 projek (Liyana's team)
 - AJK Sosial dan Kebajikan
 - Pharmacy Run 2020
 - Dinner /PharmNite 2020
 - Lawatan/ Family Day 2020
9. Berikut adalah lantikan untuk AJK Kualiti Jabatan Farmasi tahun 2020.
- Pengerusi Tabung Kebajikan Farmasi – Ms Phua
 - Pengerusi Latihan PRP- En Ashraf
 - Pengerusi Bengkel & Latihan – Ms Raihan
 - Pengerusi Kelab Kebajikan Farmasi – Ms Leong BK
 - Pengerusi Med Safety – En James
 - Pengerusi Infection Control – Ms Yee Jin
 - Pengerusi PUB – En Zulhilmi
 - Pengerusi Task Force – En Ridzuan.
10. Pelan penjimatan peringkat hospital diteruskan dan mengambilkira keperluan HDOK sebagai 'hospital lead' untuk Program Hospital Kluster bagi Daerah Sandakan. Analisis ABC yang dijalankan ditambahbaik lagi pada peringkat HDOK dengan menambahkan elemen NEML dalam analisis agar penjimatan boleh dijalankan berdasarkan keperluan dalam hospital. KPI Kluster Sandakan telah ditetapkan semasa Bengkel Kluster yang diadakan baru-baru ini.

11. Meningkatkan kesedaran dan promosi mengenai Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Farmasi antaranya Perkhidmatan Tambah Nilai / Value-added Services (VAS) dan Perlaksanaan Aktiviti Penggunaan Ubat Berkualiti (PUB) ataupun Kempen Kenali Ubat Anda. Pemantapan dari segi penlibatan anggota awam juga diperkenalkan dengan adanya Duta Kenali Ubat Anda peringkat HDOK. Duta-duta ini akan membantu dari segi promosi dan pendidikan kepada awam.
12. Mengikut erancangan, Sambutan Hari Farmasi Sedunia peringkat Sabah akan diadakan di Sandakan pada bulan September 2020. Masih menunggu arahan daripada peringkat JKNS

8.0 PENUTUP

Walaupun tahun 2019 merupakan satu tahun yang penuh cabaran, unit-unit farmasi telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan perkhidmatan farmasi.

Pada tahun yang akan datang, Jabatan Farmasi HDOK akan berusaha berterusan supaya objektif Jabatan Farmasi HDOK sentiasa tercapai.

JABATAN PERUBATAN REHABILITASI

1.0 PENGENALAN

Perubatan Rehabilitasi ialah satu bidang kepakaran perubatan yang menguruskan keadaan ketidakupayaan pesakit akibat komplikasi kesihatan untuk mencapai tahap keberdikarian yang semaksima mungkin.

2.0 OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan perubatan rehabilitasi yang terkini secara menyeluruh kepada semua pelanggan mengikut keperluan untuk mencapai kefungsi dan kualiti hidup yang maksima.

3.0 PERJAWATAN

Statistik perjawatan secara ringkas. Boleh dalam bentuk jadual bagi memudahkan penyampaian maklumat. Contohnya:

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
UD54	0	1	-1
UD48	0	1	-1
UD44	0	3	-3
PPP U32	0	1	-1
JT U29	0	1	-1
Jumlah	0	7	-7

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Unit Perubatan Rehabilitasi

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Pemulihan Strok
- Kecederaan Saraf Tunjang
- Pemulihan Amputasi
- Pemulihan Neurologi
- Pemulihan Kecederaan Otak
- Pemulihan Pediatrik
- Pemulihan Musculoskeletal
- Program Kembali Bekerja

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Kursus "Stroke Rehab" diadakan di peringkat hospital pada 21 Ogos 2019 dan para peserta merupakan staf dari Hospital Duchess of Kent, Hospital Kinabatangan serta Hospital Beluran.



Gambar 1: Kursus "Stroke Rehabilitation"

6.0 PENCAPAIAN

2019	KES BARU	KES SUSULAN	JUMLAH
MAC	8	17	25
APRIL	18	9	27
MEI	14	15	29
JUN	14	29	43
JULAI	35	24	59
OGOS	29	28	57
SEPTEMBER	9	41	50
OKTOBER	33	27	60
NOVEMBER	26	39	65
DISEMBER	14	48	62
JUMLAH	200	277	477

Jadual 2: Jumlah pesakit dilihat di Klinik Perubatan Rehabilitasi tahun 2019

2019	KES
FEBRUARI	10
MAC	31
APRIL	42
MEI	44
JUN	38

JULAI	27
OGOS	36
SEPTEMBER	42
OKTOBER	42
NOVEMBER	46
DISEMBER	37
JUMLAH	395

Jadual 3: Jumlah pesakit rujukan dilihat di wad

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

i) Klinik Perubatan Rehabilitasi

Klinik ini adalah untuk merawat pesakit-pesakit kelainan upaya berpunca daripada masalah neurologi, amputasi, “limbs deformity” dan lain-lain.

ii) Klinik “Return to Work” (RTW)

Klinik ini merupakan kolaborasi Jabatan Perubatan Rehabilitasi dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pewujudan Klinik RTW ini merupakan pendekatan holistic yang akan memberi manfaat kepada orang berinsurans PERKESO mempercepatkan proses pemulihan serta membantu memudahkan cara pihak hospital membuat rujukan kes Orang Bercarum kepada pihak PERKESO.

iii) Klinik “Spasticity”

Pesakit-pesakit neurologi dan kecederaan saraf tunjang mempunyai risiko mendapat “spasticity”. “Spasticity” mengganggu pergerakan tangan dan kaki meninggikan risiko jatuh semasa berjalan. “Spasticity” jika dibiarkan boleh membawa kepada “muscular contracture” di mana pesakit perlu menjalani pembedahan untuk merawat masalah “contracture”. Oleh itu, klinik “Spasticity” adalah penting untuk merawat masalah “contracture”. Pesakit akan diberi “Botulinum toxin A injection” menggunakan mesin ultrasound untuk merawat “spasticity”.

iv) Rawatan pesakit dalam

Pesakit-pesakit yang berpotensi untuk meningkatkan kefungsi akan diberi keutamaan untuk rehabilitasi aktif di dalam wad. Setiap pesakit mempunyai pelan rehabilitasi yang berbeza dan dirangka khas mengikut keperluan serta keupayaan pesakit. Pelan rehabilitasi termasuk merawat kondisi medikal, mencegah dan menangani komplikasi, strategi mengembalikan keupayaan, mempreksripsi bantuan peralatan dan adaptasi serta modifikasi sekeliling. Perkhidmatan rehabilitasi pesakit dalam adalah penting untuk menaik taraf perkhidmatan rehabilitasi di Hospital Duchess of Kent ke tahap IV dan menjadi sumber rujukan hospital-hospital pantai timur Sabah.

Pasukan rehabilitasi akan membuat rondaan pesakit tiap-tiap hari termasuk waktu lepas pejabat kalau dipanggil.

8.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, unit ini baru dimulakan dan berusaha mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Unit ini berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi unit bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

UNIT PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLIMENTARI

1.0 PENGENALAN

Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari telah beroperasi selama 10 tahun di Hospital Duchess of Kent sejak 14 December 2009. Rujukan kes semakin hari semakin bertambah, ini merupakan kesedaran orang awam terhadap keselamatan dan keberkesanan penggunaan perubatan tradisional dan komplementari yang semakin baik dan terkawal.

2.0 OBJEKTIF

1. Menyediakan, meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan terhadap penyakit pesakit.
2. Mengurangkan jumlah pesakit mengunjungi ahli Perubatan Traditional dan Komplementari yang tidak terdaftar dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Membantu dan mempercepatkan pemulihan pesakit angin ahmar, sakit badan kronik serta loyah dan muntah selepas kemoterapi.
4. Menggalakkan rujukan pesakit diluar bandar dan kawasan Sandakan melalui promosi perkhidmatan kepada masyarakat.

VISI

Kakitangan pengamal perubatan Tradisional dan Komplementari memberikan rawatan mengikut garis panduan yang ditetapkan Bahagian Perubatan & Tradisional Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.

MISI

Semua pesakit yang mendapatkan rawatan Tradisional dan Komplementari di unit ini adalah selamat dan efektif.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan dan Gred	Bilangan
Pegawai Perubatan UD52	1
Jururawat Terlatih U29	1
Pegamal Urut Melayu perempuan	1
Pegamal Urut Melayu Lelaki	1
Pegamal Akupuntur	1

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan Unit Tradisional dan Komplementari, HDOK terbahagi kepada 3 bahagian:

1. Perkhidmatan pesakit temu janji

a. Urutan Melayu Tradisional

- Urutan akan memberi tumpuan kepada manipulasi otot dan/ atau tisu di sekitar kawasan urutan. Ini agar dapat merangsang sistem lain dalam seperti sistem limfa, sistem peredaran darah dan sistem saraf. Secara langsung dapat memberi kesan terapeutik seperti meningkatkan aliran darah; melegakan kesakitan dan kekejangan otot; dan pemulihan keseluruhan tubuh badan atau sebahagian daripadanya.
- Rawatan urut untuk pesakit-pesakit yang mengalami sakit otot yang kronik
- Rawatan urut kepada pesakit yang mengalami angin ahmar

b. Akupuntur

- Teknik mencucuk dan memanipulasi jarum filiform yang halus di titik tertentu pada bahagian badan (titik akupuntur) untuk mengurangkan kesakitan atau untuk tujuan terapeutik sama ada digandingkan dengan moksibusi atau tidak.
- Rawatan akupuntur kepada pesakit angin ahmar dan sakit otot kronik

c. Bekam

- Bekam melibatkan penggunaan cawan bekam yang mengandungi udara betekanan rendah (vakum) dan diletakkan pada kulit di bahagian tertentu badan. Vakum boleh dihasilkan dengan menggunakan kaedah pemanasan (api) atau peralatan dengan sedutan mekanikal. Udara pada kawasan

kulit yang dilitupi oleh cawan bekam akan disedut secara perlahan-lahan.

- Bekam dipercayai dapat meningkatkan peredaran darah dan merangsang pemulihan.

d. Moksibusi

- Melibatkan pembakaran *mugwort* (*Artemisia vulgaris L.*) iaitu sejenis tumbuhan ubatan yang telah dikeringkan, untuk membantu dalam penyembuhan

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

Promosi perkhidmatan

- Tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakan pesakit awam untuk menerima rawatan perubatan Tradisional dan Komplementari.
- Unit Traditional dan Komplementari di Hospital Duchess of Kent telah berjaya mengadakan 2 kali promosi perkhidmatan pada tahun 2019.

Bengkel “Acupuncture Assisted Aneasthesia”

- Tujuan bengkel ini adalah mengintegrasikan perkhidmatan tradisional akupunktur dalam membantu bius yang dapat mengurangkan penggunaan ubat bius dalam proses pembedahan.
- Bengkel ini dihadiri oleh Dr Goh Ching Soon, Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari KKM. Jemputan penceramah: Prof Zhou Wenxin, IMU dan Dr Chan See Yun, Sub pakar Aneasthesia merangkap Acupuncture Assisted Aneasthesia Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.



Gambar 1: Hari bertemu pelanggan yang telah dijalankan

6.0 PENCAPAIAN

Jumlah Kehadiran Pesakit Baru Mengikut Jenis-Jenis Rawatan Di Unit Perubatan Tradisional & Komplementari, Hdok Dari Tahun 2017 Hingga 2019

Bulan	Jenis Perkhidmatan								
	2017			2018			2019		
	U	A	P	U	A	P	U	A	P
Jan	53	13	2	47	13	16	48	18	-
Feb	37	21	20	19	10	10	33	10	-
Mac	50	19	24	34	9	24	29	16	-
Apr	32	12	25	47	19	5	36	12	-
Mei	42	16	27	42	14	6	35	34	-
Jun	34	9	3	32	5	7	-	20	-
Jul	38	18	3	37	27	2	-	45	-
Ogos	32	19	28	50	20	-	-	39	-
Sept	45	18	1	29	13	-	-	16	-
Okt	46	19	14	60	12	-	-	26	-
Nov	35	14	23	40	15	-	69	19	-
Dis	29	16	10	32	18	-	27	19	-

* U- Urutan Melayu Tradisional * A- Akupunktur
* P- Postnatal Care

Jumlah Kehadiran Pesakit Ulangan Mengikut Jenis-Jenis Rawatan Di Unit Perubatan Tradisional & Komplementari, HDOK Dari Tahun 2017 Hingga 2019

Bulan	Jenis Perkhidmatan								
	2017			2018			2019		
	U	A	P	U	A	P	U	A	P
Jan	175	154	15	177	144	6	140	146	-
Feb	159	116	10	125	115	10	114	49	-
Mac	201	187	21	102	84	13	121	85	-
Apr	132	91	7	210	127	5	127	86	-
Mei	159	115	25	147	96	10	141	118	-
Jun	128	108	9	126	68	8	-	151	-
Jul	172	124	14	124	134	6	-	206	-
Ogos	145	134	11	138	135	-	-	202	-
Sept	123	124	10	125	125	-	-	167	-
Okt	136	136	11	172	133	-	-	225	-
Nov	195	152	18	153	112	-	132	213	-
Dis	134	111	12	144	100	-	155	180	-

* U- Urutan Melayu Tradisional * A- Akupunktur

* P- Postnatal Care

LAIN-LAIN AKTIVITI YANG DIJALANKAN

1. Bengkel "Acupuncture Assisted Aneesthesia" untuk Zon Timur Sabah
2. Memberikan ceramah "Integrative Medicine" kepada semua peserta bengkel "Acupuncture Assisted Aneesthesia"
3. Menghadiri kursus 7th Evidence Based Seminar on Tradisional & Complementary bertempat di Kuala Lumpur
4. Lawatan Pengarah BPTK KKM ke Unit PT&K HDOK dan perjumpaan bersama Dr Francis Paul.
5. Jemputan Pengarah BPTK sebagai penceramah jemputan bagi tajuk "Blue Print" untuk bengkel "Acupuncture Assisted Aneesthesia".
6. Hebahan perkenalkan perkhidmatan unit PT&K melalui segmen Radio Talk anjuran unit promosi, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan
7. Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK pertama bersama Persatuan HAKKA berlokasi di Dewan Yu Yuen Sandakan.
8. Menghadiri mesyuarat KCKU Bil I di BPTK.
9. Audit Pain Free Hospital daripada KKM

10. Aktiviti promosi unit PT&K, HDOK kedua bersama medical camp KKRS HDOK berlokasi di Pantai Boring.
11. Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplementari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Bil I
12. Menghadiri mesyuarat KCKU Bil II di BPTK.
13. Terlibat sebagai auditor bersama Pain Free Team HDOK
14. Lawatan pemantauan oleh Cawangan Perubatan Tradisional & Komplementari, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Bil II

7.0 PENUTUPAN

Pada tahun 2019, unit ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi HDOK. Unit berharap akan dapat meningkatkan lagi prestasi Unit ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan rawatan tradisional urutan melayu dan akupunktur yang lebih berkualiti dan efektif kepada pesakit-pesakit yang memerlukan.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) merupakan salah satu jabatan di bawah khidmat sokongan klinikal di Hospital Duchess Of Kent Sandakan. JKSP wujud sebagai satu perkhidmatan yang menguruskan fungsi psikososial individu, keluarga dan komuniti bagi membantu pesakit mencapai tahap kesihatan yang lebih baik. Praktis Kerja Sosial Perubatan berasaskan kepada pengetahuan dalam bidang kerja sosial yang merangkumi aspek psikologi, antropologi & sosiologi, perundangan sosial dan aspek kesihatan.

2.0 OBJEKTIF

- Memberi perkhidmatan psikososial kepada pesakit semasa proses pencegahan, rawatan dan pemulihan.
- Membantu memulihkan kefungsi sosial agar pesakit menjadi produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.
- Meningkatkan keyakinan diri ke arah memperkasakan pesakit melalui khidmat terapi sokongan.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
PKSP S52	1	1	0
PKSP S48	1	1	0
PKSP S41	1	1	0
PT(P/O) N19	1	1	0
PPK U11	1	1	0

Jadual 1: Maklumat perjawatan JKSP

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan utama di JKSP terbahagi kepada 2 iaitu Terapi Sokongan dan Bantuan Praktik.

i. Terapi Sokongan

Merupakan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit yang menghadapi masalah sosial, emosi dan psikologi. Ini termasuklah kes keganasan rumah tangga, ibu tanpa nikah, penderaan / penganiayaan / pengabaian kanak-kanak, mangsa perkosaan dan lain-lain.


ii. Bantuan Praktik

Merupakan perkhidmatan yang lebih tertumpu kepada membantu pesakit yang menghadapi masalah kewangan yang berkaitan dengan rawatan lanjut seperti tambang (Luar Negeri Sabah & Dalam Negeri Sabah), bantuan peralatan perubatan, bantuan ubat, perbelanjaan kos rawatan, penempatan institusi dan lain-lain.

5.0 AKTIVITI TAMBAHAN YANG DIJALANKAN

1. Jaringan Kerjasama NGO

Pihak JKSP bekerjasama dengan pihak NGO dalam membantu pesakit yang memerlukan bantuan.



Gambar 1: Sumbangan Bantuan Peralatan Kepada Pesakit Dengan Kerjasama NGO

2. Program Titian Kasih Aidilfitri

Program Titian Kasih Aidilfitri merupakan program sumbangan hamper berbentuk makanan asas kepada pesakit golongan miskin tegar JKSP.




Gambar 1: Sumbangan Kepada Pesakit Sempena Program Titian Kasih Aidilfitri

3. Program Lawatan Ke Rumah Pesakit




Gambar 2: Lawatan Ke Rumah Pesakit untuk membuat Laporan Biospikososial yang lengkap bagi merancang discaj pesakit.

6.0 PENCAPAIAN



Graf 1: Jumlah Rujukan Pesakit, Pesakit Baru dan Pesakit Ulangan

Jumlah Bantuan TKPM



Graf 2: Jumlah Bantuan TKPM Kepada Pesakit Bagi Tahun 2017 – 2019

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

JKSP telah melakukan penambahbaikan dari segi sistem rujukan pesakit ke JKSP melalui pembahagian tugas pegawai mengikut disiplin / jabatan. Setiap PKSP akan mengendalikan kes dari beberapa disiplin / jabatan tertentu. Penambahbaikan ini telah melancarkan lagi pengurusan dan pengendalian kes pesakit dan pihak perujuk juga lebih mudah untuk membuat rujukan jika ada pertanyaan atau perbincangan berkenaan dengan kes.

8.0 PENUTUP

Pada tahun 2019, Jabatan Kerja Sosial Perubatan telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan sejajar dengan misi dan visi JKSP khususnya dan HDOK amnya. JKSP berharap akan dapat meningkatkan lagi kualiti dan prestasi jabatan ini bagi tujuan penyampaian proses perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mesra pelanggan.

UNIT PROMOSI KESIHATAN

1.0 PENGENALAN

Unit Promosi Kesihatan merupakan satu unit yang menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan bagi membantu menggalakkan amalan tingkahlaku yang sihat di kalangan pesakit dan kakitangan hospital. Unit Promosi Kesihatan akan beroperasi sebagai satu unit yang memberi perkhidmatan pendidikan dan promosi kesihatan yang berpaksi kepada perubahan tingkahlaku kesihatan yang positif.

2.0 OBJEKTIF

OBJEKTIF UMUM

Untuk memperkasakan pesakit dan keluarga dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan mereka menguruskan sendiri penyakit ke arah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik.

OBJEKTIF KHUSUS

- Menyediakan pelanggan (pesakit, keluarga pesakit, orang awam dan kakitangan hospital) dengan intervensi-intervensi pendidikan pesakit secara berkala.
- Menyediakan perkhidmatan berhenti merokok secara sistematik dan berkesan.
- Beroperasi sebagai *One Stop Center* bagi menyalurkan maklumat kesihatan kepada pelanggan.
- Menyediakan latihan berkaitan pendidikan pesakit dan pendidikan kesihatan kepada warga kerja.

VISI

Memberi perkhidmatan pendidikan pesakit dan promosi kesihatan yang cemerlang.

MISI

Memberikan maklumat dan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan pesakit yang menjurus ke arah perubahan tingkahlaku yang positif.

3.0 PERJAWATAN

Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kosong
Pegawai Penerangan (Pelajaran Kesihatan)	1	1	-

Jadual 1: Maklumat perjawatan dalam Jabatan / Unit

4.0 SKOP PERKHIDMATAN

Skop Perkhidmatan di Unit Promosi Kesihatan HDOK, Sandakan ialah;

- Menjalankan aktiviti Pendidikan Pesakit
- Mengendalikan Perkhidmatan Berhenti Merokok
- Menyelaras Program Aktiviti Fizikal
- Menyelaras Promosi Pendermaan Organ
- Menyelaras Program Literasi Kesihatan
- Menerbit dan menyediakan bahan-bahan Pendidikan Kesihatan (Risalah, brochure, infografik, videografik)

5.0 AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN KOSPEN PLUS (KEBAYA CHALLENGE)

Program ini merupakan sebuah latihan bagi menurunkan 10% berat badan asal dalam tempoh 10 minggu. Program ini telah dilaksanakan pada 22 Mac 2019 sehingga 31 Mei 2019. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung ialah **Latihan Bersama Jurulatih (LBJ)** sebanyak 10 sesi. LBJ ialah sesi berlatih bersama melibatkan **latihan kardiovaskular, latihan bebanan** dan **taklimat jurulatih**. Kemudian, peserta harus melakukan **Latihan Tanpa Jurulatih (LTJ)** iaitu sesi berlatih secara sendirian atau berkumpulan. Selain itu, para peserta juga diberi panduan dan tunjuk ajar melalui Runding Cara Pemakanan dan Khidmat Kaunseling bagi meningkatkan motivasi para peserta yang terlibat.



Gambar 1: Barisan Peserta Kebaya Challenge bersama Pengarah Hospital pada Majlis Penutupan Program.

KURSUS CARA HIDUP SIHAT

Kursus ini merupakan Program Tahunan yang dijalankan oleh Unit Promosi Kesihatan yang berobjektifkan;

- i. Memastikan para peserta mempunyai pendedahan khusus mengenai penjagaan berat badan yang lebih ideal.
- ii. Mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit yang disebabkan masalah berat badan yang tidak ideal seperti Diabetes, Hipertensi, penyakit jantung, *sleep apnea*, dan sebagainya.
- iii. Mengelakkan peserta daripada terus mengamalkan cara hidup yang sedenter (tidak aktif/tidak melakukan aktiviti fizikal).



Gambar 1: Aktiviti Gerak Sihat

MAJLIS PERASMIAN MINGGU KESEDARAN PENDERMAAN ORGAN PERINGKAT HDOK SANDAKAN

Program ini merupakan aktiviti tahunan Unit Promosi Kesihatan dengan kerjasama Jawatankuasa Perolehan Organ & Tisu HDOK, Sandakan (TOP TEAM) yang telah dijalankan pada 06 Oktober 2019. Program ini dijalankan secara serentak di seluruh negara dan di peringkat HDOK pula, ianya telah diadakan di Pasaraya MYDIN Sejati Ujana, Sandakan. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Amsi Liew, Pegawai Perhubungan Parlimen P186 Sandakan, bagi mewakili YB Vivian Wong. Program ini berobjektifkan;

- i. Meningkatkan pengetahuan dan mendidik masyarakat mengenai pendermaan organ
- ii. Mempromosikan pendermaan organ kepada orang awam
- iii. Mengubah persepsi orang awam mengenai Pendermaan Organ
- iv. Memupuk hubungan erat di antara pihak penganjur dan pihak NGO dalam melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial (CSR)



Gambar 1: Antara Jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan program

PAMERAN KESIHATAN (LUAR HOSPITAL)

Program ini adalah berdasarkan kepada keperluan dan jemputan daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) serta sekolah-sekolah di sekitar daerah Sandakan dalam usaha meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran para peserta mengenai penjagaan kesihatan. Selain pameran, ceramah terbuka turut dilakukan sepanjang program berlangsung. Program ini sebenarnya mampu mempromosikan kesihatan komuniti setempat melalui;

- i. Penyebaran maklumat yang tepat, wajar dan sesuai dengan cara yang inovatif, saksama dan tepat pada waktu
- ii. Dorongan ke atas individu dan komuniti supaya mereka dapat bertindak terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mereka
- iii. Kolaborasi antara sektor dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan dan dengan sektor swasta



Gambar 1: Pameran Kesihatan yang dijalankan di Sekolah Menengah.

02.	Perkhidmatan Berhenti Merokok	4 orang klien berjaya berhenti merokok dalam tempoh kohort.
03.	Sambutan Hari Khas Kesihatan	2 program
04.	Ceramah Kesihatan	21 kali ceramah kesihatan di Sandakanfm
05.	Latihan Anggota Kesihatan	2 kali
06.	Pameran Kesihatan	15 kali
07.	Program Aktiviti Fizikal (Pengurusan Berat Badan)	1 program

7.0 AKTIVITI PENAMBAHBAIKAN

Unit Promosi Kesihatan merancang untuk mengukuhkan lagi Program Aktiviti Fizikal dalam kalangan kakitangan hospital, selain mengukuhkan lagi Perkhidmatan Berhenti Merokok di hospital ini melalui promosi yang berterusan dari masa ke semasa.

8.0 PENUTUPAN

Sepanjang tahun 2019, Unit Promosi Kesihatan telah berjaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang disarankan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan meskipun mendapat kekangan dari segi kewangan. Walau bagaimanapun, unit ini akan sentiasa memperbaiki mutu dan kualiti perkhidmatan sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa.

6.0 PENCAPAIAN

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH
01.	Penerbitan Bahan Pendidikan Kesihatan	3000 keping (termasuk poster, baner, phamplet, brochure, bunting dan risalah)

PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CRC)

1.0 PENGENALAN

Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Hospital Duchess of Kent, Sandakan adalah Pusat Penyelidikan Klinikal yang keempat di Sabah selain daripada Pusat Penyelidikan klinikal Queen Elizabeth 1 & 2, Pusat Penyelidikan klinikal Hospital Likas dan Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Tawau (terkini dan dirasmikan pada 2019). CRC HDOK telah ditubuhkan pada 21st July 2014 dan lengkap sepenuhnya pada 26th Disember 2014. Penubuhan CRC HDOK adalah diatas usaha sama pengarah Hospital iaitu Dr. Francis Paul dan pengarah Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (NCRC) iaitu Dato' Dr Goh Pik Pin. Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Duchess of Kent telah di terajui Mr Lai Chung Ket (surgeon HDOK), adalah selaras dengan pengetahuan terkini dan rawatan pesakit untuk membangunkan kapasiti sumber manusia dalam penyelidikan perubatan sama ada melalui peringkat jabatan atau di unit masing-masing

